

**PENGETAHUAN, SIKAP DAN TINGKAH LAKU  
MASYARAKAT MUSLIM TERHADAP PROGRAM  
PEMULIHAN AKHLAK BAGI PESALAH SEKS REMAJA:  
KAJIAN DI SELANGOR**

**NURSYAHIDAH BINTI IBRAHIM**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2023**

**PENGETAHUAN, SIKAP DAN TINGKAH LAKU  
MASYARAKAT MUSLIM TERHADAP PROGRAM  
PEMULIHAN PESALAH SEKS REMAJA: KAJIAN DI  
SELANGOR**

**NURSYAHIDAH BINTI IBRAHIM**

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2023**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Nursyahidah Binti Ibrahim

No. Matrik: 17113431/3 / IMB180007

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Usuluddin

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja: Kajian di Selangor.

Bidang Penyelidikan: Pembangunan Insan (221: Religion)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa- apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung didalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakanlain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 22.02.2023

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 22.02.2023

Nama:

Jawatan

**PENGETAHUAN, SIKAP DAN TINGKAH LAKU MASYARAKAT MUSLIM  
TERHADAP PROGRAM PEMULIHAN AKHLAK BAGI PESALAH SEKS  
REMAJA: KAJIAN DI SELANGOR**

**ABSTRAK**

Kajian ini ialah PENGETAHUAN, SIKAP DAN TINGKAH LAKU MASYARAKAT MUSLIM TERHADAP PROGRAM PEMULIHAN AKHLAK BAGI PESALAH SEKS REMAJA: KAJIAN DI SELANGOR. Peranan masyarakat diakui penting sebagai pencegah penularan wabak sosial seperti salah laku seksual dalam kalangan remaja. Bagi remaja yang telah terjebak dengan salah laku seksual, mereka perlu menyertai satu siri program pemulihan sosial bagi tujuan pemulihian. Meskipun program tersebut merupakan suatu usaha yang baik dalam membantu memulihkan akhlak remaja bermasalah, namun penelitian terhadap beberapa isu yang berlaku mendapat pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks adalah kurang memuaskan. Hal ini jelas dibuktikan melalui penolakan masyarakat terhadap program pemulihan akhlak sedia ada. Selain itu, masyarakat tidak jelas tentang fungsi dan tujuan sebenar program pemulihan akhlak dijalankan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja serta menganalisis hubungan di antara ketiga-tiga aspek tersebut. Seterusnya, kajian ini dijangka dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat khususnya masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif penuh yang berbentuk kajian tinjauan secara atas talian. Sebanyak 416 soal selidik telah diedarkan kepada masyarakat Muslim berusia 18 tahun ke atas yang dipilih menggunakan Teknik Persampelan Mudah. Akhir sekali, dapatan kajian mendapat pengetahuan ( $N=416$ ,  $\text{min}=3.94$ ), sikap ( $N=416$ ,  $\text{min}=3.85$ ) dan

tingkah laku ( $N=416$ ,  $min=3.04$ ) masyarakat Muslim di Selangor berada pada tahap sederhana tinggi. Masyarakat Muslim dikenal pasti mempunyai pengetahuan yang baik, menunjukkan sikap yang positif dan tingkah laku yang sederhana baik terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Hasil analisis pula mengesahkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara pengetahuan dan sikap ( $r=.545$ ,  $p<0.01$ ), pengetahuan dan tingkah laku ( $r=.368$ ,  $p<0.01$ ) serta sikap dan tingkah laku ( $r=.427$ ,  $p<0.01$ ) masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

Kata Kunci: pengetahuan, sikap, tingkah laku, program pemulihan akhlak, pesalah seks remaja.

**KNOWLEDGE, ATTITUDE, AND BEHAVIOR OF THE MUSLIM  
COMMUNITY TOWARDS THE ADOLESCENT SEX OFFENDER MORAL  
REHABILITATION PROGRAMS: A STUDY IN SELANGOR**

**ABSTRACT**

This study is the KNOWLEDGE, ATTITUDE, AND BEHAVIOR OF THE MUSLIM COMMUNITY TOWARDS THE ADOLESCENT SEX OFFENDER MORAL REHABILITATION PROGRAMS: A STUDY IN SELANGOR. The role of society is recognized as an important prevention of the spread of social epidemics such as sexual misconduct among adolescents. For teens who have been caught up in sexual misconduct, they need to participate in a series of social rehabilitation programs for rehabilitation purposes. Although the program is a reasonable effort in helping to rehabilitate the morals of troubled youths, the research on some of the issues found that the community's knowledge, attitudes, and behavior towards moral rehabilitation programs for sex offenders were poor. This is clearly evidenced by the public's rejection of the existing moral rehabilitation programs. In addition, the society are not clear about the actual functioning and purpose of the moral rehabilitation programs. Thus, this study was carried out to identify the knowledge, attitude and behavior of the Muslim community in Selangor towards the moral rehabilitation programs for adolescent sex offenders and to analyze the relationship between the three aspects. Next, this study is expected to increase the knowledge and awareness of the community, especially the Muslim community in Selangor on the moral rehabilitation programs for adolescent sex offenders. This study uses a fully quantitative approach in the form of online survey studies. A total of 416 questionnaires were distributed to the Muslim community aged 18 years and above selected using the Convenience Sampling Technique. Finally, the findings of the study found that the knowledge ( $N=416$ ,  $\text{min}=3.94$ ), attitude ( $N=416$ ,  $\text{min}=3.85$ ) and behavior ( $N=416$ ,  $\text{min}=3.04$ ) of the Muslim community in Selangor are at a moderately high level.

The Muslim community is identified as having good knowledge, showing a positive attitude and moderately good behavior towards moral rehabilitation programs for adolescent sex offenders. The results of the analysis confirm that there is a significant and positive relationship between knowledge and attitudes ( $r=.545$ ,  $p<0.01$ ), knowledge and behavior ( $r=.368$ ,  $p<0.01$ ) as well as the attitude and behavior ( $r=.427$ ,  $p<0.01$ ) of the Muslim community towards moral rehabilitation programs for adolescent sex offenders.

Keywords: knowledge, attitude, behavior, moral rehabilitation programs, adolescent sex offenders.

## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah SWT dan setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kerana dengan izin dan rahmatNya, kajian ini dapat disiapkan dengan jayanya. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang telah diutuskan sebagai rahmat dan penyelamat kepada umat manusia. Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua individu dan pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

Pertamanya, jutaan terima kasih kepada Dr Nurul Husna Mansor dan Dr Yusmini Md. Yusoff selaku penyelia yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat dan dorongan serta menyumbang idea bagi menambah baik kajian ini. Tidak lupa juga kepada barisan para pensyarah Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan dan pembantu tadbir, Puan Soffi dan Encik Halim yang sentiasa membantu melancarkan gerak kerja penyelidikan ini. Seterusnya buat Dr. Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Dr Siti Jamiaah Abdul Jalil, terima kasih diucapkan atas kesudian menjadi panel kesahan soal selidik dan banyak membantu daripada sudut metodologi kajian.

Ucapan terima kasih buat pihak pengurusan Ijazah Tinggi APIUM kerana banyak membantu dalam memudahkan urusan penyelidikan ini. Di samping itu, terima kasih buat keluarga khususnya ibu, ayah dan suami tercinta Hasanuddin Bin Mohamad yang tidak putus mendoakan dan memahami jerih payah perjalanan pascasiswazah ini. Begitu juga buat Ainan Husnaa, Siti Khadijah, Farzana, Farah Syahirah, ahli usrah pascasiswazah UM, rakan-rakan pembantu penyelidik JDPI, ahli rumah sewa Bayt al-Azwar serta sahabat-sahabat yang lain sama ada terlibat secara langsung ataupun tidak dalam memberikan sokongan moral sepanjang kajian ini berlangsung. Penghargaan juga ditujukan kepada semua responden kajian yang sudi meluangkan masa dan memberikan kerjasama bagi menjayakan penyelidikan ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada semua yang menjayakan projek di bawah pembiayaan dana Geran Bantuan Kecil Penyelidikan (BKP) BK003-2018 Universiti Malaya ini. Besar harapan semoga penyelidikan ini dapat memberikan kebaikan dan manfaat kepada agama serta pembangunan diri masyarakat seluruhnya.

NURSYAHIDAH BINTI IBRAHIM,

[syahidah771@gmail.com](mailto:syahidah771@gmail.com)

## ISI KANDUNGAN

ABSTRAK .....	iii
ABSTRACT .....	v
PENGHARGAAN .....	vii
ISI KANDUNGAN .....	x
SENARAI RAJAH .....	xv
SENARAI JADUAL .....	xvi
SENARAI KEPENDEKAN .....	xviii
PANDUAN TRANSLITERASI .....	xx
BAB 1: PENDAHULUAN .....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Pernyataan Masalah.....	7
1.4 Persoalan Kajian.....	11
1.5 Objektif Kajian .....	11
1.6 Definisi Tajuk Kajian .....	12
1.7 Skop Kajian .....	16
1.8 Hipotesis Kajian .....	18
1.9 Kepentingan Kajian .....	18
1.10 Kerangka Teori dan Konseptual .....	19
1.10.1 Kerangka Teori .....	19

1.10.2 Kerangka Konseptual.....	22
1.11 Struktur Penulisan .....	23
<b>BAB 2: ULASAN LITERATUR DAN TEORI .....</b>	<b>25</b>
2.1 Pengenalan.....	25
2.2 Ulasan Literatur .....	25
2.2.1 Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja.....	25
2.2.2 Bentuk-bentuk Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja di Malaysia.....	34
2.3 Teori Pembentukan Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat .....	44
2.3.1 Teori Tingkah Laku Terancang .....	44
2.3.2 Teori Peribadi al-Ghāzalī.....	47
2.3.3 Model KAP .....	54
2.3.4 Teori Ekologi Sosial .....	56
2.4 Model Pembentukan Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja .....	59
2.5 Kesimpulan.....	63
<b>BAB 3: METODOLOGI.....</b>	<b>65</b>
3.1 Pengenalan.....	65
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	65
3.3 Populasi dan Sampel Kajian.....	68
3.4 Instrumen Kajian .....	70
3.4.1 Prosedur Pembentukan Borang Soal Selidik .....	70

3.4.2 Penilaian Kesahan Borang Soal Selidik.....	80
3.5 Kajian Rintis.....	82
3.5.1 Kebolehpercayaan Instrumen .....	82
3.7 Kaedah Pengumpulan Data .....	84
3.7.1 Langkah 1 .....	85
3.7.2 Langkah 2 .....	85
3.7.3 Langkah 3 .....	85
3.8 Kaedah Analisis Data .....	86
3.8.1 Data Deskriptif.....	86
3.8.2 Data Inferensi.....	87
3.9 Kesimpulan.....	88
BAB 4: DAPATAN KAJIAN.....	89
4.1 Pengenalan.....	89
4.2 Demografi Responden.....	89
4.2.1 Jantina .....	89
4.2.2 Bangsa.....	90
4.2.3 Tahap Umur .....	91
4.2.4 Status Perkahwinan.....	91
4.2.5 Tahap Pendidikan Tertinggi.....	92
4.2.6 Status Pekerjaan.....	93
4.2.7 Pendapatan Bulanan.....	93
4.2.8 Tempat Tinggal.....	94

4.3 Analisis Pengetahuan Responden.....	96
4.4 Analisis Sikap Responden .....	110
4.5 Analisis Norma Subjektif .....	120
4.6 Analisis Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkah Laku .....	129
4.7 Analisis Tingkah Laku Responden.....	136
4.8 Analisis Perhubungan Antara Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku .....	141
4.8.1 Analisis Perhubungan Antara Pengetahuan Dengan Sikap Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja .....	141
4.8.2 Analisis Perhubungan Antara Pengetahuan Dengan Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja.....	145
4.8.3 Analisis Perhubungan Antara Sikap Dengan Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja .....	150
4.9 Kesimpulan.....	153
BAB 5: KESIMPULAN.....	155
5.1 Pengenalan.....	155
5.2 Rumusan.....	155
5.2.1 Pengetahuan Masyarakat Muslim di Selangor Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja.....	155
5.2.2 Sikap Masyarakat Muslim di Selangor Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja.....	158
5.2.3 Tingkah Laku Masyarakat Muslim di Selangor Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja.....	159

5.2.4 Hubungan di antara Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim di Selangor Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja ....	162
5.3 Cadangan .....	163
5.3.1 Remaja .....	164
5.3.2 Ibu bapa.....	166
5.3.3 Institusi Pemulihan Akhlak.....	168
5.3.4 Skop Kajian.....	169
5.3.5 Metode Kajian.....	170
5.4 Kesimpulan.....	171
BIBLIOGRAFI .....	172
LAMPIRAN .....	185

## SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Kerangka Teori: Teori Tingkah Laku Terancang
Rajah 1.2	Kerangka Teori: Teori Peribadi al-Ghāzalī
Rajah 1.3	Kerangka Teori: Model KAP (Knowledge-Attitude-Practice)
Rajah 1.4	Kerangka Teori: Teori Ekologi Sosial
Rajah 1.5	Kerangka Konseptual: Model Pembentukan Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja
Rajah 2.1	Teori Tingkah Laku Terancang
Rajah 2.2	Teori Peribadi al-Ghāzalī
Rajah 2.3	Model KAP (Knowledge-Attitude-Practice)
Rajah 2.4	Teori Ekologi Sosial
Rajah 2.5	Model Pembentukan Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian
Rajah 3.2	Penentuan Pemilihan Sampel Kajian
Rajah 4.1	Carta Pai Pecahan Jantina Responden
Rajah 4.2	Carta Pai Pecahan Bangsa Responden
Rajah 4.3	Carta Bar Tahap Umur Responden
Rajah 4.4	Carta Pai Pecahan Responden Mengikut Status Perkahwinan
Rajah 4.5	Carta Bar Tahap Pendidikan Tertinggi Responden
Rajah 4.6	Carta Bar Status Pekerjaan Responden
Rajah 4.7	Carta Bar Pendapatan Bulanan Responden
Rajah 4.8	Carta Pai Pecahan Responden Mengikut Daerah
Rajah 4.9	Carta Bar Skor Min Pengetahuan, Sikap, Norma Subjektif, Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkah Laku dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Aspek-aspek Yang Terdapat Dalam Kajian Lepas
Jadual 3.2	Pembentukan Borang Soal Selidik
Jadual 3.3	Skala <i>Likert 5 Poin</i>
Jadual 3.4	Item-Item Demografi Responden
Jadual 3.5	Aspek Pengetahuan
Jadual 3.6	Aspek Sikap
Jadual 3.7	Aspek Norma Subjektif
Jadual 3.8	Aspek Tanggapan
Jadual 3.9	Aspek Tingkah Laku
Jadual 3.10	Pakar Ujian Kesahan
Jadual 3.11	Nilai <i>Cronbach's Alpha (α)</i> bagi Setiap Aspek
Jadual 3.12	Kaedah Analisis Data
Jadual 3.13	Interpretasi Skor Min
Jadual 3.14	Skala Penilaian Korelasi <i>Pearson</i>
Jadual 4.1	Kekerapan dan Peratusan Demografi Responden
Jadual 4.2	Statistik Deskriptif Pengetahuan
Jadual 4.3	Sumber Pengetahuan
Jadual 4.4	Matlamat Program Pemulihan Akhlak
Jadual 4.5	Platform Program Pemulihan Akhlak
Jadual 4.6	Bentuk-bentuk Program Pemulihan Akhlak
Jadual 4.7	Peraturan Program Pemulihan Akhlak
Jadual 4.8	Statistik Deskriptif Sikap
Jadual 4.9	Manfaat Program Pemulihan Akhlak
Jadual 4.10	Platform Program Pemulihan Akhlak
Jadual 4.11	Peranan Pihak Bertanggungjawab

Jadual 4.12	Statistik Deskriptif Norma Subjektif
Jadual 4.13	Pengaruh Sosial
Jadual 4.14	Pengaruh Persekitaran
Jadual 4.15	Statistik Deskriptif Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkah Laku
Jadual 4.16	Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkah Laku
Jadual 4.17	Statistik Deskriptif Tingkah Laku
Jadual 4.18	Tingkah Laku
Jadual 4.19	Korelasi <i>Pearson</i> bagi Pengetahuan dan Sub-Skala Sikap
Jadual 4.20	Korelasi <i>Pearson</i> bagi Sikap dan Sub-Skala Pengetahuan
Jadual 4.21	Korelasi <i>Pearson</i> bagi Pengetahuan dengan Tingkah Laku
Jadual 4.22	Korelasi <i>Pearson</i> bagi Tingkah Laku dengan Sub-Skala Pengetahuan
Jadual 4.23	Korelasi <i>Pearson</i> bagi Sikap dan Tingkah Laku
Jadual 4.24	Korelasi <i>Pearson</i> bagi Tingkah Laku dan Sub-Skala Sikap
Jadual 4.25	Statistik Deskriptif
Jadual 4.26	Korelasi bagi Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku

## SENARAI KEPENDEKAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AIDS	<i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i>
ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
BES	Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan
DARWA	Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah
ed.	Edisi
et al.	et alibi; merujuk kepada nama penulis yang lain jika penulis melebihi tiga orang
GLM	<i>The Good Lives Model</i>
HEP	Hal Ehwal Pelajar
HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
Ibid	Singkatan bagi ibidem yang bermaksud rujukan yang sama berulang
ISTAC	<i>International Institute of Islamic Thought and Civilization</i>
ISMA	Ikatan Muslimin Malaysia
IKRAM	Pertubuhan IKRAM Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JKMM	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
JWKS	Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak
JPM	Jabatan Penjara Malaysia
JPM	Jabatan Perangkaan Malaysia
KAP	<i>Knowledge-Attitude-Practice/Behaviour</i>
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
KPJ	Kumpulan Perubatan Johor
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
LGBT	<i>Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender</i>
MAIJ	Majlis Agama Islam Johor
MAIM	Majlis Agama Islam Melaka
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MANOVA	<i>Multivariate Analysis of Variance</i>

MASUM	Majlis Sukan Mahasiswa
MDN	Majlis Dakwah Negara
MSM	<i>Men-sex-men</i>
MST	<i>Multisystemic Therapy</i>
NGO	<i>Non-Govermental Organization</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PICC	<i>Putrajaya International Convention Centre</i>
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPI	Pelan Pembangunan Insan
PSUNC	<i>Parents Speak Up National Campaign</i>
PWTC	<i>Putra World Trade Centre</i>
RS	Raudhatus Sakinah
RA	<i>Radhiallahu Anhu</i>
SAW	<i>Sallallahu Alaihi Wasallam</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
STI	<i>Sexually Transmitted Infections</i>
SWT	<i>Subhanahu Wa Taala</i>
terj.	Terjemahan
t.tp	Tanpa tempat
TPB	<i>Theory of Planned Behaviour</i>
TSPC	Taman Seri Puteri Cheras
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia

## PANDUAN TRANSLITERASI

Sistem transliterasi tulisan Arab ke tulisan rumi ini menggunakan Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Edisi Keempat, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 2020 pada halaman 43:

### 1. Konsonan

Arab	Roman
ء	a,’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r

Arab	Roman
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f

Arab	Roman
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h,t

### 2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
أ	a	فت	<i>qanata</i>
إ	i	سلم	<i>salima</i>
و	u	جعل	<i>ju ‘ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
أءى	ā	کبرى، باب	<i>bāb , kubrā</i>
ي	ī	وكيل	<i>wakīl</i>
و	ū	سورة	<i>sūrah</i>

### 3. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
أو	aw	قول	<i>qawl</i>
اي	ay	خير	<i>khayr</i>
او	uww	قوة	<i>quwwah</i>
اي	iy, ī	عربي	<i>‘arabiyy/ī</i>

## BAB 1: PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, perkara yang dibincangkan adalah tentang latar belakang, permasalahan, hipotesis penyelidikan, persoalan, objektif, definisi tajuk, skop, kepentingan, kerangka teori dan konseptual serta susunan bab penulisan bagi kajian ini.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Islam merupakan agama yang bersifat syumul dan diredayai Allah. Ia diwahyukan oleh Allah SWT kepada kekasihnya Nabi Muhammad SAW untuk disebarluaskan kepada umat manusia sebagai suatu bentuk panduan dan pedoman dalam menelusuri perjalanan hidup di dunia ini seterusnya menggapai kebahagian hidup di akhirat kelak. Maka, pengabaian terhadap ajaran agama Islam akan menyebabkan berlakunya banyak masalah sosial dalam kalangan masyarakat khususnya anak-anak remaja. Dalam realiti masyarakat kini, tingkah laku seksual yang tidak normal dan bervariasi seperti homoseksual, biseksual, gejala seks bebas, sumbang mahram, pelacuran, pencabulan seksual kanak-kanak, khawat, rogol dan perbuatan kelucahan melampau telah menjadi perkara yang biasa dalam masyarakat.<sup>1</sup> Ia telah menjadi suatu perbuatan yang tidak lagi dianggap sebagai dosa dan maksiat. Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri dalam kalangan majoriti masyarakat Muslim juga tidak terlepas daripada belenggu masalah ini. Saban hari, masyarakat dihidangkan dengan pelbagai berita membabitkan kes salah laku berisiko dalam kalangan remaja termasuk kes-kes seksual.

Pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) mengambil cakna akan tiga kes salah laku seksual melibatkan golongan remaja yang dilaporkan di dada akhbar tempatan iaitu kes sumbang mahram yang melibatkan adik-

---

<sup>1</sup> Azman Ab Rahman et al., “Program Pemulihan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT): Bahagian Pemulihan Riqāb, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS),” *International Journal of Academic Research* 6, no. 2 (2019), 26-34.

beradik berumur 13 tahun dan 15 tahun sehingga melahirkan bayi perempuan, kes pencerobohan rumah, kes merogol kekasih ketika keluarganya sedang tidur dan kes anak pengasuh melihat anak yang diasuh oleh ibunya.<sup>2</sup> Merujuk kepada statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejumlah 22,234 kes penderaan seksual kanak-kanak telah direkodkan pada tahun 2010 sehingga Mei 2017 dengan mencatatkan purata sebanyak 3,176 kes setahun. Angka tersebut merangkumi empat jenis penderaan seksual iaitu rogol (13,272 kes), cabul (6,014 kes), sumbang mahram (1,796 kes) dan perbuatan seks di luar tabii (1,152 kes).<sup>3</sup> Terkini, pendaftaran kes penderaan seksual kanak-kanak dilaporkan meningkat sebanyak 42 peratus sejak tahun 2020 hingga 2021.<sup>4</sup> Selain itu, empat remaja lelaki lain berusia 16 tahun didapati bersalah menjalinkan hubungan seks terlarang dengan seorang kanak-kanak berumur 12 tahun dan seorang remaja perempuan berusia 15 tahun secara bergilir-gilir.<sup>5</sup> Merujuk kepada kes sumbang mahram pula telah membabitkan remaja 16 tahun yang merogol adik kandungnya berusia 15 tahun di kediaman mereka di Selangor.<sup>6</sup>

Bermula pada awal Januari hingga September 2019, sebanyak 733 kes baharu membabitkan jangkitan *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) dan *Acquired Immune Deficiency Syndrome* (AIDS) akibat daripada hubungan seksual sesama jantina telah dikenal pasti di negeri Selangor dengan kadar notifikasi sejumlah 11.08 kes bagi 100,000

<sup>2</sup> “Kes Salah Laku Seksual Melibatkan Remaja,” dicapai pada 25 Jun 2022, <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/KenyataanMedia/ERA%20BARU%202018/FINAL%20KENYATAAN%20MEDIA%20MEDIA%20KES%20SALAH%20LAKU%20SEKSUAL%20MELIBATKAN%20REMAJA.pdf>

<sup>3</sup> “Jenayah Seksual Kanak-Kanak Terus Meningkat,” laman sesawang Bernama, dicapai 25 Jun 2022, <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1719151>.

<sup>4</sup> Suwarni Mokhtar dan Juani Munir Abu Bakar, “Kes Jenayah Seksual Kanak-Kanak Meningkat,” laman sesawang Utusan Malaysia, dicapai pada 24 Jun 2022, <https://www.utusan.com.my/terkini/2022/01/kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-meningkat/>.

<sup>5</sup> Muhaamad Hafis Nawawi, “4 Remaja Ditahan Bergilir Lakukan Seks Dengan Budak 12 Tahun,” laman sesawang MyMetro, dicapai pada 5 Disember 2020, <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/11/640151/4-remaja-ditahan-bergilir-lakukan-seks-dengan-budak-12-tahun>.

<sup>6</sup> Safeek Affendy Razali, “Remaja 16 Tahun Rogol Adik Kandung Tingkatan 3,” laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 6 Disember 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/08/723181/remaja-16-tahun-rogol-adik-kandung-tingkatan-3>.

penduduk keseluruhannya.<sup>7</sup> Di samping itu, statistik terkini (sehingga tahun 2020) daripada sektor HIV/jangkitan penyakit seksual (STI), Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia pula memperlihatkan jumlah kes baharu jangkitan HIV yang melibatkan majoriti golongan heteroseksual, homoseksual dan biseksual adalah menurun iaitu seramai 3,146 orang disebabkan oleh pandemik Covid 19. Walaupun begitu, jumlah tersebut masih dianggap tinggi dan berada pada tahap yang membimbangkan. Laporan mendapati daripada 3,146 orang tersebut, 76 peratus daripada mereka yang dijangkiti HIV membabitkan orang muda yang berusia antara 20 hingga 39 tahun.<sup>8</sup>

Statistik juga menunjukkan 94 peratus daripada jangkitan HIV dan AIDS berlaku melalui transmisi seksual manakala selebihnya 4 peratus lagi jangkitan HIV dan AIDS dikenal pasti berlaku melalui perkongsian jarum suntikan dadah.<sup>9</sup> Tambahan lagi, lebih kurang 40 peratus daripada kelompok yang melakukan '*men-sex-men*' (MSM) dan biseksual dikesan berusia dalam lingkungan 19 hingga 29 tahun iaitu majoritinya terdiri daripada golongan mahasiswa.<sup>10</sup> Menurut Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga negeri Selangor, Siti Mariah Mahmud, hubungan seks sejenis antara lelaki ini memberikan kesan yang buruk kepada institusi keluarga dan masyarakat. Apa yang lebih teruk lagi adalah hubungan seks songsang tersebut menjadi asbab utama penularan wabak AIDS di negeri Selangor.

---

<sup>7</sup> Md Fuzi Abd Lateh, "Hubungan Seks Songsang Lelaki, Faktor HIV Tinggi di Selangor," laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 13 Februari 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/12/633927/hubungan-seks-songsang-lelaki-faktor-hiv-tinggi-di-selangor>.

<sup>8</sup> Bernama, "Transmisi Seksual Punca Utama Penularan HIV," laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 25 Jun 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/897686/transmisi-seksual-punca-utama-penularan-hiv>.

<sup>9</sup> Ahmad Fadhlullah Adnan, "HIV Banyak Menular Dalam Kalangan Orang Muda," laman sesawang Utusan Malaysia, dicapai 25 Jun 2022, <https://www.utusan.com.my/berita/2021/12/hiv-banyak-menular-dalam-kalangan-orang-muda/>.

<sup>10</sup> Rafidah Hanim Mokhtar dan Siti Zubaidah Ismail, "Cegah Mudarat HIV Menerusi Undang-Undang," laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 26 Julai 2019, <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/03/402671/cegah-mudarat-hiv-menerusi-undang-undang>.

Implikasi daripada jenayah seksual tersebut telah menyumbang kepada berlakunya kes-kes seksual yang lain seperti kes pengguguran janin, kes kehamilan anak luar nikah dan sebagainya. Berdasarkan data oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan dalam tempoh masa lima tahun terkini (2014-2018), terdapat kira-kira 18,465 kes kehamilan luar nikah yang melibatkan golongan remaja.<sup>11</sup> Secara puratanya, sebanyak 300 kes dianggarkan berlaku dalam tempoh sebulan. Hal ini bermakna terdapat 10 kes hamil luar nikah dicatatkan berlaku dalam masa sehari. Selain itu, statistik Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) di seluruh Malaysia merekodkan negeri Selangor merupakan antara tiga buah negeri yang mempunyai kes seksual tertinggi.<sup>12</sup> Lebih mengejutkan lagi, kes hamil anak luar nikah disebabkan oleh gejala sumbang mahram paling awal telah berlaku kepada remaja perempuan berusia 12 tahun pada tahun 2018.<sup>13</sup>

Natijah daripada kes kehamilan luar nikah ini telah menyumbang kepada berlakunya 86 kes pembuangan bayi pada tahun lepas iaitu 2021. Menurut bahagian Siasatan Jenayah Seksual/Kanak-kanak, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman, sebanyak 443 kes pembuangan bayi dilaporkan di seluruh Malaysia dari tahun 2018 sehingga 2021. Lebih menyedihkan lagi, 294 kes daripada jumlah bayi yang dijumpai adalah tidak bernyawa.<sup>14</sup> Bukan itu sahaja, Selangor telah mencatatkan jumlah kes tertinggi pembuangan bayi terkini sebanyak 135 kes dan kes tertinggi melibatkan remaja berusia antara 18 hingga 25 tahun.<sup>15</sup> Statistik ini dikuatkan lagi dengan kes-kes

<sup>11</sup> Sinar Harian, “Statistik Remaja Hamil 2014-2018,” laman sesawang Sinar Harian, dicapai 10 Disember 2022, <https://www.sinarharian.com.my/article/16145/INFOGRAFIK/Statistik-remaja-hamil>.

<sup>12</sup> Syaherah Mustafa, “KL, Selangor, Johor Catat Kes Seksual Tertinggi,” laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 25 Jun 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/963661/kl-selangor-johor-catat-kes-seksual-tertinggi>.

<sup>13</sup> Siti Zarina Sahib, “Kongsi Masalah Anak Remaja,” laman sesawang Harian Metro, dicapai 13 Februari 2020, <https://www.hmetro.com.my/hati/2019/03/433413/kongsi-masalah-anak-remaja>.

<sup>14</sup> Bernama, “Jenayah Buang Bayi Masih Berleluasa,” laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 24 Jun 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/923248/jenayah-buang-bayi-masih-berleluasa>.

<sup>15</sup> Mohd Jamilul Anbia Md Denim et al., “Buang Bayi Setiap 3 Hari,” laman sesawang Harian Metro, dicapai 10 Disember 2022, <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/04/448917/buang-bayi-setiap-3-hari>.

pembuangan bayi yang dilaporkan di media massa seperti berita penemuan bayi di tempat pembuangan sampah, longkang, loji kumbahan, tandas dan sebagainya. Walau bagaimanapun, jumlah di atas tidak termasuk kes salah laku seksual lain yang tidak diadukan oleh masyarakat kerana dibelenggu oleh perasaan malu dan takut.

Kajian terkini turut mendapati seramai 2.3% remaja berusia 13 hingga 17 tahun pernah melakukan hubungan seks manakala 8.3% melibatkan remaja berusia 18 hingga 24 tahun.<sup>16</sup> Lebih membimbangkan lagi, internet menjadi penyumbang utama sebagai sumber untuk memperoleh bahan lucah oleh anak-anak remaja apabila mendominasi peratusan yang tertinggi sebanyak 60.8% berbanding dengan media elektronik yang lain. Sesungguhnya, remaja yang terjebak dengan salah laku seksual ini menghadapi risiko penyakit kelamin yang agak tinggi dan lebih terdedah kepada jangkitan seperti HIV dan AIDS, sifilis, gonorea atau herpes sehingga boleh menyebabkan berlakunya jangkitan pelvik kronik. Di samping itu, Malaysia juga tidak terlepas daripada kes pelacuran tidak kira sama ada membabitkan warganegara asing mahupun warganegaranya sendiri. Pelacuran merupakan industri besar di Malaysia terutamanya di bandar-bandar utama seperti di Selangor dan Kuala Lumpur.

Menurut statistik global yang diterbitkan di portal *Live and Invest Overseas*, statistik mendedahkan bahawa Malaysia tersenari dalam 10 buah negara yang mempunyai bilangan pelacur terbanyak di dunia. Lebih mengejutkan lagi, Malaysia berada di tangga ke-lapan daripada sepuluh buah negara tersebut iaitu nisbah 52 orang pekerja seks bagi setiap 10,000 orang.<sup>17</sup> Bukan itu sahaja, Malaysia telah disenaraikan hitamkan oleh Amerika Syarikat sebagai negara yang mengungguli isu pemerdagangan manusia dan penyalahgunaan hak asasi manusia merangkumi jenayah pelacuran kanak-

---

<sup>16</sup> Hairil Fadzly Md Akir, “Kehamilan Remaja dan Pendidikan Seks,” *Pengasuhan Positif Malaysia*, 2019, 5-9.

<sup>17</sup> Intan Mas Ayu Shahimi, “Statistik Mengejutkan,” laman sesawang MyMetro, dicapai 24 Oktober 2019, <https://www.hmetro.com.my/hati/2017/08/256820/statistik-mengejutkan>.

kanak. Sepanjang tempoh enam bulan pertama sahaja, iaitu bermula dari bulan Januari sehingga Jun 2019, seramai 569 rakyat tempatan terdiri daripada 242 orang wanita yang terbabit dalam kegiatan pelacuran dan 327 orang lelaki yang dikesan bertindak sebagai penjaga premis yang menjalankan aktiviti pelacuran telah ditangkap dalam satu serbuan oleh pihak polis Kuala Lumpur.<sup>18</sup>

Berikutnya pelbagai krisis yang timbul daripada masalah salah laku seksual ini, maka pelbagai inisiatif telah dilakukan bagi membendung hal tersebut terutamanya dalam aspek pencegahan, pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan sama ada dalam komuniti mahupun institusi. Antaranya ialah kewujudan institusi pemulihan akhlak, pusat perlindungan dan pusat koreksional di Malaysia sebagai salah satu wadah ke arah merealisasikan usaha-usaha tersebut. Kewujudan ketiga-tiga institusi terbabit dilihat menyediakan peluang dan solusi yang baik kepada mereka yang pernah terlibat dengan pelbagai gejala sosial ini untuk mengislahkan diri.<sup>19</sup> Pusat perlindungan, institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional kini dilihat semakin signifikan dan relevan yang mana masing-masing giat menjalankan program-program pemulihan akhlak dengan menyediakan bermacam bentuk modul dan pengisian berdasarkan kepada pendekatan sepetimana yang dianjurkan oleh agama Islam.<sup>20</sup> Program pemulihan akhlak tersebut pula dilaksanakan melalui dua platform iaitu dalam komuniti atau di institusi.

Dalam konteks pemulihan di institusi, pusat perlindungan dan institusi pemulihan akhlak ialah institusi yang dibangunkan secara khas oleh pihak kerajaan mahupun bukan

<sup>18</sup> Safeek Affendi Razali, “653 Serbuan Pelacuran, 8,835 Serbuan Judi dalam Talian Dilakukan Polis KL,” laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 24 Oktober 2019, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/07/580870/653-serbuan-pelacuran-8835-serbuan-judi-dalam-talian-dilakukan-polis-kl>.

<sup>19</sup> Nurul Husna Mansor dan Khairul Hamimah Mohamad. Jodi, “Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih di Pusat Perlindungan Terpilih,” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 7, no.2 (2020), 219-234.

<sup>20</sup> Nurul Husna Mansor, “Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 12.

kerajaan (NGO) bagi melaksanakan peranan masing-masing bukan sahaja tertumpu kepada keperluan fizikal penghuni bahkan spiritual juga. Kepentingan program pemulihan akhlak sebagaimana yang dijalankan oleh pusat perlindungan, institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional tersebut kini turut disokong oleh Zainul Rijal Abu Bakar, Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia. Tegas beliau, penyelesaian kepada isu-isu sosial bukanlah terletak pada undang-undang semata-mata kerana menurutnya, undang-undang hanyalah jalan terakhir sekiranya tiada lagi penyelesaian lain yang ditemui. Akan tetapi, penyelesaian yang sebenar terdapat dalam proses pendidikan, sosial dan lain-lain lagi. Hal yang demikian kerana hukuman berbentuk alternatif seperti program pemulihan akhlak yang diberikan adalah jauh lebih mampu memberikan keinsafan kepada pesalah berbanding dengan hukuman yang diperuntukkan di dalam undang-undang.<sup>21</sup>

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Masyarakat merupakan agen perubahan sosial yang signifikan terutamanya dalam isu-isu sosial seperti penyalahgunaan dadah, salah laku seksual, membuli, mencuri, merempit dan seumpamanya. Menurut Muhamad Razak Idris, peranan masyarakat diakui penting dalam membendung penularan masalah sosial dalam kalangan remaja sekali gus menggerakkan aktiviti pencegahan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai pihak setempat.<sup>22</sup> Justeru, dalam usaha mengawal masalah salah laku seksual dalam kalangan remaja, masyarakat berperanan menjalankan tanggungjawab memberikan pendidikan agama dan moral kepada anak-anak seperti penjagaan batas pergaulan antara berlainan jantina sebagaimana yang telah digariskan oleh agama Islam.<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> Zainul Rijal Abu Bakar, Sidang Meja Bulat Forum Dewan Ilmuwan Majlis Dakwah Negara (MDN)-YADIM, “Anak Tidak Sah Taraf”, bertarikh 11 Ogos 2017 di Hotel Bangi-Putrajaya, Bangi Selangor.

<sup>22</sup> Muhammad Razak Idris, “Menangani Gejala Sosial Hari Ini,” laman sesawang Pandangan Razak: Cetusan Pemikiranku, dicapai 20 Disember 2022, <https://razak.wordpress.com/2010/03/31/menangani-gejala-sosial-hari-ini/>.

<sup>23</sup> Azahar Yaakub et al., “Pendekatan Program Pendidikan ke atas Remaja Hamil Luar Nikah,” *International Journal of Islamic Studies (Al-Qanatir)* 8, no. 3 (2017), 24-31.

Berikut itu, bagi remaja yang telah terjebak dengan salah laku seksual, mereka seharusnya menyertai suatu bentuk program pemulihan sosial bagi tujuan rawatan dan pemulihan.<sup>24</sup> Meskipun program pemulihan akhlak merupakan suatu usaha yang baik dalam membantu memulihkan akhlak remaja bermasalah, namun penelitian terhadap beberapa isu yang berlaku mendapat masih terdapat beberapa permasalahan yang menjadi kekangan kepada pemulihan pesalah seks remaja. Perkara tersebut juga sebenarnya memberikan kesan secara langsung terhadap perkembangan pesalah seks remaja khasnya dari aspek psikologi dan emosi mereka. Antara cabaran yang turut dikenal pasti menjadi kekangan kepada pemulihan pesalah seks remaja adalah membabitkan pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat itu sendiri terhadap program pemulihan akhlak tersebut.

Kajian mendapat pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks adalah kurang memuaskan. Perkara ini jelas dibuktikan melalui penolakan masyarakat terhadap program pemulihan akhlak sedia ada. Masih wujud segelintir masyarakat yang tekad untuk menghantar anak-anak remaja yang terlibat dengan gejala seksual ini kepada bomoh bagi tujuan pemulihan.<sup>25</sup> Remaja bermasalah tersebut diberikan rawatan mandi bunga kononnya untuk membuang sial. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa masyarakat menganggap program pemulihan akhlak sedia ada tidak membantu sebagai sokongan dalam proses pemulihan pesalah seks remaja. Lebih membimbangkan lagi, terdapat dalam kalangan masyarakat yang tergamak menghalau anak-anak mereka dari rumah. Perkara tersebut secara tidak langsung akan mendorong kepada berlakunya jenayah lain yang lebih memudaratkan. Merujuk kepada masalah masyarakat, Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial

---

<sup>24</sup> Siti Hajar Abu Bakar Ah, Haris Abdul Wahab, Siti Balqis Mohd Azam, “Pelaksanaan Terapi Tingkah Laku Kognitif dalam Program Pemulihan Terapeutik Berasas Institusi untuk Remaja Hamil Luar Nikah,” *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia* 17, no.1 (2019), 83-90.

<sup>25</sup> Pettah Wazzan Iskandar dan Mohd Nasaruddin Parzi, “Dilema LGBT: Dibantu Atau Disisihkan?,” laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 27 Julai 2020, <https://www.bharian.com.my/node/69222>.

dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Zakuan Sawai berkata, masyarakat perlu memainkan peranan mendekati golongan seperti ini supaya mereka tidak berasa terpinggir.<sup>26</sup> Membiarkan sahaja mereka tanpa diberikan sebarang bentuk pendidikan tentang pembinaan sahsiah diri bukan sahaja tidak membantu mereka segera pulih, malah perkara tersebut menjadikan gejala seksual ini terus berleluasa.

Implikasi daripada kurangnya pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks ini juga telah menyumbang kepada sikap suka melabel dan mendiskriminasi dalam kalangan masyarakat terhadap golongan bermasalah seperti mereka. Dalam kes salah laku seksual, masyarakat dilaporkan memberikan persepsi yang negatif terhadap golongan pesalah seks.<sup>27</sup> Stigma negatif ini lazimnya merujuk kepada golongan berisiko seperti pekerja seks dan penagih dadah yang kebiasaannya tingkah laku seksual dan sosial mereka bercanggah dengan norma budaya masyarakat setempat.<sup>28</sup> Pandangan serong dan kritikan negatif masyarakat yang dilemparkan kepada golongan tersebut juga telah mengakibatkan berlakunya peminggiran sosial terhadap pesalah seks remaja yang mana ia kemudiannya menyukarkan lagi mereka untuk dipulihkan melalui program pemulihan sedia ada khususnya program pemulihan dalam komuniti.<sup>29</sup> Lebih menyediakan lagi apabila terdapat dalam kalangan ahli keluarga pesalah seks itu sendiri yang bersikap sedemikian. Lazimnya, penyisihan sosial berlaku apabila sesebuah masyarakat itu melakukan sesuatu perkara yang dianggap bertentangan dan menyalahi nilai-nilai agama dan moral serta adat kebiasaan masyarakat setempat. Hakikatnya, penyisihan sosial ini bukan sahaja berlaku

<sup>26</sup> Pettah Wazzan Iskandar dan Mohd Nasaruddin Parzi, “Program Mukhayyam Pulih Golongan LGBT,” laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 26 Julai 2019, <https://www.bharian.com.my/node/69741>.

<sup>27</sup> Ibid.

<sup>28</sup> Nazira Sadiron et al., “Psikologi Penagihan Dadah: Satu Tinjauan Literatur,” *Jurnal Psikologi Malaysia* 33, no. 1 (2019), 12-34.

<sup>29</sup> Mohd Alif Bin Jasni, “Keperluan Program Pascapembebasan dan Jagaan Lanjutan Berasaskan Komuniti untuk Bekas Banduan” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2018), 61.

kepada pesalah seks remaja di Malaysia, bahkan kajian lepas menunjukkan bahawa ia turut berlaku terhadap pesalah seks remaja di Nigeria dan India.<sup>30</sup>

Merujuk kepada program pemulihan akhlak di institusi pula, kajian mendedahkan masih wujud masyarakat yang tidak jelas tentang fungsi dan tujuan sebenar program pemulihan akhlak dijalankan. Segelintir masyarakat yang menghantar anak-anak mereka mengikuti program pemulihan akhlak di kebanyakan pusat perlindungan, institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional adalah disebabkan oleh perasaan malu dan marah yang menghimpit jiwa mereka.<sup>31</sup> Selain itu, ia juga dilakukan kerana ingin menyembunyikan aib dan malu ahli keluarga daripada jiran tetangga, saudara mara dan kenalan rapat.<sup>32</sup> Isu masyarakat juga banyak dibangkitkan oleh pengurus pusat perlindungan wanita semasa berlangsungnya Persidangan Meja Bulat Panel Isu-Isu Wanita Islam Siri 2/2017.<sup>33</sup> Masyarakat dikatakan masih kurang berperanan secara efektif sama ada sebelum, semasa dan selepas tamat tempoh program pemulihan akhlak dijalankan. Masih wujud dalam kalangan masyarakat yang tidak memberikan kerjasama dalam membantu proses pemulihan anak-anak mereka.<sup>34</sup> Bahkan terdapat segelintir daripada mereka yang tidak mematuhi peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak pusat perlindungan. Sebagai contoh, mereka tetap berkeras untuk membawa pulang anak mereka yang telah selamat melahirkan bayi sedangkan tempoh pemulihan belum tamat lagi. Sebaliknya, ada juga yang terlalu mengambil berat dan bimbang akan keadaan anak mereka sehingga telah mengganggu kelancaran program pemulihan akhlak berjalan

<sup>30</sup> Nik Mohd Azim Nik Ab Malik, “Faktor Penyebab Penyisihan Sosial dalam Kalangan Masyarakat berdasarkan Sorotan Karya Bersistematik dan Keperluan Analisis Lanjut daripada Perspektif Islam,” *Jurnal Islamiyat* 42, no. 1 (2020), 31-38.

<sup>31</sup> Nurul Husna, “Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah,” 2016, 308.

<sup>32</sup> Abd Ghani Ahmad dan Nuarrual Hilal Md Dahlan, “Mengandung Anak Tak Sah Taraf: Kajian Kes di Daerah Kubang Pasu, Kedah,” *UUM Journal of Legas Studies* 8, (2017), 17-55.

<sup>33</sup> Persidangan Meja Bulat Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam Siri 2/2017: Pembangunan Insan Wanita di Pusat Pemulihan dan Perlindungan, pada 26 Julai 2017 di Dewan 8, Putrajaya International Convention Centre (PICC).

<sup>34</sup> Nurul Husna, “Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah,” 2016, 309.

dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat yang menyerahkan anak remaja mereka mengikuti program pemulihan akhlak tersebut sepenuhnya tanpa mengambil tahu langsung tentang perkembangan anak mereka di sana.

Justeru, berdasarkan kepada masalah yang diketengahkan, ternyata kerjasama dan kesepaduan dalam kalangan masyarakat sangat diperlukan ke arah menjayakan program pemulihan akhlak sedia ada. Sehubungan dengan itu, satu kajian diperlukan bagi mengkaji pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja yang dijalankan, selanjutnya menganalisis hubungan di antara pengetahuan, sikap dan tingkah terhadap program pemulihan akhlak tersebut.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Bagaimakah pengetahuan masyarakat Muslim di Selangor mengenai program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja?
2. Bagaimakah sikap masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja?
3. Bagaimakah tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja?
4. Adakah wujud hubungan di antara pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja?

#### **1.5 Objektif Kajian**

1. Meninjau pengetahuan masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.
2. Mengkaji sikap masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

3. Mengenal pasti tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.
4. Menganalisis hubungan di antara pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

## 1.6 Definisi Tajuk Kajian

Definisi tajuk kajian akan menghuraikan dengan lebih jelas istilah-istilah penting yang perlu difahami secara operasional berkaitan dengan kajian ini:

### 1.6.1 Pengetahuan

Kata dasar bagi perkataan pengetahuan adalah tahu yang bermaksud maklum akan keadaan sebenarnya, faham, mengerti, kenal, mengambil peduli. Pengetahuan pula ialah keadaan mengetahui, apa-apa yang diketahui, keadaan tahu, kepandaian, kebijakan dan ilmu iaitu segala yang diketahui atau dipelajari tentang sesuatu perkara.<sup>35</sup> Menurut Wan Mohd Nor, ilmu pengetahuan dari sudut pandang Islam dikenali sebagai sifat, proses dan hasil.<sup>36</sup> Pengetahuan terbina melalui proses pembelajaran tidak kira secara formal atau tidak formal, peristiwa, cerita dan pengalaman diri iaitu bagaimana seseorang mengetahui tentang sesuatu fenomena, perkara atau fakta tertentu yang tiba padanya.<sup>37</sup>

Al-Attas pula mendefinisikan ilmu pengetahuan dengan mengemukakan semula takrif Fakhr al-Dīn Al-Rāzī sebagai ketibaan makna bagi sesuatu perkara ke dalam diri seseorang.<sup>38</sup> Ilmu tersebut hendaklah berdasarkan maklumat yang betul, tepat dan memberikan makna kepada pemiliknya. Justeru, dalam konteks kajian ini pengetahuan tersebut merujuk kepada pengetahuan masyarakat Muslim di Selangor tentang program

<sup>35</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2014), 1570-1571.

<sup>36</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Beacon on The Crest of a Hill: A Brief History and Philosophy of The International Institute of Islamic Thought and Civilization* (Kuala Lumpur:ISTAC, 1991).

<sup>37</sup> Noor Hisham Md Nawi dan Nurul Hudani Md Nawi, *Wacana Falsafah Ilmu: Dinamika dan Perspektif* (Kota Bharu, Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan (UMK), 2016), 5.

<sup>38</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM), 1978).

pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dari aspek sumber pengetahuan, peranan, fungsi, bentuk-bentuk, modul, syarat dan peraturan program pemulihan akhlak.

### **1.6.2 Sikap**

Sikap didefinisikan sebagai kepercayaan individu terhadap kesan daripada sesuatu tingkah laku positif atau negatif. Sikap juga merupakan suatu bentuk kecenderungan manusia untuk bertingkah laku secara tetap terhadap sesuatu keadaan. Kecenderungan berkenaan terarah kepada keadaan individu bertingkah laku terhadap pengetahuan yang terbina. Ia merangkumi gabungan kepercayaan, perasaan dan kecenderungan tingkah laku.<sup>39</sup> Dalam konteks kajian ini, sikap ialah akhlak yang ditonjolkan serta apa-apa bentuk penilaian, kepercayaan dan kecenderungan masyarakat Muslim di Selangor sama ada positif atau negatif terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

### **1.6.3 Tingkah Laku**

Kamus Dewan memberi konotasi tingkah laku sebagai suatu bentuk kelakuan atau gerak-geri. Tingkah laku juga ialah semua tindakan, aksi, aktiviti dan tindak balas manusia yang dapat dilihat, diukur dan dinilai serta apa-apa tindakan yang dibuat secara terus menerus atau tidak, secara sedar atau separa sedar. Oleh itu, kajian ini ingin mengenal pasti tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

### **1.6.4 Masyarakat**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, masyarakat ialah golongan manusia yang hidup bersama (di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu), pergaulan hidup.<sup>40</sup> Secara lebih jelas, konsep masyarakat diguna pakai bagi menjelaskan komuniti manusia tertentu yang menetap di kawasan yang sama, berkomunikasi antara satu sama lain, budaya yang

---

<sup>39</sup> Fishbein, M. & Ajzen, I, *Belief, Attitude, Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research* (New York: Addison-Wesley Publishing Company, 1975).

<sup>40</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4, 1004.

distingtif (jelas berbeza dari yang lain) dan berkongsi budaya serta peraturan yang sama.<sup>41</sup>

Justeru dalam konteks kajian ini, masyarakat merujuk kepada masyarakat Muslim di Selangor yang berumur 18 tahun dan ke atas.

### 1.6.5 Pemulihan

Pemulihan berakar umbi daripada perkataan pulih yang memberi makna kembali seperti biasa (keadaan asal), sembuh atau baik semula (daripada sakit dan lain-lain), menjadi baik (baharu lagi). Pemulihan pula ialah perihal memulihkan sesuatu, perihal mengembalikan kepada keadaan yang asal, pemulangan atau pengembalian (hak, harta benda dan lain-lain).<sup>42</sup> Namun dalam konteks kajian ini, pemulihan bermaksud usaha merawat dan memulih akhlak pesalah seks remaja termasuklah aspek fizikal (tubuh badan) dan spiritual (*al-aql, al-qalb, al-rūḥ* dan *al-nafs*) sekali gus mengembalikan mereka semula kepada kehidupan yang direndai Allah.

### 1.6.6 Pesalah Seks

Pesalah berasal daripada perkataan salah yang bermaksud tidak benar, tidak betul, tidak tepat (sasaran, maksud dan lain-lain), tidak kena, tidak baik, cacat, dan cela manakala pesalah memberi konotasi orang yang didapati bersalah (kerana melanggar hukum dan sebagainya).<sup>43</sup> Seks pula ialah sifat yang membezakan antara jantina lelaki dan perempuan. Seks juga merujuk kepada jenis kelamin; jantina dan hal-hal mengenai perhubungan lelaki dengan perempuan; keinginan syahwat.<sup>44</sup>

Justeru dalam konteks kajian ini, pesalah seks didefinisikan sebagai pemangsa (remaja) yang melakukan apa-apa jenis aktiviti seks secara sukarela tanpa paksaan, dilakukan dengan niat secara sedar dan matang, tidak kira sama ada pemangsa tersebut

<sup>41</sup> Mohd Syariefudin Bin Abdullah et al., “Konsep Komuniti dan Perkembangannya: Suatu Tinjauan Kritikal Terhadap Penggunaannya,” *Journal of Social Sciences and Humanities* 12, no. 3 (2017), 1-15.

<sup>42</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1246.

<sup>43</sup> Ibid., 1371-1372.

<sup>44</sup> Ibid., 1415.

ditangkap ataupun sebaliknya. Hal ini juga termasuk individu yang terlibat dengan orientasi seks secara abnormal seperti golongan transgender (LGBT), homoseksual dan biseksual, heteroseksual, pedofilia, pelacur dan sebagainya.

### 1.6.7 Remaja

Menurut Kamus Dewan, remaja merujuk kepada sudah akil baligh, dewasa dan cukup umur untuk bernikah.<sup>45</sup> Islam membahagikan remaja kepada dua fasa iaitu fasa pertama selepas bermimpi bermula pada usia 12 tahun atau 13 tahun sehingga 21 tahun. Kemudian, fassa kedua pula ialah fasa kematangan bermula pada usia 22 tahun sehingga 30 tahun.

Di Malaysia, individu yang berusia 18 tahun dan ke bawah ditakrifkan sebagai kanak-kanak sepertimana yang dijelaskan dalam Akta Kanak-kanak 2001. Istilah ini juga digunakan oleh pihak JKMM.<sup>46</sup> Walau bagaimanapun dalam prosiding jenayah, kanak-kanak dikenali sebagai individu yang berusia 10 tahun ke bawah atau di antara usia 10 hingga 12 tahun yang mana mereka masih tidak memahami sifat dan impak tindakan yang dilakukannya. Bawah umur ini sebenarnya merujuk kepada individu yang belum diakui dewasa oleh undang-undang. Mereka disebut sebagai remaja atau kanak-kanak.<sup>47</sup>

Menurut seksyen 2, tertakluk dengan seksyen 4, Akta Umur Dewasa 1971 mentakrifkan individu di bawah usia 18 tahun sebagai belum dewasa.<sup>48</sup> Oleh sebab Akta Kanak-Kanak 2001 digunakan kepada kanak-kanak yang berusia 18 tahun ke bawah, selain daripada dalam prosiding jenayah, maka ini selari dengan Akta Umur Dewasa 1971

---

<sup>45</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4, 1308.

<sup>46</sup> Laman sesawang Portal Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, dicapai 24 Julai 2019, <http://www.jkm.gov.my/>.

<sup>47</sup> Akta Kanak-Kanak 2001, (Akta No.611, 2001), diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia di bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 secara Usaha Sama dengan Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

<sup>48</sup> Akta Umur Dewasa, 2006 (Akta No.21, 1971), diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia di bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 secara Usaha Sama dengan Malayan Law Journal Sdn Bhd dan Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

yang memutuskan 18 tahun sebagai umur dewasa. Justeru, dalam konteks kajian ini, remaja merujuk kepada golongan yang berusia di bawah umur 18 tahun.

Secara kesimpulannya, kajian ini ingin mengkaji apakah pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program yang dijalankan tidak kira sama ada di institusi mahupun dalam komuniti bagi tujuan pemulihan akhlak pesalah remaja yang terlibat dengan salah laku seksual.

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini adalah tentang Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja: Kajian di Selangor. Dalam kajian ini, negeri Selangor terpilih sebagai lokasi tumpuan kajian dijalankan. Justifikasi pemilihan negeri Selangor kerana terdapat banyak institusi pemulihan akhlak, pusat perlindungan wanita dan pusat koreksional berbanding dengan negeri-negeri yang lain.<sup>49</sup> Seterusnya, negeri Selangor juga turut merekodkan penubuhan pusat perlindungan wanita pertama dan paling lama ditubuhkan di Malaysia sejak 50 tahun yang lepas. Institusi pemulihan akhlak di bawah kendalian badan bukan kerajaan (NGO) pula dipercayai telah ada sekitar 20 tahun lalu.<sup>50</sup>

Selain itu, lokasi negeri Selangor yang berdekatan dengan ibu negara Kuala Lumpur dilihat mendapat kesan langsung daripada pembangunan dan pemodenan yang merubah landskap sosial, seterusnya ia menyumbang kepada aktiviti salah laku seksual khususnya dalam kalangan remaja.<sup>51</sup> Berhubung kes salah laku seksual melibatkan golongan remaja seperti kes pembuangan bayi, negeri Selangor mencatatkan jumlah kes

<sup>49</sup> Laporan Statistik JKM 2018, Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/index&id=YWpnMStLRm1RdzVNUTM1NVpZWnd4dz09>.

<sup>50</sup> Nor Jana Saim, “Social Support, Coping, Resilience and Mental Health in Malaysian Unwed Young Pregnant Women and Young Mothers Their Experiences While Living in a Shelter Home,” (Tesis Kedoktoran Psikologi, Umeå University, Sweden, 2013), 5.

<sup>51</sup> Nurul Husna, “Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah,” 2016, 21.

tertinggi dalam tempoh lima tahun (2014-2018).<sup>52</sup> Di samping merupakan negeri termaju yang menjadi tempat tumpuan masyarakat menjalankan aktiviti sosial, negeri Selangor juga mempunyai populasi penduduk tertinggi di Malaysia iaitu seramai 6,538,100 orang.<sup>53</sup> Walau bagaimanapun, kajian tidak menemui data terkini yang lengkap dan terperinci daripada Jabatan Perangkaan Malaysia berkenaan jumlah populasi Muslim yang berusia 18 tahun ke atas di Selangor. Data yang ditemui hanyalah jumlah penduduk Muslim keseluruhannya berdasarkan kepada data bancian penduduk 2010 iaitu seramai 2,905,943.<sup>54</sup>

Namun begitu, pemilihan masyarakat Muslim dalam kajian ini disebabkan oleh kebanyakannya kes salah laku seksual yang berlaku di Selangor adalah melibatkan remaja yang beragama Islam. Tambah lagi, majoriti penghuni di institusi pemulihan akhlak dan pusat perlindungan wanita juga terdiri daripada mereka yang beragama Islam.<sup>55</sup> Justeru bagi proses pengumpulan data kajian, kajian telah menggunakan teknik Persampelan Mudah (*Convenience Sampling*) dengan memilih seramai 416 orang responden dalam kalangan masyarakat Muslim berumur 18 tahun ke atas di Selangor sebagai sampel kajian. Perkara ini bertepatan dengan tulisan oleh Chua Yan Piaw (2011), *Krejcie* dan *Morgan* menyatakan seramai 384 jumlah sampel diperlukan sekiranya saiz populasi sesebuah kawasan itu melebihi 100,000 orang.<sup>56</sup> Jangka masa kajian ini dijalankan ialah selama 3 tahun bermula tahun 2019 sehingga 2022.

<sup>52</sup> Mohd Jamilul Anbia Md Denim et al., “Buang Bayi Setiap 3 Hari,” laman sesawang Harian Metro, dicapai 10 Disember 2022, <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/04/448917/buang-bayi-setiap-3-hari>.

<sup>53</sup> Penulis tidak diketahui, “Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi” (laporan banci, Bahagian Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM), t.t.p, 2010), 94.

<sup>54</sup> Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010 (Pdf, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), <https://www.mycensus.gov.my/index.php/census-product/publication/census-2010/659-population-distribution-and-basic-demographic-characteristics-2010>.

<sup>55</sup> Noor Hafizah Mohd Haridi, “Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanan” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 237.

<sup>56</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua* (McGraw-Hill, Malaysia, 2011), 211.

## **1.8 Hipotesis Kajian**

### **Hipotesis 1:**

$H_0$ : Tidak wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan sikap masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

$H_1$ : Wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan sikap masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

### **Hipotesis 2:**

$H_0$ : Tidak wujud hubungan yang signifikan antara sikap dengan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

$H_1$ : Wujud hubungan yang signifikan antara sikap dengan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

### **Hipotesis 3:**

$H_0$ : Tidak wujud terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

$H_1$ : Wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijangka dan diharapkan dapat memberikan kebaikan kepada beberapa pihak. Pertama, meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat khususnya masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Kedua, menyumbang kepada usaha penambahbaikan program pemulihan akhlak sedia ada yang sedang diimplementasikan sama ada berbentuk komuniti maupun institusi.

Ketiga, mengukuhkan jalinan kerjasama antara masyarakat dengan pihak-pihak berkepentingan seperti pihak kerajaan, institusi pemulihan akhlak dan institusi pendidikan dalam merealisasikan program pemulihan akhlak secara lebih menyeluruh.


## 1.10 Kerangka Teori dan Konseptual

### 1.10.1 Kerangka Teori

#### 1.10.1.1 Teori Tingkah Laku Terancang

Teori Tingkah Laku Terancang ialah suatu teori yang diasaskan oleh Ajzen dan Fishbein pada tahun 1980. Teori tersebut ialah lanjutan daripada Teori Tingkah Laku Bertujuan (*Theory of Reasoned Action*). Berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang dalam rajah 1.1 di bawah, terdapat tiga faktor utama dikenal pasti mempengaruhi tingkah laku cadangan individu iaitu sikap, norma subjektif dan tanggapan terhadap kawalan tingkah laku. Ketiga-tiga faktor tersebut didapati saling berkait rapat. Di samping itu, teori ini juga menjelaskan bahawa niat berperanan penting dalam mempengaruhi perubahan tingkah laku manusia.

Rajah 1.1: Teori Tingkah Laku Terancang




Sumber: Ajzen, 1991

### 1.10.1.2 Teori Peribadi al-Ghāzalī

Teori Peribadi al-Ghāzalī ini diambil daripada pandangan Imam al-Ghāzalī dan disokong dengan pendapat oleh beberapa ahli sarjana Islam yang lain seperti Ibn Khaldūn, Sa‘īd Ḥawā dan Ibn Hazm. Menurut al-Ghāzalī, tingkah laku terhasil daripada interaksi antara roh dan anggota badan manusia. Pada asasnya, beliau membahagikan manusia kepada empat elemen utama iaitu hati, roh, nafsu dan akal. Al-Ghāzalī berpendapat pembentukan tingkah laku manusia tidak didorong oleh faktor luaran seperti pengaruh persekitaran sosial dan keturunan sahaja malah ia juga bermula daripada keempat-empat unsur rohani (dalaman) tersebut iaitu *al-rūh* (roh), *al-qalb* (hati), *al-nafs* (jiwa) dan *al-‘aql* (akal). Keempat-empat unsur rohani terbabit saling berinteraksi dan berhubung secara dinamik dalam diri manusia yang akhirnya akan membentuk tingkah laku dan perbuatan. Ketinggian akhlak dapat dicapai apabila manusia mampu mengawal hawa nafsu (*al-nafs*) mereka sekali gus memanfaatkan fungsi akal dan hati dengan sebaiknya. Namun sebaliknya, akhlak yang tercela akan terbentuk apabila manusia gagal mengawal hati (*al-qalb*) dan akal mereka lalu hawa nafsu yang menguasai mendorong ke arah kemaksiatan.

Rajah 1.2: Teori Peribadi al-Ghāzalī



Sumber: Adaptasi Zaharah Hussin, 2008

### **1.10.1.3 Model KAP**

Model KAP ialah singkatan kepada perkataan “*Knowledge-Attitude-Practice/Behaviour*.” Model KAP ini telah diperkenalkan oleh ahli sarjana barat iaitu Ramsey & Rickson sekitar tahun 1960-an. Sebagaimana dalam rajah 1.3 di bawah, model KAP menggambarkan pengetahuan, sikap dan amalan/tingkah laku. Berdasarkan model ini, ketiga-tiga elemen tersebut merupakan tonggak utama kepada pembinaan model KAP. Walaupun begitu, pemerolehan pengetahuan menjadi teras kepada pembentukan sikap, niat dan seterusnya perubahan tingkah laku manusia.

Rajah 1.3: Model KAP (*Knowledge-Attitude-Practice*)




Sumber: Diolah daripada Ramsey dan Rickson, 1976

### **1.10.1.4 Teori Ekologi Sosial**

Teori Ekologi Sosial ialah teori yang dipelopori oleh seorang ahli psikologi dari Cornell University iaitu Urie Bronfenbrenner. Teori ini memfokuskan elemen persekitaran sebagai elemen utama yang mempengaruhi proses perkembangan hidup manusia. Berdasarkan Teori Ekologi Sosial seperti dalam rajah 1.4, terdapat lima sistem yang berperanan dalam mempengaruhi proses perkembangan sosial dan emosi manusia iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Berikut ialah gambar rajah Teori Ekologi Sosial tersebut:

Rajah 1.4: Teori Ekologi Sosial




Sumber: Urie Bronfenbrenner, 1989

### 1.10.2 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual ini terbentuk daripada gabungan dan pengubahsuaian aspek-aspek utama dalam keempat-empat teori yang diimplementasikan dalam kajian ini iaitu Teori Tingkah Laku, Teori Peribadi al-Ghāzalī, Model KAP dan Teori Ekologi Sosial. Pengubahsuaian dan penambahan aspek lain ini melibatkan aspek pengetahuan, sikap, tingkah laku, norma subjektif, tanggapan terhadap kawalan tingkah laku, persekitaran, niat dan empat elemen spiritual *al-rūh* (roh), *al-qalb* (hati), *al-nafs* (jiwa) dan *al-‘aql* (akal). Kerangka model ini dibentuk bagi mengkaji pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Berikut ialah gambar rajah Model Pembentukan Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja:

Rajah 1.5: Model Pembentukan Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja



Sumber: Rujukan daripada Teori Tingkah Laku Terancang, Teori Peribadi al-Ghāzalī, Model KAP dan Teori Ekologi Sosial

### 1.11 Struktur Penulisan

Di dalam penyelidikan ini, penulisan dibahagikan kepada lima bab. Bab satu merupakan pendahuluan, diikuti oleh bab kedua iaitu ulasan literatur dan teori, bab ketiga adalah metodologi kajian, seterusnya bab keempat dapatan kajian dan bab kelima ialah kesimpulan.

#### Bab Satu: Pendahuluan

Sebagai pembukaan, penulisan tesis ini menjelaskan secara umum gambaran mengenai latar belakang kajian dan permasalahan kajian yang menjadi faktor penggalak bagi menjalankan kajian ini. Di samping itu, objektif, persoalan, kepentingan, skop kajian, definisi tajuk, hipotesis kajian, kerangka teori dan konseptual serta struktur penulisan juga dinyatakan.

#### Bab Dua: Ulasan Literatur Dan Teori

Pada bab ini, sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu berkaitan pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja

serta bentuk-bentuk program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja telah dibuat. Selain itu, penulisan turut membincangkan teori-teori pembentukan pengetahuan, sikap dan tingkah laku yang mendasari kajian ini iaitu Teori Tingkah Laku Terancang, Teori Peribadi al-Ghāzalī, Model KAP dan Teori Ekologi Sosial. Kemudian, gabungan daripada keempat-empat teori tersebut telah membentuk satu model pembentukan pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Akhir sekali ialah kesimpulan.

### **Bab Tiga: Metodologi Kajian**

Dalam bab tiga, perbincangan memfokuskan metodologi yang diguna pakai dalam kajian ini iaitu reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kebolehpercayaan instrumen, kajian rintis, kaedah pengumpulan data, kaedah analisis data dan kesimpulan.

### **Bab Empat: Dapatan Kajian**

Pada bab ini, proses penganalisisan data dilakukan terhadap aspek pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Seterusnya ialah analisis perhubungan antara pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim melalui dapatan kajian yang diperolehi. Akhir sekali ialah kesimpulan.

### **Bab Lima: Kesimpulan**

Dalam bab akhir penulisan ini, kesimpulan secara keseluruhan telah dibuat dan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu melibatkan empat objektif kajian ini. Di samping itu, beberapa cadangan penambahbaikan bagi skop dan metode kajian telah diutarakan.

## **BAB 2: ULASAN LITERATUR DAN TEORI**

### **2.1 Pengenalan**

Pada bahagian ini, sorotan terhadap kajian lepas dibahagikan kepada dua tema utama iaitu pertama pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dan kedua ialah bentuk-bentuk program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Selain itu, penjelasan tentang Teori Tingkah Laku Terancang, Teori Peribadi al-Ghāzalī, Model KAP dan Teori Ekologi Sosial yang mendasari kerangka konseptual kajian ini turut dibincangkan. Di samping itu, penulisan turut menghuraikan model pembentukan pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Akhir sekali ialah kesimpulan.

### **2.2 Ulasan Literatur**

#### **2.2.1 Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja**

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, terdapat penulisan yang membincangkan tentang pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Antaranya ialah kajian oleh Abd Ghani Ahmad dan Nuarrual Hilal Md Dahlan mendapati masyarakat tidak memberikan sokongan dan tidak menerima kenyataan bahawa anak gadis mereka sudah terlanjur. Justeru, mereka telah menghantar anak gadis tersebut ke pusat pemulihan bagi mengikuti program pemulihan akhlak kerana ingin menutup malu ahli keluarga daripada pengetahuan saudara terdekat dan jiran tetangga. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan pengetahuan segelintir masyarakat tentang fungsi sebenar program pemulihan akhlak di institusi masih kurang jelas. Implikasi daripada kurangnya pengetahuan tersebut telah mempengaruhi sikap dan tingkah laku mereka terhadap

program pemulihan akhlak. Di samping itu, terdapat ahli keluarga yang menyerahkan anak tidak sah taraf kepada keluarga angkat. Hal ini berlaku kerana masyarakat tidak mahu menerima bayi yang akan dilahirkan sebagai ahli keluarga mereka kelak. Lebih menyedihkan lagi apabila kewujudan anak gadis tersebut tidak diterima oleh masyarakat sehingga mereka terpaksa membesar anak yang lahir itu sendirian.<sup>57</sup> Perkara ini bukan sahaja menggambarkan masyarakat yang sukar menerima perbuatan remaja terbabit, malah sikap dan tingkah laku mereka juga disifatkan tidak memberikan sokongan dan kepercayaan terhadap institusi pemulihan akhlak.

Pakar Obstetrik dan Ginekologi Hospital Pakar KPJ Ampang Puteri, Nurul Khairiyah Khairuddin mendedahkan bahawa masyarakat pada hari ini kurang pengetahuan dan kesedaran terhadap langkah pencegahan serta pemulihan seksual terhadap anak-anak mereka. Hal yang demikian dikenal pasti apabila wujud segelintir masyarakat yang bersikap tidak terbuka dan tidak mahu berterus terang dengan anak-anak tentang pendidikan seksual. Mereka menyerahkan tanggungjawab menyampaikan ilmu ini sepenuhnya kepada guru-guru di sekolah. Tambah beliau lagi, merujuk kepada kes kehamilan luar nikah yang membabitkan remaja perempuan berusia 12 tahun di Selangor,<sup>58</sup> pihak keluarga remaja terbabit didapati tidak mengambil sebarang tindakan mahupun langkah susulan untuk membantu memulihkan mangsa khususnya dari aspek emosi dan psikologinya. Bukan itu sahaja, perbuatan keji bapa tirinya juga tidak dilaporkan terus kepada pihak bertanggungjawab.<sup>59</sup> Hal ini secara jelas memperlihatkan masih ada sebahagian masyarakat yang kurang pengetahuan dan kesedaran terhadap keperluan pencegahan dan pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia.

---

<sup>57</sup> Abd Ghani Ahmad dan Nuarrual Hilal Md Dahlan, “Mengandung Anak Tak Sah Taraf: Kajian Kes di Daerah Kubang Pasu, Kedah,” 2017.

<sup>58</sup> Rujuk latar belakang kajian pada muka surat 2.

<sup>59</sup> Siti Zarinah Sahib, “Kongsi Masalah Anak Remaja.”

Di samping itu, Suhaya Deraman et al. mendapati majoriti masyarakat di daerah Alor Gajah, Melaka menunjukkan persepsi dan sikap yang baik terhadap keperluan perkhidmatan kaunseling spiritual di Malaysia. Walaupun kelompok masyarakat tersebut terdiri daripada jantina, umur dan tahap pendidikan yang berbeza serta bangsa yang berbilang, namun penerimaan dan sikap positif yang ditonjolkan secara tidak langsung membuktikan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang baik tentang perkhidmatan kaunseling spiritual yang dijalankan di Malaysia.<sup>60</sup> Kajian oleh Maziah Syafiqah dan Muhammad Ajib pula merumuskan remaja berisiko di tiga buah institusi pemulihan akhlak di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) mempunyai sikap dan tanggapan yang baik terhadap perkhidmatan bimbingan dan kauseling yang dijalankan. Malah, program tersebut dilihat membantu mereka menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dengan baik.<sup>61</sup>

Seterusnya, penubuhan pusat-pusat perlindungan wanita, institusi pemulihan akhlak, pusat koreksional dan sekolah pemulihan juvana oleh pihak-pihak bertanggungjawab seperti kerajaan, NGO dan persendirian juga dilihat sebagai salah satu inisiatif yang baik dalam usaha membantu golongan pesalah seks khususnya golongan remaja menjalani proses pemulihan. Walaupun pusat perlindungan wanita telah wujud pada tahun 1975 lagi, namun kewujudannya tidak diuar-uarkan kepada umum kerana menghormati sensitiviti agama dan norma budaya masyarakat setempat di Malaysia.<sup>62</sup> Sebagai contoh penubuhan Taman Seri Puteri oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dan Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Walau bagaimanapun, ia tetap berperanan penting dalam menjalankan

<sup>60</sup> Suhaya Deraman et al., “Persepsi Masyarakat Terhadap Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Spiritual,” *Jurnal Islamiyyat* 39, no. 1 (2017), 57-65.

<sup>61</sup> Maziah Syafiqah Mat Tob dan Muhammad Ajib Abd Razak, “Persepsi Remaja Berisiko Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Pusat Pemulihan,” *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*, no. 8 (2017), 61-84.

<sup>62</sup> Nurul Husna, “Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah,” 2016, 111.

program-program pemulihan akhlak yang terkandung di dalamnya pengisian bermanfaat buat pesalah seks remaja.

Tambahan lagi, Maryam Zainol yang merupakan seorang wartawan R.AGE dan salah seorang penceramah wanita dalam seminar tersebut juga telah mengambil langkah proaktif dengan melobi ahli-ahli Parlimen Malaysia agar menyokong undang-undang mencegah jenayah asuhan seksual (*sexual grooming*). Bukan itu sahaja, beliau juga telah menerbitkan projek *Predator In My Phone* yang merupakan siri-siri dokumentari mengenai gejala jenayah seksual secara atas talian. Hal ini menunjukkan sikap dan tingkah laku yang positif terhadap langkah pencegahan jenayah seksual dalam kalangan remaja. Selain program kesedaran berbentuk ceramah mengenai penyakit HIV/AIDS disampaikan kepada penghuni Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak, ceramah motivasi turut dijalankan di peringkat penghuni Penjara Pusat Sri Aman. Pegawai pendidikan sekolah telah dijemput bagi berkongsi ilmu dan pengalaman kepada penghuni penjara dengan tujuan agar perkongsian tersebut sedikit sebanyak memberikan kesedaran dan membantu banduan-banduan itu kembali ke jalan yang benar.<sup>63</sup>

Kemudian, kajian oleh Farahwahida dan Norazila membincangkan bahawa institusi pendidikan seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga memainkan peranan yang sangat penting dalam mengekang gejala seksual dalam kalangan mahasiswa termasuk dari aspek pencegahan dan pemulihian. Dari aspek pencegahan, pelbagai ikhtiar telah dilaksanakan oleh pihak universiti bagi membendung gejala ini. Antaranya ialah inisiatif pihak kolej menjalankan bermacam bentuk aktiviti keagamaan, moral dan sukan, peraturan universiti mengenai etika berpakaian pelajar, adab dan pergaulan antara lelaki dan perempuan serta usaha pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) menganjurkan berbagai-bagai aktiviti seperti penganjuran Majlis Sukan Mahasiswa (MASUM), minggu kokurikulum

---

<sup>63</sup> “Program Ceramah Motivasi Peringkat Penghuni Penjara Pusat Sri Aman,” dicapai 15 September 2019, <http://www.prison.gov.my/Berita/htdocs/berita/ViewBeritaPrint.jsp?id=6729>.

dan pesta konvokesyen. Kajian menunjukkan hampir separuh daripada responden iaitu sebanyak 55.1% berpendapat bahawa penguatkuasaan undang-undang universiti berkenaan tata tertib menghuni kolej kediaman telah berjaya menangani masalah seks bebas dalam kalangan mahasiswa.<sup>64</sup>

Selain di Malaysia, di negara-negara luar juga masih wujud komunikasi antara masyarakat dengan anak-anak tentang isu seksualiti dan kesihatan reproduktif. Sebagai contoh di Tanzania, isu seksualiti lebih tertumpu kepada isu kehamilan luar nikah serta kematian yang disebabkan oleh penyakit *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) dan *Acquired Immune Deficiency Syndrome* (AIDS). Tindakan yang lazimnya dilakukan adalah melalui nasihat berbentuk amaran, ancaman dan peringatan kepada anak remaja mereka agar tidak terlibat dengan gejala yang tidak bermoral tersebut. Perkara ini jelas menggambarkan perbuatan yang tercela itu tidak disukai oleh masyarakat di sana. Namun begitu, perbincangan tersebut agak terbatas dan tidak meluas oleh sebab kekurangan ilmu pengetahuan mereka tentang isu seksualiti dan kesihatan reproduktif serta norma budaya masyarakat yang menekankan interaksi antara berlainan jantina.<sup>65</sup> Hal yang demikian turut disokong oleh kajian yang dijalankan terhadap penduduk di komuniti luar bandar daerah Tambo, Afrika Selatan, Pune, Maharashtra, Patna, India dan China. Komunikasi antara masyarakat dengan anak-anak tentang hal-hal peribadi yang sensitif dan perkara seksualiti adalah terhad kepada mesej yang memberi amaran terhadap kehamilan luar nikah sahaja.<sup>66</sup>

Dalam budaya masyarakat Cina tradisional dan Harar, Ethiopia, seks merupakan suatu topik yang sangat peribadi untuk dibicarakan. Mereka akan menggunakan

<sup>64</sup> Farahwahida Mohd. Yusof dan Norazila Sugiman, “Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks,” *Journal of Education Psychology & Counseling* 1, (Mac 2011), 94-114.

<sup>65</sup> Hamida Nkata, Raquel Teixeira and Henrique Barros, “A Scoping Review on Sexual and Reproductive Health Behaviors Among Tanzania Adolescents,” *Public Health Reviews* 40, no. 4 (2019), 1-15.

<sup>66</sup> Feziwe Mpando et al., “Understanding The Role Played By Parents, Culture and The School Curriculum In Socializing Young Women On Sexual Health Issues In Rural South African Communities,” *Journal of Social Aspects of HIV/AIDS* 15, no. 1 (April 2018), 42-49.

pendekatan secara tidak langsung dan tersirat sekiranya ingin menyampaikan perkara-perkara berkaitan aktiviti seksual kepada anak remaja mereka. Oleh sebab itu, perbincangan antara masyarakat dengan anak-anak mengenai seks di China dan Ethiopia agak jarang sekali berlaku.<sup>67</sup> Di samping itu, kajian di Sub Saharan-Africa (Burkina Faso, Ghana, Malawi dan Uganda) mendapati bahawa tahap komunikasi antara masyarakat dengan anak-anak remaja mengenai perkara berkaitan seks adalah rendah kerana ia bukanlah perkara yang biasa dilakukan dalam lingkungan persekitaran hidup mereka. Hal ini turut berlaku dalam budaya masyarakat Afrika dan Xhosa<sup>68</sup> yang sangat melarang perbincangan mengenai isu-isu seksualiti. Kebiasaannya, hal tersebut tidak begitu selesa dibincangkan terutamanya oleh golongan bapa.<sup>69</sup> Sebagaimana di Bulawayo, Zimbabwe, walaupun golongan ibu cuba untuk berkomunikasi secara baik dengan anak-anak mereka, namun golongan bapa tidak menyokong perbuatan tersebut. Hal ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan oleh Ilana Seff, Jordan J. Steiner dan Lindsay Stark bahawasanya masyarakat dalam kalangan komuniti kulit hitam mempunyai sikap konservatif<sup>70</sup> dan budaya mereka sememangnya menyekat komunikasi tentang perkara seksualiti dengan anak-anak.<sup>71</sup>

Selain daripada perbincangan mengenai komunikasi antara masyarakat dengan anak-anak tentang seks, pendidikan seks di sekolah juga merupakan salah satu program yang diimplementasikan terhadap anak-anak remaja sebagai suatu pendekatan pencegahan seksual. Terdapat banyak kajian yang membincangkan tentang pelaksanaan

---

<sup>67</sup> Petula Sik Ying Ho et al., “Sex With Chinese Characteristics: Sexuality Research in/on 21st-Century China,” *The Journal of Sex Research* 55, no. 4-5 (March 2018), 1-7.

<sup>68</sup> Xhosa merupakan sebuah kumpulan etnik orang Afrika Selatan yang kebanyakannya terdapat di Timur dan Barat Cape, Afrika Selatan.

<sup>69</sup> Nomawonga Veronica Msutwana, “Meaningful Teaching of Sexuality Education Framed By Culture: Xhosa Secondary School Teachers’ View,” *Perspectives in Education* 39, no. 2 (2021), 339-355.

<sup>70</sup> Sikap ingin atau cenderung untuk mengekalkan sesuatu keadaan yang wujud atau yang menjadi kebiasaan.

<sup>71</sup> Ilana Seff, Jordan J. Steiner and Lindsay Stark, “Early Sexual Debut: A Multi-country, Sex-stratified Analysis in Sub-saharan Africa,” *An International Journal for Research, Policy and Practice* 16, no. 7 (September 2020), 1046-1056.

program pendidikan seks di luar negara. Antaranya ialah di Bulawayo, Zimbabwe dan di negara Asia seperti China, pendidikan seks tidak menjadi sebahagian daripada pendidikan formal di sekolah. Kebanyakan masyarakat China masih berpegang dengan kepercayaan bahawa tiada keperluan memberikan pendidikan seks kepada anak-anak remaja. Hal ini kerana terdapat segelintir sikap masyarakat dan generasi terdahulu yang bimbang terhadap pelaksanaan pendidikan seks akan menggalakkan lagi anak-anak remaja mereka terlibat dengan gejala seksual.<sup>72</sup> Sebaliknya, di daerah Punjab majoriti masyarakat menunjukkan sikap yang baik terhadap pengenalan pendidikan seks di sekolah anak remaja mereka. Masyarakat percaya bahawa pendidikan seks tersebut akan membantu anak-anak mereka menjadi lebih bertanggungjawab dalam tingkah laku seksual. Sikap masyarakat terhadap pendidikan seks juga berbeza dengan ketara sekali yang mana golongan bapa menunjukkan sikap yang lebih baik terhadap pendidikan seks berbanding dengan golongan ibu.<sup>73</sup> Hal ini jelas menggambarkan masyarakat di Punjab amat menyokong pendidikan seks supaya diajarkan kepada anak-anak di sekolah.

Selain itu, melalui penganjuran kempen kesedaran oleh pihak-pihak berwajib seperti kerajaan juga memperlihatkan pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks. Kajian oleh Kevin C. Davis et al. mendapati bahawa majoriti masyarakat di Amerika Syarikat mempunyai pengetahuan, sikap dan tingkah laku yang baik terhadap *Parents Speak Up National Campaign (PSUNC)* yang dianjurkan oleh *The U.S. Department of Health and Human Services*. Tahap pengetahuan, sikap dan tingkah laku yang tinggi dalam kalangan masyarakat khususnya golongan ibu terhadap kempen tersebut secara tidak langsung menatijahkan peningkatan dalam kekerapan komunikasi antara masyarakat dengan anak-anak tentang

---

<sup>72</sup> Wen Shi et al., “Gender Differences in Sex Education in China: A Structural Topic Modeling Analysis Based on Online Knowledge Community Zhihu,” *Journal of Children* 9, no. 5 (April 2022), 1-18.

<sup>73</sup> Tanushree Ghosh, *Beyond #MeToo: Ushering Women’s Era or Just Noise?* (t.tp: Sage, 2022), 308.

seks.<sup>74</sup> Ternyata, hubungan dan komunikasi yang kurang baik dalam sistem kekeluargaan mampu memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan dan pembentukan sikap anak-anak remaja. Buktinya, apabila wujud kerenggangan hubungan antara anak-anak dengan ibu bapa, ia secara tidak langsung mewujudkan jurang antara mereka, komunikasi dua hala yang hambar serta kurang kepercayaan antara kedua-dua belah pihak ibu bapa dan remaja. Faktor-faktor seperti inilah yang membentuk tingkah laku seksual remaja dengan mendapatkan perhatian dan kasih sayang di luar.<sup>75</sup>

Di Afrika pula, program seperti *Uganda's Straight Talk Campaign* dan *Families Matter! Program (FMP)* yang dilaksanakan menunjukkan kesediaan masyarakat untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong anak-anak remaja dalam meningkatkan komunikasi antara keluarga mengenai isu seksualiti dan risiko seksual. Buktinya, *Families Matter! Program (FMP)* yang dijalankan di Barat Kenya, Afrika telah berjaya meningkatkan persepsi masyarakat terhadap kesediaan anak remaja mereka untuk belajar tentang seks, bilangan topik seks yang dibincangkan dengan anak mereka serta pengetahuan, kemahiran, dan keyakinan mereka dalam berkomunikasi dengan anak-anak tentang seks.<sup>76</sup> Bukan itu sahaja, program ini juga berhasil meningkatkan kemahiran keibubapaan serta komunikasi yang berkesan mengenai HIV/AIDS dan penggunaan kondom antara masyarakat dengan anak-anak.<sup>77</sup> Di Malaysia pula, Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak (JWKS) telah memperkenalkan program kesedaran kepada golongan remaja dalam usaha menangani kehamilan luar nikah melalui program “I'm In Control, Cakna Diri Remaja, Modul Sarawak.” Menurut Fatimah Abdullah selaku Menteri

<sup>74</sup> Kevin C. Davis et al., “Effectiveness of a National Media Campaign to Promote Parent-Child Communication about Sex,” *Journal of Health Education & Behaviour* 40, no. 1 (2013), 97-106.

<sup>75</sup> Nor Jumawaton Shahruddin et al., “Peranan Estim Diri Sebagai Pengantara Antara Perapatan Ibu Bapa-Anak dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual dalam Kalangan Remaja Hamil Luar Nikah,” *Jurnal Sains Humanika* 10, no. 2 (2018), 1-8.

<sup>76</sup> Kim S. Miller et al., “Families Matter! Presexual Risk Prevention Intervention,” *American Journal of Public Health* 103, no. 11 (2013), 16-20.

<sup>77</sup> Benjamin Anathory Kamala et al., “Evaluation of The Families Matter! Program in Tanzania: An Intervention to Promote Effective Parent-Child Communication About Sex, Sexuality and Sexual Risk Reduction,” *AIDS Education and Prevention* 29, no. 2 (2017), 105-120.

Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak berkata jika perkara itu tidak dibendung awal, ia akan menyebabkan keruntuhan institusi keluarga sehingga mendorong kepada berlakunya banyak gejala sosial yang lain.<sup>78</sup> Justeru, masyarakat berperanan penting agar terlibat sama dalam menjalani aktiviti dengan anak-anak tidak kira di rumah maupun di luar rumah.

Walaupun penulisan di atas ada membincangkan tentang pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks, namun terdapat juga kajian yang membicarakan tentang tanggapan dan persepsi negatif masyarakat terhadap pesalah seks. Contohnya di Norfolk dan Virginia Beach, majoriti masyarakat di sana berpendapat bahawa pesalah seks adalah mustahil untuk dipulihkan kembali.<sup>79</sup> Secara kesimpulannya, berdasarkan sorotan kajian yang telah dibuat mendapati sebahagian masyarakat berbilang budaya, agama dan kepercayaan di seluruh dunia masih bersikap konservatif terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks dan melihat isu seksualiti ini sebagai tabu. Walaupun terdapat kajian yang membincangkan tentang pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat, namun kebanyakannya menghubungkan aspek-aspek tersebut dengan program pemulihan dalam komuniti. Selain itu, kajian lepas juga banyak berfokus kepada penganjuran kempen kesedaran dan pendidikan seks secara tidak formal melalui ceramah, bengkel serta komunikasi dua hala antara masyarakat dengan anak-anak tentang isu seksualiti dan kesihatan reproduktif. Kemudian, kempen kesedaran dan pendidikan seks tersebut pula adalah antara program pencegahan bukan program pemulihan akhlak. Tambahan lagi, kebanyakan kajian lepas lebih tertumpu kepada peranan golongan ibu bapa secara khusus dan umumnya kepada masyarakat pelbagai agama. Kajian-kajian sedia ada juga lebih

<sup>78</sup> Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Seksualiti, <https://pardocs.sinarproject.org/documents/2016-october-november-parliamentary-session/written-replies-soalan-bertulis/soalan-3.pdf>

<sup>79</sup> Brian. K Payne et al., "Attitudes about Rehabilitating Sex Offenders: Demographic, Victimization and Community-Level Influences," *Journal of Criminal Justice* 38, (2010), 580-588.

banyak kepada perbincangan di luar negara dan di seluruh Malaysia, namun tidak berfokus kepada negeri-negeri tertentu. Walau bagaimanapun, kajian mengenai pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor secara khusus terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja masih kurang dibincangkan.

### **2.2.2 Bentuk-bentuk Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja di Malaysia**

Keperluan pemulihan pesalah seks remaja dari aspek fizikal dan spiritual dilihat amat penting dilaksanakan melalui program-program pemulihan akhlak sedia ada.<sup>80</sup> Justeru, berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu mengenal pasti beberapa bentuk program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Antaranya ialah pemulihan berasaskan rawatan terapeutik.<sup>81</sup> Program pemulihan terapeutik berperanan dalam usaha membaik pulih anak gadis hamil luar nikah dengan membentuk semula tingkah laku mereka. Namun, keberkesanan pemulihan terapeutik terletak pada empat komponen, salah satu daripadanya ialah pendekatan terapi tingkah laku kognitif. Bertitik tolak daripada itu, kajian-kajian lepas telah membuktikan keberkesanan program pemulihan terapeutik yang mengamalkan prinsip keadilan restoratif dalam membantu pesalah remaja dan berjaya mengurangkan pengulangan kesalahan.<sup>82</sup> Hal yang demikian disokong dengan kajian oleh Siti Hajar Abu Bakar Ah, Haris Abdul Wahab dan Siti Balqis Mohd Azam bahawa terapi tingkah laku kognitif yang diterapkan dengan unsur-unsur spiritual membantu merawat masalah kebimbangan dan kemurungan yang dialami oleh pesalah seks. Kebanyakan

---

<sup>80</sup> Absha Atiah Abu Bakar dan Mohd. Isa Hamzah, “Faktor Keterlibatan Remaja dengan Masalah Sosial,” *Jurnal Hadhari* 11, no. 1 (2019), 1-17.

<sup>81</sup> Secara umumnya, terapeutik bermakna seni penyembuhan ataupun penyembuhan penyakit. Bagi konteks keadilan juvana, terapeutik adalah sebuah fungsi pemulihan sosial terapeutik. Mengikut sistem pengadilan terapeutik ini, kanak-kanak yang telah disabit dengan kesalahan jenayah perlu mengikuti satu siri program pemulihan sosial yang bertujuan untuk mencegah pengulangan kesalahan dan menggalakkan pembaik pulihan moral dan tingkah laku mereka.

<sup>82</sup> Siti Balqis Mohd Azam, “Amalan Restoratif dalam Program Perlindungan dan Pemulihan Remaja Hamil Luar Nikah di Malaysia,” *The Malaysian Journal of Social Administration* 12, no. 1, (2016), 100-135.

pesalah seks merasakan bahawa unsur spiritual yang diserap ke dalam proses rawatan pemulihan bertindak sebagai faktor pelindung sehingga berjaya mengurangkan masalah residivisme<sup>83</sup> dalam kalangan mereka.<sup>84</sup>

Selain itu, kelas-kelas kemahiran seperti kelas masakan, kraf tangan, jahitan, keusahawanan dan pertanian turut dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif dalam pemulihan pesalah seks remaja.<sup>85</sup> Sebagai contoh, kelas kemahiran menjahit yang ditawarkan di pusat-pusat perlindungan wanita dapat menerapkan sifat teliti dan berhemah dalam diri penghuni menerusi penguasaan kaedah dan peralatan menjahit. Di samping itu, ia mampu menyumbang kepakaran dan keistimewaan pada diri mereka.<sup>86</sup> Kemudian, penganjuran program-program seperti seminar, ceramah, forum, bengkel dan kempen kesedaran juga banyak dilaksanakan. Antaranya seminar kebangsaan “Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!” telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada Mac 2017. Seminar yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Bertindak Berkenaan Isu-Isu Jenayah Seksual Kanak-Kanak ini bertujuan membina dan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap jenayah seksual yang berlaku sekali gus mendapatkan kerjasama daripada semua pihak berkepentingan seperti kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), ibu bapa dan ahli-ahli akademik dalam usaha mencegah jenayah seksual. Tambahan lagi, Donald Findlater iaitu pengasas klinik Wolvercote<sup>87</sup> dari

---

<sup>83</sup> Terma residivisme berasal dari perkataan Latin “recidere” yang membawa maksud kembali (fall back). Ianya merujuk kepada perkembalian bekas banduan kepada tingkah laku anti sosial atau aktiviti jenayah. Perkembalian semula kepada tingkah laku ini berlaku selepas dibebaskan dari penjara.

<sup>84</sup> Siti Hajar Abu Bakar Ah, Haris Abdul Wahab, Siti Balqis Mohd Azam, “Pelaksanaan Terapi Tingkah Laku Kognitif dalam Program Pemulihan Terapeutik Berasas Institusi untuk Remaja Hamil Luar Nikah,” 2019.

<sup>85</sup> Nurul Husna Mansor et al., “Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah,” *Jurnal Hadhari* 9, no. 2 (2017), 261-274.

<sup>86</sup> Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman dan Shahrulanuar Mohamed, “Pemulihan Diri Remaja Hamil Luar Nikah Menerusi Pendekatan Psikospiritual Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor,” *Journal of Human Capital Development* 14, no. 1 (2021), 135-154.

<sup>87</sup> Sebuah pusat rawatan bagi golongan lelaki yang terlibat dengan jenayah seksual kanak-kanak di United Kingdom.

United Kingdom (UK) telah dijemput sebagai penceramah untuk berkongsi pengalamannya tentang program pemulihan bagi pesalah seks dengan masyarakat.<sup>88</sup>

Menyedari hakikat bahawa pengisian berasaskan agama menjadi perkara yang sangat penting dalam program pemulihan akhlak bagi salah laku seks, maka pendidikan agama disediakan mengikut syariat Islam yang benar. Pengisian dalam modul keagamaan seperti Modul Kurikulum Pendidikan Islam menekankan tiga aspek asas iaitu pengukuhan akidah, penghayatan ibadah dan pembangunan akhlak.<sup>89</sup> Ketiga-tiga aspek berkenaan dapat melancarkan usaha pemulihan akhlak remaja menerusi penekanan tuntutan rukun iman dan Islam seperti pelaksanaan solat fardu 5 waktu, membayar zakat, membaca al-Quran dan berpuasa di bulan Ramadan. Kesannya, hal yang demikian dapat melahirkan rasa takut, cinta dan harap kepada Allah sekali gus memberikan impak positif kepada rohani dan jasmani mereka yang terlibat dengan jenayah seksual ini.<sup>90</sup> Kenyataan ini juga diakui oleh Suriani Sudi, Fariza Md Sham dan Phayilah Yama dalam kajian mereka bahawasanya elemen spiritual berdasarkan al-Quran dan hadis yang diimplementasikan memberi impak yang baik terhadap mental dan rohani remaja bermasalah dari aspek akidah, ibadah, akhlak dan moral.<sup>91</sup>

Di samping itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling seperti kaunseling individu dan kaunseling kelompok juga telah banyak diaplikasikan sebagai salah satu kaedah penting dalam usaha menangani gejala penyimpangan tingkah laku dalam kalangan remaja. Peranan bimbingan dan kaunseling seperti perkhidmatan kaunseling

<sup>88</sup> Donald Findlater, “Preventing Child Sexual Abuse,” *StopSO* (2018), <https://stopso.org.uk/wp-content/uploads/2018/04/15-Preventing-child-sexual-abuse-Donald-Findlater.pdf>

<sup>89</sup> Nurul Husna, “Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah,” 2016, 225-250. Noor Hafizah Mohd Haridi, “Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanannya” 2016, 116.

<sup>90</sup> Nurul Husna Mansor et al., “Implementasi Ibadah Islam Sebagai Terapi Salah Laku Seksual Remaja: Kajian Terhadap Pusat Perlindungan Wanita Terpilih di Selangor,” *International Journal of Malay World and Civilisation (IMAN)* 4, no. 1 (2016), 73-84.

<sup>91</sup> Suriani Sudi, Fariza Md Sham dan Phayilah Yama, “Pembentukan Spiritual Menurut Islam Sebagai Solusi dalam Menangani Permasalahan Sosial,” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 5, no. 2 (2018), 269-278.

psikologi kognitif Ad-Din telah berjaya membawaikan impak yang baik dalam membangunkan motivasi dan diri remaja yang terjebak dengan salah laku seksual. Malah ia mampu mengatasi masalah depresi yang dihadapi oleh remaja terbabit.<sup>92</sup> Perkara ini juga disokong oleh kajian Salasiah Hanin Hamjah et al. yang menyarankan ibu bapa supaya memanfaatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan tujuan mentarbiah anak-anak khususnya bagi remaja yang terjebak dengan salah laku seksual. Tambahan lagi, pendekatan manhaj Islam dalam kaunseling dipercayai berpotensi membantu remaja yang bermasalah dengan baik. Hal tersebut kerana ia meliputi tiga aspek utama seperti akidah, ibadah dan akhlak yang sejajar dengan al-Quran dan al-Sunnah.<sup>93</sup>

Modul Kaunseling Pendekatan Islam berdasarkan Pendekatan Amar Makruf Nahi Mungkar (AMAR) telah dibina bertujuan membendung gejala penyimpangan tingkah laku seksual pelajar. Berdasarkan pandangan kaunselor-kaunselor Islam yang bertauliah, lapan strategi modul al-Ghāzalī yang menitikberatkan aspek akidah, ibadah dan akhlak dikenal pasti dapat menjadi tembok dan pelindung kepada remaja agar jauh daripada penyimpangan tingkah laku seksual.<sup>94</sup> Begitu juga dengan kajian oleh Nurdeng Deuraseh dan Amaludin Ab. Rahman, kaedah kaunseling keagamaan sangat penting diimplementasikan kepada golongan pesalah seks. Kebanyakan pesalah seks yang terkena jangkitan HIV dan AIDS kesan daripada hubungan seks bebas yang dijalinkan bersetuju bahawa aspek kerohanian dan keagamaan dalam kaunseling berupaya menghalang

<sup>92</sup> Norzihan Ayub et al., “Keberkesanan Kaunseling Kelompok Tingkah Laku Kognitif Terhadap Kemarahan dan Agresif dalam Kalangan Banduan Penjara Lelaki,” *Jurnal Psikologi Malaysia* 30, no. 1 (2016), 40-50.

<sup>93</sup> Mariani Omar dan Norhanizah Wati Nuroddin, “Pendekatan Kaunseling Islam untuk Menangani Masalah Sosial di Kalangan Remaja Sekolah Menengah Agama,” *Al-Takāmul Al-Ma’rifī* 3, no. 1 (Jun 2020), 13-41.

<sup>94</sup> Roslee Ahmad et al., “Strategi Intervensi Menangani Penyelewengan Tingkah Laku Seksual Berdasarkan Model al-Ghāzalī.” (Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kaunseling Kebangsaan 2009, *Palace of The Golden Horses*, Serdang, Selangor, 3-5 November, 2009).

mereka daripada terjebak dengan salah laku seksual.<sup>95</sup> Tambahan pula, galakan oleh Khairiyah Md. Shahid et al. supaya anak-anak remaja diajarkan serta diberikan pendedahan awal tentang modul kaunseling kesihatan dan pendidikan seksual juga harus disambut baik.<sup>96</sup>

Seterusnya, kajian oleh Zaizul bin Abd Rahman et al. juga mengenal pasti program pemulihan akhlak seperti program agama, program vokasional, program kaunseling dan program kokurikulum yang dilaksanakan di penjara sangat membantu dalam pemulihan akhlak dalam kalangan pesalah seks.<sup>97</sup> Perkara tersebut dapat dibuktikan melalui penerimaan pesalah jenayah rogol di Penjara Sungai Udang, Melaka terhadap manfaat dan kebaikan program agama. Majoriti dalam kalangan mereka berpendapat program agama di penjara telah berjaya meninggalkan kesan yang mendalam kepada jiwa mereka. Impaknya, program-program pemulihan yang dijalankan berupaya meningkatkan motivasi diri mereka untuk menghadapi stigma masyarakat di luar sana selepas mereka dibebaskan nanti. Hal yang demikian turut diakui oleh kajian Siti Jamiaah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff dan Rozmi Ismail yang dilaksanakan kepada banduan wanita di lima buah penjara terpilih di Malaysia. Kajian tersebut membuktikan program keagamaan dapat meningkatkan psikologi dan konsep kendiri banduan wanita yang cemerlang dan sejahtera.<sup>98</sup> Tidak kurang juga dengan inisiatif keagamaan dan nilai akhlak yang terangkum dalam program pendidikan menjadi salah satu inisiatif yang baik untuk diimplementasikan kepada pesalah seks remaja.<sup>99</sup> Hal ini seajar dengan program

<sup>95</sup> Nurdeng Deuraseh dan Amaludin Ab. Rahman, “Pendekatan Keagamaan dan Kesejahteraan Rohani Teras Pencegahan HIV & AIDS: Perspektif Responden HIV/AIDS,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 8, (Jun 2014), 1-19.

<sup>96</sup> Khairiyah Hj Md. Shahid et al., “Adolescents and Premarital Sex: Perspectives from Family Ecological Context,” *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled* 1, (2017), 157-165.

<sup>97</sup> Zaizul Abd Rahman et al., “Program Pemulihan Insan dalam Kalangan Banduan Melayu di Penjara Sungai Udang, Melaka.” (Kertas kerja dibentangkan di International Conference On Islamic Civilization And Malay Identity 2011 (ICICMI2011), Equatorial Hotel Melaka, Melaka, Malaysia, 14-15 November, 2011).

<sup>98</sup> Siti Jamiaah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff dan Rozmi Ismail, “Peranan Program Keagamaan Terhadap Pemulihan Konsep Kendiri Banduan Wanita di Malaysia,” *Jurnal al-Afskar* 18, no. 2 (2016), 193-228.

<sup>99</sup> Azahar Yaakub et al., “Pendekatan Program Pendidikan ke atas Remaja Hamil Luar Nikah,” 2017.

pemulihan akhlak menerusi sistem pendidikan bagi pesalah juvana yang bertujuan memperelok dan membaik pulih akhlak.<sup>100</sup>

Menelusuri perbincangan tentang program pemulihan di penjara, perkhidmatan pemulihan bagi pesalah juvana ialah melalui pendidikan. Penjara berfungsi sebagai sebuah institusi pemulihan dan keselamatan bagi para banduan. Di samping itu, penjara juga berperanan memberikan pendidikan sewajarnya kepada pesalah juvana melalui sistem persekolahan yang dijalankan. Terdapat beberapa sistem persekolahan bagi pesalah juvana seperti Sekolah Tunas Bakti di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Sekolah Henry Gurney di bawah kendalian Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah di bawah Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Melalui program pemulihan di Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah, para banduan diberikan peluang menghafal al-Quran serta belajar ilmu fardu ain dengan selamat menerusi program Tahfiz al-Quran dan kelas-kelas agama yang dilaksanakan.<sup>101</sup>

Di Malaysia, Pelan Pembangunan Insan (PPI) ialah sebuah program hukuman dan pemulihan sosial berdasarkan institusi yang dirangka bagi para banduan yang sedang melalui proses pemenjaraan. PPI yang dibangunkan pada tahun 2002 ini ialah suatu program pemulihan sosial yang menitikberatkan pembinaan jati diri dan sahsiah penghuni penjara. Dalam fasa Pengukuhan Sabsah, empat program utama yang menjadi asas dalam rawatan pemulihan pesalah ialah Program Terapeutik Komuniti, Program Halaqah, Program Pendidikan dan Bimbingan serta Program Akademik. Menerusi Program Pendidikan dan Bimbingan, lima buah kelas telah dibangunkan bagi menggilap kemahiran membaca, mengira dan menulis pelajar sekali gus mengurangkan kadar buta

---

<sup>100</sup> Darussalam Budin, “Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan dan Cabaran,” *Jurnal Hadhari* 6, no. 1 (2014), 87-104.

<sup>101</sup> Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy Chow Jen T’Ciang dan Ramalinggam Rajamanickam, “Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia,” *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat (JUUM)*, (2018), 72-85.

huruf dalam kalangan mereka. Selain itu, ia juga merupakan kelas persediaan bagi pelajar yang akan mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kelas persediaan berkenaan merangkumi kelas 3M (membaca, mengira dan menulis), Pra PMR, PMR, Pra SPM dan SPM.

Hakikatnya, pemulihan di penjara bermatlamat untuk memulih dan melatih banduan agar menjadi warganegara yang produktif melalui aktiviti yang dianjurkan seperti program vokasional dan sebagainya. Ia juga bertujuan menanam sikap positif dan yakin dalam diri banduan ke arah pembinaan sahsiah diri yang baik. Tambahan lagi, proses pemulihan melalui sistem pendidikan berupaya memperbaiki tingkah laku pesalah dan membangunkan motivasi diri agar mereka dapat menjalani kehidupan bermasyarakat setelah dibebaskan keluar daripada institusi pemulihan akhlak kelak. Pendidikan menerusi sistem persekolahan juga adalah perkara yang amat signifikan kepada sesebuah negara sebagai ikhtiar melahirkan generasi akan datang yang terbilang dari bermacam aspek. Pendidikan menerusi sistem persekolahan tidak berfungsi memberikan pelajaran dan pengajaran kepada pelajar semata-mata, malah ia turut berperanan sebagai medan bagi mengajarkan keutamaan nilai-nilai yang mulia dalam kalangan masyarakat demi menggapai keharmonian dan perpaduan bersama.<sup>102</sup>

Menerusi pemulihan dalam komuniti pula, antara program pemulihan akhlak yang dilaksanakan ialah program Mukhayyam di bawah kelolaan pihak JAKIM.<sup>103</sup> Program Mukhayyam yang mengandungi pengisian rohani seperti kelas fardu ain dan aktiviti-aktiviti lasak seperti *flying fox*, *snorkling* dan *jungle trekking* ini terbukti memberikan impak yang positif kepada pesalah seks apabila seramai 1450 dalam kalangan mereka

<sup>102</sup> Haliza Abdul Rahman, “Usaha dan Cabaran dalam Mengaplikasikan Pendidikan Alam Sekitar dalam Sistem Persekolahan di Malaysia,” *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 1, no. 2 (Disember 2017), 61-70.

<sup>103</sup> Azman Ab Rahman et al., “Program Pemulihan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT): Bahagian Pemulihan Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS),” 2019.

yang sudah mula mendekati Islam termasuk menunaikan umrah.<sup>104</sup> Selain usaha daripada pihak JAKIM, pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Pemulihan Al-riqāb turut berperanan membantu memulihkan golongan pesalah seks dengan mengendalikan beberapa program pemulihan bagi tujuan pemulihan, perlindungan dan pengawalan kepada asnaf riqāb khasnya pesalah seks seperti LGBT. Program pemulihan bagi golongan pesalah seks ini telah dijalankan pada tahun 2012 dan dilakukan penambah baikan pada tahun 2015. Bukan itu sahaja, pihak MAIS turut menyediakan tempat perlindungan dan perkhidmatan kaunseling kepada golongan wanita dan gadis yang terlibat dengan gejala sosial. Perkara ini jelasnya menggambarkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat melalui platform institusi seperti pihak MAIS dan JAKIM dalam menjalankan misi dakwah dan bantuan terhadap golongan pesalah seks ini melalui pelaksanaan program pemulihan akhlak tersebut.

Merujuk program pemulihan berbentuk komuniti yang dijalankan oleh pihak MAIS, ia dilaksanakan melalui empat fasa yang telah ditetapkan. Pada fasa 1, ia membabitkan aktiviti ziarah ke rumah dan *outreach* ke lapangan. Fasa ini sangat penting bagi mengetahui latar belakang pesalah seks dari aspek kekeluargaan dan taraf hidup mereka. Seterusnya fasa 2 ialah jalinan ukhuwah yang meliputi aktiviti santai iaitu ziarah ke sekitar kawasan setempat, sesi perkongsian dan pengenalan program melalui Program Jalinan Kerjasama atau Program Ziarah Mahabbah. Bagi memenuhi keperluan spiritual, para peserta digalakkan solat berjemaah pada setiap waktu dan program diisi dengan tazkirah ringkas pada setiap kali selepas solat Subuh. Bukan itu sahaja, peserta juga berpeluang menjalani aktiviti riadah dan sukan.

Selain Program Ziarah Mahabbah, Program Penghayatan Islam juga dilaksanakan melalui aktiviti sesi ramah mesra, teori dan praktikal spiritual Islam serta muhasabah diri.

---

<sup>104</sup> Program Intervensi Kerohanian Terhadap Golongan LGBT oleh JAKIM [PDF].

Kemudian, fasa 3 merupakan program bimbingan seperti Kelas Bimbingan Agama, Perawatan dan Pemulihan serta Program Bantuan dan Kebajikan. Melalui Kelas Bimbingan Agama, para peserta berpeluang mempelajari ilmu teras Islam, Tajwid dan kaedah membaca Al-Quran. Di samping itu, program Perawatan dan Pemulihan ialah rawatan klinikal dan spiritual Islam yang dilaksanakan kepada pesalah seks sebagai suatu bentuk sokongan dalam proses pemulihan. Kemudian fasa terakhir ialah fasa pengukuhan yang memfokuskan kepada tiga aspek iaitu ibadah, spiritual dan kasih sayang. Antara program yang terkandung di dalamnya ialah Program Pengukuhan Agama Islam, Program Sokongan Mengerjakan Ibadah Umrah Haji, Program Penghayatan Pelaksanaan Amalan Islam dan Program Tautan Mahabbah.<sup>105</sup>

Tambahan lagi, pendidikan seks berteraskan Islam sebagaimana yang dibincangkan oleh ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān di dalam kitab asalnya *Tarbiyat al-Awlād* juga sewajarnya bermula di peringkat awal ketika kanak-kanak lagi. Penekanan terhadap beberapa aspek utama seperti pemahaman seksual dan menjagaan kesihatan organ reproduktif, perasaan takut, cinta dan harap kepada Allah SWT, pengasingan tempat beredu antara anak-anak lelaki dan perempuan serta menjagaan batas aurat dan pergaulan perlu diberikan dalam pendidikan seks Islam.<sup>106</sup> Selain menumpukan kepada pendekatan keagamaan, pengukuhan institusi keluarga khususnya golongan ibu bapa juga adalah sangat penting dalam mengawal dan menangani masalah seksual dalam kalangan remaja.<sup>107</sup>

Justeru, Nor Jumawaton Shahruddin et al. bersetuju bahawa peranan institusi keluarga sebagai faktor pelindung dapat membantu mengekang salah laku seksual dalam

<sup>105</sup> Azman Ab Rahman et al., “Program Pemulihan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT): Bahagian Pemulihan Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS),” 2019.

<sup>106</sup> ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān, *Pendidikan Anak-anak dalam Islam: Jilid 2*, terj. Syed Ahmat Semait (Singapore, Pustaka Nasional Ptd. Ltd., 2012).

<sup>107</sup> Khairiyah Hj Md. Shahid et al., “Adolescents and Premarital Sex: Perspectives from Family Ecological Context,” *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled* 1, (2017), 157-165.

kalangan remaja dengan mempamerkan contoh ikutan yang baik, mengawasi pergerakan anak-anak secara berterusan dan menjadi teman yang rapat kepada anak-anak.<sup>108</sup> Walau bagaimanapun, ibu bapa yang gagal dalam mendidik anak-anak dengan baik menjadi salah satu punca berlakunya banyak masalah salah laku seksual. Justeru, keperluan kursus keibubapaan juga dikenal pasti sebagai salah satu cara bagi menguatkan lagi institusi kekeluargaan pada zaman yang penuh pancaroba ini. Keberkesanan dalam proses ini sangat penting kerana ia mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan personaliti serta sosialisasi anak-anak remaja.<sup>109</sup>

Kenyataan tersebut turut diperakui oleh Habibie Ibrahim et al. bahawasanya institusi keluarga juga dipercayai dapat dijadikan antara contoh intervensi krisis dan pendekatan kemahiran penyelesaian masalah antara remaja dengan ibu bapa. Hal yang demikian kerana intervensi ini mampu menggalakkan pemulihan dilakukan dalam persekitaran semula jadi remaja tersebut. Perkara ini jelas terbukti apabila remaja yang gagal mengawal masalah yang dihadapi, mereka lebih cenderung untuk melakukan perkara yang diharamkan oleh Islam.<sup>110</sup> Dengan kata lain, mereka tidak mampu menyelesaikan masalah tersebut mengikut panduan yang telah digariskan oleh Islam. Maka, kemahiran penyelesaian masalah ini secara tidak langsung sebenarnya menjadi suatu keperluan bagi remaja mencari solusi terhadap masalah yang dihadapinya sekali gus mengembalikan semula kepercayaan keluarga terhadap remaja tersebut. Justeru, jelaslah bahawa kekuatan sistem keluarga merupakan asas dan tunjang utama dalam membendung masalah seksual dalam kalangan remaja.

---

<sup>108</sup> Nor Jumawaton Shahruddin et al., “Peranan Estim Diri Sebagai Pengantara Antara Perapatan Ibu Bapa-Anak dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual dalam Kalangan Remaja Hamil Luar Nikah,” 2018.

<sup>109</sup> Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf dan Fakhrul Adabi Abdul Kadir, “Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam,” *Journal of Social Sciences and Humanities* 17, no. 9 (2020), 75-89.

<sup>110</sup> Habibie Ibrahim et al., “Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja,” *Asian Work Social Journal* 3, no. 5 (2018), 18-24.

Berdasarkan sorotan kajian yang telah dibuat, maka dapatlah disimpulkan bahawa program pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia lebih berfokus kepada program berbentuk keagamaan/kerohanian, program berasaskan bimbingan dan kaunseling, program berasaskan kemahiran dan latihan vokasional, program berasaskan pendidikan serta program berasaskan pembangunan fizikal dan sosial. Program-program tersebut berperanan membantu memulihkan fizikal dan spiritual individu yang didapati bersalah terlibat dengan salah laku seksual khususnya golongan remaja.

## **2.3 Teori Pembentukan Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat**


### **2.3.1 Teori Tingkah Laku Terancang**

Antara teori yang sering diguna pakai untuk meramal kecenderungan dan memahami tingkah laku individu dalam sesuatu perkara ialah Teori Tingkah Laku Terancang atau dikenali sebagai *Theory of Planned Behaviour* (TPB). Teori Tingkah Laku Terancang ini ialah teori yang diperkenalkan oleh Ajzen dan Fishbein pada tahun 1980. Ia merupakan lanjutan daripada Teori Tingkah Laku Bertujuan (*Theory of Reasoned Action*). Teori Tingkah Laku Terancang mengandaikan bahawa sebelum individu itu membuat keputusan sama ada mahu terlibat atau tidak dengan sesuatu tindakan, individu terbabit menyedari kesan tindakan mereka itu. Justeru, setiap tindakan individu tersebut berada dalam keadaan sedar dan terancang. Berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang, terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku cadangan individu iaitu faktor sikap, norma subjektif dan tanggapan terhadap kawalan tingkah laku. Ketiga-tiga faktor ini saling berhubung kait. Di samping itu, teori ini juga menjelaskan bahawa niat individu sangat penting dan berperanan sebagai mediator dalam mempengaruhi tingkah laku individu.<sup>111</sup> Rajah 2.1 di bawah memperlihatkan model Teori Tingkah Laku Terancang:

---

<sup>111</sup> Icek Azjen, "The Theory of Planned Behavior," *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50, (1991), 179-211.

Rajah 2.1: Teori Tingkah Laku Terancang



Sumber: Azjen, 1991

Merujuk kepada rajah 2.1 di atas, sikap merupakan apa sahaja penilaian dan pandangan individu tidak kira positif atau negatif terhadap sesuatu perkara tertentu. Hal ini bermaksud, penilaian yang positif terhadap sesuatu akan menggalakkan individu mempunyai niat untuk melakukan tingkah laku berkenaan manakala penilaian yang negatif akan mengurangkan niatnya untuk bertindak. Selain itu, sikap juga dikenali sebagai tabiat diri iaitu perkara yang telah menjadi kebiasaan harian dalam dirinya. Dalam Islam, sikap dikenali sebagai akhlak.<sup>112</sup> Seterusnya ialah norma subjektif. Dalam Teori Tingkah Laku Terancang, dari aspek dalaman norma subjektif didefinisikan sebagai persepsi atau tanggapan individu terhadap sesuatu perkara yang dipengaruhi oleh orang di sekelilingnya atau norma kehidupan yang diamalkannya.<sup>113</sup> Dari aspek luaran pula ia merujuk kepada pengaruh sosial yang berperanan menyokong dan mendorong individu

<sup>112</sup> Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf dan Fakhru Adabi Abdul Kadir, "Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam, 2020.

<sup>113</sup> Maizatulaidawati Md Husin dan Asmak Ab Rahman, "Do Muslims Intend to Participate In Islamic Insurance?: Analysis From Theory of Planned Behaviour" *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 7, no. 1 (2016), 42-58.

untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan sesuatu tingkah laku seperti keluarga, jiran tetangga, rakan-rakan dan seumpamanya.<sup>114</sup> Semakin penting dan kuat hubungan seseorang dengan individu yang lain, semakin mudah terpengaruh dan kuat kepercayaan individu tersebut dengannya. Dalam Teori Tingkah Laku Terancang ini, faktor sikap dan norma subjektif (dari aspek dalaman) merupakan faktor dalaman (*internal*) yang terhasil dan wujud dalam diri manusia.

Dalam psikologi sosial, sikap adalah komponen yang penting kerana ia mendasari tingkah laku manusia. Secara umumnya, terdapat tiga domain penting yang mempengaruhi pembentukan sikap iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Menurut Breckler, domain kognitif ialah cara manusia berfikir dan bagaimana untuk menginterpretasikan sesuatu rangsangan bagi membentuk sesuatu sikap. Aspek pengetahuan yang terkandung di dalam domain kognitif pula menjadi teras kepada pembentukan sikap, niat dan tingkah laku manusia. Kenyataan ini turut diperakui oleh Kaiser yang menjelaskan pengetahuan ialah teras kepada pembentukan sikap dan seterusnya tingkah laku manusia.<sup>115</sup> Di samping itu, domain afektif pula melibatkan perasaan atau emosi manusia tentang sesuatu perkara sama ada positif atau negatif, manakala psikomotor ialah niat atau kecenderungan untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku secara langsung selaras dengan sikap manusia. Pada fasa niat untuk bertingkah laku, domain afektif berperanan sehingga terhasilnya sesuatu tingkah laku.<sup>116</sup> Oleh itu, ketigatiga domain ini saling berkait rapat dan perlu berinteraksi sesama mereka.

Walau bagaimanapun, kedua-dua faktor sikap dan norma subjektif tersebut kadangkala tidak berupaya mendorong individu untuk bertingkah laku kerana tingkah

<sup>114</sup> Nadzirah Mohd Said dan Ram al Jaffri Saad, “Sikap, Norma Subjektif dan Kawalan Gelagat Ditanggap Terhadap Gelagat Pemberian Hibah” *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 1, no.1 (2016), 136-141.

<sup>115</sup> Kaiser, F.G., Wolfing, S., dan Fuhrer, U, “Environmental Attitude and Ecological Behaviour,” *Journal of Environmental Psychology* 19, no. 1 (1999), 1-19.

<sup>116</sup> Adibah Abd Latif et al., “Kesedaran Sosial dan Penglibatan Mahasiswa dalam Program Khidmat Masyarakat,” *Jurnal Pemikir Pendidikan* 7, (2016), 89-100.

laku individu kadangkala bergantung juga kepada faktor tanggapan terhadap kawalan tingkah laku. Faktor tanggapan terhadap kawalan tingkah laku ini ialah persepsi individu terhadap sesuatu perkara yang ingin dilakukan sama ada mudah ataupun sukar.<sup>117</sup> Selain itu, ia juga bermaksud kepercayaan individu terhadap kewujudan elemen-elemen atau faktor-faktor tertentu dalam menentukan tahap keyakinan dan motivasi untuk melakukan sesuatu perkara.<sup>118</sup> Keupayaan untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku tersebut pula bergantung kepada kebolehan, keupayaan, kemahiran, sumber dan peluang yang ada seperti masa, kewangan, kerjasama daripada orang lain dan sebagainya.<sup>119</sup> Oleh itu, ketiga-tiga faktor sikap, norma subjektif dan tanggapan terhadap kawalan tingkah laku tersebut didapati saling berkait seterusnya mampu mempengaruhi niat dan tingkah laku individu. Dalam konteks kajian ini, definisi yang dimaksudkan bagi sikap, norma subjektif dan tanggapan terhadap kawalan tingkah laku adalah seperti yang telah dinyatakan di dalam perbincangan di atas.

### **2.3.2 Teori Peribadi al-Ghāzalī**

Tingkah laku merupakan aspek yang signifikan dalam kehidupan manusia. Ia dikenal pasti mempunyai perkaitan yang rapat dengan aspek akhlak. Konsep akhlak yang dibincangkan dalam Islam amat luas yang mana ia melibatkan hubungan yang dinamik dengan Allah selaku pencipta, hubungan dengan manusia dan hubungan dengan alam. Namun, hubungan dengan Allah merupakan martabat yang tertinggi dan teragung yang perlu dijaga sebaiknya oleh manusia. Sementara itu, hubungan sesama manusia pula berkait rapat dengan muamalah dalam interaksi sehari-hari yang membabitkan hubungan

---

<sup>117</sup> Icek Azjen, “The Theory of Planned Behavior,” 1991.

<sup>118</sup> Noor Raudhiah Abu Bakar, Siti Hawa Radin Eksan dan Farah Shahwahid, “Penggunaan Teori Tingkah Laku Terancang dalam Pematuhan Halal dalam Kalangan Pengusaha Trak Makanan.” (Proceeding of The 6th International Seminar on Entrepreneurship and Business (ISEB 2018), Kota Bharu, Kelantan, 24 November 2018).

<sup>119</sup> Ravi A/L Nagarathanam, “Hubungan Sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Prasiswazah India di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi” (Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 2015), 54.

hati dan fizikal manusia seperti sifat tolak ansur, sabar, prihatin dan hormat-menghormati. Seterusnya hubungan dengan alam iaitu memelihara alam dengan baik dan tidak melakukan kerosakan terhadap alam kerana alam merupakan sebahagian daripada makhluk Allah di muka bumi.<sup>120</sup>

Di samping itu, akhlak juga disebut sebagai sikap. Sikap yang terpuji akan melahirkan tingkah laku yang mulia, manakala sikap yang tercela melahirkan tingkah laku yang keji. Dalam perspektif Islam, tingkah laku terhasil daripada interaksi antara roh dan anggota badan manusia. Tingkah laku dapat ditentukan oleh faktor dalam dan luar. Faktor luar ialah seperti keturunan dan pengaruh persekitaran sosial. Meneliti perbincangan tentang faktor luaran, Hasan Langgulung menjelaskan keturunan berkait rapat dengan aspek emosi dan kecerdasan yang diwarisi. Pengaruh persekitaran sosial pula meliputi proses pengajaran, pendidikan, latihan dan bimbingan sama ada di rumah, sekolah maupun dalam konteks yang lebih besar iaitu dalam kehidupan bermasyarakat.<sup>121</sup> Walau bagaimanapun, Abdul Halim El-Muhammady lebih memfokuskan aspek persekitaran sosial yang baik sebagai faktor penting dalam membantu proses pembentukan nilai akhlak yang mulia dalam diri manusia.<sup>122</sup>

Berhubung faktor keturunan, Islam amat menitikberatkan bab pemilihan pasangan hidup yang baik bagi menjamin kelangsungan generasi akan datang yang bertamadun dan berakhlik mulia. Hal ini ada dinyatakan di dalam sebuah hadis baginda Rasulullah SAW:

"تَنْكِحُ الْمَرْأَةُ لَأَرْبَعٍ: لِمَا هَا وَلِحَسَبِهَا وَلِحَمَالِهَا وَلِدِينِهَا، فَاظْفُرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبْتِ يَدَكَ"

Terjemahan: "Wanita dinikahi kerana empat perkara iaitu kerana agamanya, kecantikannya, hartanya dan kedudukannya. Maka hendaklah kamu memilih yang baik agamanya, nescaya kamu akan beruntung."<sup>123</sup>

<sup>120</sup> Yusof al-Qardawī, *Iman dan Kehidupan*, terj. Fachruddin HA (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2001).

<sup>121</sup> Hassan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 63-65.

<sup>122</sup> Abdul Halim el Muhammady, *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik* (Selangor: Dewan Pustaka Islam, 1991), 108-110.

<sup>123</sup> Hadis riwayat al-Dārimī, Kitāb al-Nikāh, Bāb Tunkāhu al-Mar‘ah ‘ala-Arba‘, no. Hadis 2076.

Daripada maksud hadis ini dapat difahami bahawa selain daripada kepentingan memelihara nasab keturunan yang baik, Islam amat menekankan soal pemilihan pasangan hidup yang beragama dan berakhhlak kerana anak-anak yang lahir akan mewarisi genetik daripada ibu bapa mereka. Jika baik peribadi dan tingkah laku ibu bapa, maka baik jugalah akhlak anak-anak mereka dan begitulah sebaliknya.

Di samping itu, al-Ghāzalī juga menitikberatkan faktor pengaruh persekitaran yang baik sebagai salah satu cara bagi membentuk akhlak yang terpuji dalam diri manusia. Sebagai contoh, bermuamalah dengan orang-orang yang soleh dapat mendekatkan diri dengan pencipta, didikan agama bermula sejak kecil mampu menanam perasaan cinta dan takut kepada Tuhan serta perkembangan teknologi yang pesat membangun akan mempengaruhi corak pemikiran dan perilaku manusia. Kenyataan ini turut disokong oleh Ibn Khaldūn bahawa persekitaran yang positif amat membantu pembentukan akhlak yang terpuji.<sup>124</sup> Sa‘īd Ḥawā ada menyebut tentang hakikat manusia itu dilahirkan dalam keadaan yang suci dan bersih daripada sebarang noda. Namun, apabila manusia mula berinteraksi dan terdedah dengan persekitaran yang bebas, ia boleh membawa kepada penyimpangan daripada fitrah manusawi.<sup>125</sup> Tambahan lagi, al-Quran turut mendorong manusia agar melakukan kebaikan dan menjauhi keburukan sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Māidah ayat 2:

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْإِيمَانِ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ  
الْعِقَابِ ٢

al-Māidah 5:2

Terjemahan: "...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan."

<sup>124</sup> Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf dan Fakhrul Adabi Abdul Kadir, "Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam, 2020.

<sup>125</sup> Sa‘īd Ḥawā, *Tarbiyatunā al-Rūhiyah* (Kāherah: Dar al-salām, 2009), 111.

Rasulullah SAW menegaskan bahawa persekitaran sosial yang baik sangat mempengaruhi pembentukan tingkah laku yang baik, begitu juga sebaliknya. Aspek persekitaran sosial ini juga dikenali sebagai norma subjektif seperti yang telah dibincangkan dalam Teori Tingkah Laku Terancang pada sub bab di atas. Sabda baginda Rasulullah SAW di dalam hadis berikut:

"مَثَلُ الْجَلِيلِ الصَّالِحِ وَالسَّوْءِ، كَعَامِلِ الْمِسْنَكِ وَنَافِخِ الْكَبِيرِ، فَعَامِلُ الْمِسْنَكِ: إِمَّا أَنْ يُجُذِّيَكَ، وَإِمَّا أَنْ تَبْتَغَ مِنْهُ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً، وَنَافِخُ الْكَبِيرِ: إِمَّا أَنْ يُخْرِقَ ثِيَابَكَ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ رِيحًا خَبِيثَةً."

Terjemahan: "Perumpamaan bersahabat dengan orang yang baik atau orang yang jahat itu seperti berkawan dengan seorang yang membawa wangian kasturi atau berkawan dengan seorang tukang besi. Pembawa wangian kasturi itu sama ada ia memberikannya kepadamu atau kamu membeli wangian tersebut darinya ataupun (paling tidak) kamu akan dapat menghidu wangian haruman tersebut. Manakala tukang besi pula sama ada ia membakar pakaian kamu atau kamu (hanya) akan mendapat bau yang busuk daripadanya."<sup>126</sup>

Al-Ghāzalī mengklasifikasikan penciptaan diri manusia kepada dua unsur utama iaitu unsur jasmani dan unsur rohani. Unsur jasmani ialah fizikal iaitu penciptaan anggota badan manusia yang berasal daripada tanah dan air, manakala unsur rohani pula menyentuh persoalan dalaman manusia seperti *al-rūh* (roh), *al-qalb* (hati), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal). Menurut al-Ghāzalī, pembentukan akhlak bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor luaran malah ia juga bermula daripada kesemua unsur rohani (dalaman) tersebut. Pembentukan akhlak manusia pula akan menghasilkan tingkah laku bergantung kepada sifat dalaman tersebut.<sup>127</sup> Akhlak yang baik dapat dibentuk apabila manusia mampu mengawal hawa nafsu (*al-nafs*) mereka sekali gus memanfaatkan fungsi akal dan hati dengan sebaiknya bagi mencapai tahap ketinggian akhlak. Sebaliknya, akhlak yang

<sup>126</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitab Perbuatan Baik, Bab Perumpamaan Teman Dekat Yang Baik, no. Hadis 2628.

<sup>127</sup> Noor Shakirah Mat Akhir dan Muhammad Azizan Sabjan, "Pembangunan Modal Insan dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus," *Journal of Human Capital Development* 7, no. 1 (2014), 33-47.

buruk pula terhasil apabila manusia gagal mengawal hati (*al-qalb*) mereka lalu menguasai hawa nafsu yang mendorong ke arah kemaksiatan.<sup>128</sup>

Menyentuh persoalan akhlak, terdapat pelbagai definisi dan tafsiran yang diberikan tentang akhlak. Secara umumnya, akhlak difahami sebagai personaliti, sahsiah, cerminan peribadi atau budi pekerti. Al-Ghāzalī dan Ibn Miskawayh pula bersepakat bahawa akhlak disifatkan sebagai keadaan jiwa yang mendorong manusia untuk bertingkah laku secara spontan tanpa memerlukan pertimbangan dan pemikiran sama ada ia diwarisi sejak lahir atau diperoleh melalui latihan atau pembiasaan.<sup>129</sup> Kemudian, akhlak ialah suatu sifat yang sudah sebatи dalam diri manusia. Di samping itu, akhlak juga didefinisikan sebagai tabiat atau perlakuan yang didorong oleh sifat semula jadi manusia yang terhasil daripada didikan, persekitaran dan kebiasaan.<sup>130</sup>

Menurut Ibn Hazm, kaedah memperbaiki akhlak yang tercela ialah dengan berusaha melakukan perkara yang terpuji sehingga ia menjadi suatu kebiasaan dalam kehidupan.<sup>131</sup> Islam menyarankan agar tingkah laku yang baik perlu diulang-ulang sehingga kita berasa nikmat untuk terus melakukannya dan menjadi kebiasaan dalam diri. Lazimnya, pendekatan pembiasaan ini boleh dilaksanakan dengan beberapa kaedah seperti menanam perasaan benci terhadap kebiasaan yang tidak baik, menyesali diri kerana menangguhkan amalan kebaikan serta menjauhi diri daripada perkara maksiat dan bertaubat.<sup>132</sup> Di samping itu, pembiasaan juga menjadi suatu proses latihan ke arah pembentukan akhlak yang lebih cemerlang. Ia sejahtera dengan saranan Islam bahawa seseorang yang sedang berusaha memperelokkan akhlak harus melakukan aktiviti

<sup>128</sup> Al-Ghāzalī, Abu Hamid Muhammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*: 6 Jilid (Damsyik: Dār al-Khayr, 1994).

<sup>129</sup> Miskawayh, Ahmad Ibn Muhammad, *Tadhib al-Akhlaq* (Beirut: Dār Maktabah al-Hayāh, 1961).

<sup>130</sup> Noor Hafizah Mohd Haridi, "Program Agama di Institusi Pemuliharan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanannya," 2016, 198.

<sup>131</sup> Ibn Hazm, *al-Akhlaq wa al-Siyār fi Mudāwāt al-Nufūs* (Beirut: Dār al-Afāq al-Jadīdah, 1978), 80.

<sup>132</sup> Al-Za'bālāwī, Muhammad Sayyid Muhammad, *Tarbiyat al-Murāhīq Bayna al-Islām wa 'Ilm al-Nafs* (Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah wa al-Nashr wa al-Tawzi', 1994), 351-354.

pembiasaan berulang kali. Oleh itu, latihan dan pembiasaan terhadap perkara yang terpuji hendaklah digalakkan dan diberi penekanan secara berterusan.

Dalam perbincangan tentang akhlak, al-Ghāzalī menjelaskan bahawa terdapat dua jenis iaitu akhlak yang terpuji dan akhlak yang tercela. Di dalam al-Quran, terdapat ayat-ayat yang membicarakan berkenaan akhlak. Antaranya seperti firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنْفَقُواٰ فِي سَبِيلِ اللّٰهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيهِكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللّٰهَ يُحِبُّ  
الْمُحْسِنِينَ " ١٩٥

al-Baqarah 2:195

Terjemahan: “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha) dan perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

Al-Ghāzalī merupakan antara tokoh ilmuwan dan falsafah yang membahaskan secara mendalam tentang penciptaan diri manusia di dalam kitabnya *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Tambahan lagi, idea beliau berkenaan konsep akhlak dan pendidikan akhlak manusia sering dirujuk oleh ahli-ahli sarjana Islam yang lain. Malah menurutnya, metodologi pendidikan dan pembentukan akhlak hendaklah bersifat teoritikal dan praktikal. Selain itu, perbahasan al-Ghāzalī tentang penciptaan diri manusia telah banyak diguna pakai dan menjadi rujukan oleh kebanyakan penyelidik yang menjalankan kajian berkaitan dengan pembentukan akhlak dan tingkah laku diri manusia.<sup>133</sup>

Merujuk kepada perbincangan tentang unsur rohani manusia, secara umumnya unsur-unsur tersebut mempunyai dua definisi yang berbeza iaitu definisi secara zahir (fizikal) dan definisi secara batin (rohani). Meneliti makna secara zahir, roh bermaksud

<sup>133</sup> Siti Jamiaah Abdul Jalil, “Pengaruh Program Keagamaan dan Sokongan Sosial Terhadap Konsep Kendiri, Kebimbangan dan Kemurungan: Kajian dalam Kalangan Banduan Wanita di Malaysia” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017), 68.

nyawa manusia iaitu suatu jisim halus yang tersebar ke seluruh anggota badan dengan perantaraan urat-urat dan otot. Secara batinnya pula, al-Ghāzalī mendefinisikan roh sebagai *al-laṭīfah al-‘alīmah al-mudrikah* yang wujud dalam diri manusia. Ia merupakan salah satu makna *al-qalb* yang mengetahui dan merasai. Roh sebagai suatu entiti bawah sedar yang berhubung dengan pancaindera lalu mempengaruhi perasaan dan emosi individu.<sup>134</sup> Roh ialah urusan tuhan yang melangkaui had akal fikiran manusia untuk memahami tentang hakikatnya. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Isra' ayat 85:

"وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ فَلِلرُّوحِ مِنْ أَمْرِ رَبِّيِّ وَمَا أُوتِينُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا" ٨٥

al-Isra 17:85

Terjemahan: "Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan, Roh itu dari perkara urusan Tuahanku dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja."

Seterusnya, *al-nafs* seperti yang ditafsirkan oleh al-Ghāzalī membawa dua makna iaitu yang pertama hakikat diri dan zat diri manusia itu sendiri, manakala pengertian kedua bermaksud segala sifat marah dan hawa nafsu yang wujud dalam diri manusia. Walau bagaimanapun, secara amnya jiwa (*al-nafs*) boleh difahami sebagai jirim halus (*jawhar al-fird*) yang bergerak memberi kekuatan kepada kehidupan, perasaan dan kehendak pada diri manusia. Jiwa di sini merangkumi roh dan hati serta segala yang ada pada diri manusia. Al-Ghāzalī membahagikan nafsu kepada tiga peringkat iaitu *al-nafs al-mutmainnah*, *al-nafs al-ammarah bissu'* dan *al-nafs al-lawwamah*. *Al-nafs al-mutmainnah* merupakan peringkat nafsu yang tertinggi iaitu nafsu yang sentiasa mendorong ke arah kebaikan. *Al-nafs al-lawwamah* pula ialah nafsu di peringkat pertengahan yang sentiasa berkonflik sama ada ingin membuat kebaikan atau keburukan.

<sup>134</sup> Nor Nazimi Mohd Mustaffa, Aminuddin Basir dan Jaffary Awang, "Faktor Dalaman dalam Pembentukan Tingkah Laku Beragama Menurut al-Ghāzalī dan Sigmund Freud," *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4, no. 2 (2017), 98-105.

Namun begitu, *al-nafs al-lawwamah* ini akan berasa menyesal setiap kali melakukan kesilapan. Kemudian, peringkat nafsu yang paling rendah dan tercela ialah *al-nafs al-ammarah bissu'*. Nafsu ini mestilah diperangi dengan iman dan amal kerana ia akan mendorong kepada sifat-sifat yang keji seperti dendam dan takbur.

Selain itu, *al-qalb* pula disebut sebagai *laṭīfah rabbāniyah rūhāniyyah* yang mempunyai kebergantungan kepada akal. *Laṭīfah* merupakan hakikat manusia yang mampu mengetahui dengan kefahaman yang maknawi.<sup>135</sup> *Al-qalb* pula berupaya mencerap sesuatu yang bersifat maknawi menerusi mata hati (*baṣīrah*). Dari segi fizikal, ia adalah seketul daging yang terletak di sebelah kiri dada manusia. Dari sudut sains pula, hati ialah satu organ yang amat signifikan berperanan mengumpulkan dan menyebarkan darah ke seluruh badan manusia agar terus bernyawa. Kemudian, *al-aql* pula bermaksud pengetahuan, kefahaman dan penaakulan terhadap hakikat sesuatu perkara yang berada di dalam hati. Akal manusia berhubung terus dengan hati untuk menyeimbangkan antara perbuatan, ilmu dan pemikiran dan<sup>136</sup> Al-Ghāzalī mentakrifkan akal sebagai pengetahuan yang diperoleh manusia melalui pengalaman lalu dan apa yang telah dialaminya. Selain itu, akal turut dikenali sebagai *qalb* jasmani yang terletak di dalam dada.<sup>137</sup>

### 2.3.3 Model KAP

Model KAP ialah singkatan kepada “*Knowledge-Attitude-Practice/Behaviour.*” Model KAP ini telah diperkenalkan oleh ahli sarjana barat iaitu Ramsey & Rickson sekitar tahun 1960-an. Namun hakikatnya, proses model KAP ini berasal daripada Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura dan Teori Difusi Inovasi oleh Carls Roger.<sup>138</sup> Pengubahsuaian model

<sup>135</sup> Che Zarrina Sa’ari dan Nor Azlinah Zaini, “Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah al-Nafs oleh Syeikh Abdul Qadir al-Mandili dalam Kitab Penawar Bagi Hati,” *Jurnal Afkar* 18, (2016), 35-72.

<sup>136</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978).

<sup>137</sup> Al-Ghāzalī, Abu Hamid Muhammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn: 6 Jilid* (Damsyik: Dār al-Khayr, 1994).

<sup>138</sup> Xuewei Liao, Thi Phuoc Lai Nguyen dan Nophea Sasaki, “Use of the Knowledge, Attitude and Practice (KAP) Model to Examine Sustainable Agriculture in Thailand,” *Journal of Regional Sustainability* 3, (2022), 41-52.

ini telah dibuat oleh pengkaji terdahulu yang menekankan pengetahuan sebagai pemboleh ubah kepada sikap dan tingkah laku.<sup>139</sup>

Berdasarkan model KAP dalam rajah 2.3 di bawah, terdapat tiga elemen yang menjadi asas utama kepada pembentukan model KAP iaitu pengetahuan, sikap dan amalan/tingkah laku. Walau bagaimanapun, kewujudan pengetahuan menjadi teras kepada pembentukan sikap, niat dan perubahan tingkah laku manusia kerana tanpa pengetahuan, manusia tidak mampu bertindak balas terhadap sesuatu perkara yang berlaku. Lazimnya, manusia bertindak berdasarkan kepada sikap yang terbina daripada pengetahuannya.<sup>140</sup> Malah, pengetahuan sangat berkaitan dengan justifikasi tanggungjawab bagi menentukan tanggungjawab seseorang.<sup>141</sup> Dari perspektif Islam, pengetahuan sememangnya berkait rapat dengan akal kerana pengetahuan mampu diperoleh melalui bantuan akal. Akal berperanan menilai perkara yang baik dan buruk. Menerusi akal juga, manusia dapat mencerap pengetahuan dan kefahaman terhadap hakikat sesuatu perkara dengan baik.

Pengetahuan dari segi bahasa mempunyai makna yang sama dengan ilmu iaitu (1) pengetahuan dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain (2) kajian tentang sesuatu perkara serta (3) sampainya diri kepada makna dan tibanya makna dalam diri manusia (dalam konteks agama Islam).<sup>142</sup> Menurut Fiesbein dan Ajzen, pengetahuan turut difahami sebagai faktor kognitif yang membina blok-blok dalam struktur pemikiran manusia.<sup>143</sup> Pertambahan pengetahuan boleh mempengaruhi perubahan sikap individu. Seterusnya perubahan sikap pula boleh mendorong kepada perubahan amalan atau

---

<sup>139</sup> Flamm, B.J, “Environmental Knowledge, Environmental Attitude and Vehicle Ownership and Use” (Tesis Kedoktoran, Graduate Division, University of California, Berkeley, 2006).

<sup>140</sup> Nor Kalsum Mohd Isa, “Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Pelajar UPSI Terhadap Prinsip-Prinsip Kampus Lestari,” *Jurnal Perspektif*8, no.1 (2016), 29-41.

<sup>141</sup> Muhammad Atiullah Othman dan Indriaty Ismail, “Pengetahuan Sebagai Elemen Tanggungjawab Manusia Menurut Perspektif Islam,” *Jurnal Islamiyyat* 38, no.1 (2016), 65-70.

<sup>142</sup> Kamus Dewan Online, ed. ke-4, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pengetahuan>.

<sup>143</sup> Fishbein, M. & Ajzen, I, “Belief, Attitude, Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research (New York: Addison-Wesley Publishing Company, 1975).

tingkah laku individu. Lazimnya, pengetahuan dapat diperolehi dan ditingkatkan melalui proses pembelajaran, pengalaman dan pendedahan terhadap maklumat baru. Sebagai contoh, pengetahuan tentang program pemulihan pesalah seks remaja boleh didapati melalui individu di sekeliling seperti ibu bapa, rakan sebaya dan jiran-jiran. Selain itu, pengetahuan juga boleh ditingkatkan melalui penerokaan media massa seperti internet, surat khabar, radio dan televisyen. Ringkasnya, pembentukan tingkah laku manusia amat berkait rapat dengan aspek pengetahuan, sikap dan peranan akal sepertimana yang telah dibincangkan dalam model KAP ini, Teori Tingkah Laku Terancang serta Teori Peribadi al-Ghāzalī pada rajah subtopik 2.3.1 dan 2.3.2 sebelum ini.

Rajah 2.3: Model KAP (Knowledge-Attitude-Practice)



Sumber: Ramsey dan Rickson, 1976


#### 2.3.4 Teori Ekologi Sosial

Teori Ekologi Sosial ialah suatu teori yang dipelopori oleh seorang ahli psikologi terkenal di Rusia iaitu Urie Bronfenbrenner yang telah dilahirkan pada 29 April 1917 di Moscow, Rusia. Beliau merupakan anak kepada seorang ahli Neuropatologi iaitu Dr Alexander Bronfenbrenner dan pasangannya Eugenie Kamenetski. Di peringkat universiti, Urie Bronfenbrenner telah berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Psikologi dan Muzik dari University of Cornell di Ithaca, New York. Kemudian, beliau telah meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dalam Pendidikan di University of Harvard pada tahun 1940 dan seterusnya Ijazah Kedoktoran di dalam pengkhususan Psikologi di University of Michigan pada tahun 1942. Urie Bronfenbrenner telah menulis lebih 300 kertas penyelidikan dan 14 buah buku sekaligus melayakkan beliau mencapai

gelaran Profesor Emeritus Pembangunan Manusia Jacob Gould Schurman di University of Cornell. Beliau telah berkahwin dengan Liese Price dan dikurniakan enam orang cahaya mata. Beliau meninggal di Ithaca, New York pada 25 September 2005 ketika berusia 88 tahun kerana komplikasi kencing manis.<sup>144</sup>

Merujuk kepada Teori Ekologi Sosial, teori ini memfokuskan elemen persekitaran sebagai elemen yang mempengaruhi proses perkembangan hidup manusia. Berdasarkan Teori Ekologi Sosial, terdapat lima sistem yang berperanan dalam mempengaruhi proses perkembangan sosial dan emosi manusia iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Kelima-lima sistem tersebut boleh dilihat seperti dalam rajah 2.4 di bawah:

Rajah 2.4: Teori Ekologi Sosial



Sumber: Urie Bronfenbrenner, 1989

<sup>144</sup> Wikipedia, “Urie Bronfenbrenner,” laman sesawang Wikipedia The Free Encyclopedia, dicapai 21 Disember 2022, [https://en.wikipedia.org/wiki/Urie\\_Bronfenbrenner](https://en.wikipedia.org/wiki/Urie_Bronfenbrenner).

Berdasarkan teori ini, mikrosistem merupakan pengaruh yang paling utama dan dominan dalam kehidupan manusia. Ia melibatkan persekitaran yang paling dekat dengan manusia seperti interaksi dengan keluarga, rakan sebaya, guru-guru di sekolah, jiran tetangga dan anggota masyarakat. Mikrosistem ini sama seperti faktor norma subjektif yang telah dibincangkan dalam Teori Tingkah Laku Terancang iaitu sokongan sosial seperti ibu bapa, rakan-rakan dan seumpamanya mampu mempengaruhi proses pembentukan tingkah laku remaja. Kemudian, mesosistem ialah perhubungan dan proses interaksi yang wujud antara beberapa sistem sosial terbabit. Dengan kata lain, segala perkara yang terjadi dalam satu mikrosistem boleh mempengaruhi interaksi dengan mikrosistem yang lain. Sebagai contoh, sesuatu kejadian yang berlaku di rumah akan mempengaruhi juga situasi yang berlaku di sekolah dan sebaliknya.

Seterusnya, eksosistem pula ialah pengalaman dengan persekitaran yang tidak membabitkan individu tersebut secara langsung tetapi keputusan yang dibuat dalam persekitaran tersebut memberi impak kepada individu lain yang terlibat dengan individu tersebut. Ini bermaksud, pengalaman yang dilalui oleh individu terbabit akan turut mempengaruhi orang di sekelilingnya seperti nilai agama, sistem ekonomi, politik dan pendidikan. Di samping itu, makrosistem merujuk kepada perkembangan individu yang dipengaruhi oleh undang-undang dan peraturan, norma budaya, nilai dan amalan masyarakat setempat. Akhir sekali, kronosistem ialah perubahan perkembangan dalam suatu tempoh masa dan transisi sepanjang kehidupan. Misalnya, masyarakat pada masa kini dide dahakan dengan teknologi yang canggih seperti gajet dan internet selaras dengan arus pembangunan negara bagi mendapatkan info terkini tentang sesuatu perkara. Justeru, pembangunan sesebuah negara jelas memberikan kesan yang besar kepada perkembangan masyarakat dari pelbagai aspek termasuklah sosial dan budaya.<sup>145</sup>

---


<sup>145</sup> Unik Hanifah Salsabila, "Teori Ekologi Bronfenbrenner Sebagai Sebuah Pendekatan dalam Pengembangan Kurikulum Pendidikan Agama Islam," *Jurnal Komunikasi dan Pendidikan Islam* 7, no. 1 (Jun 2018), 139-158.

## **2.4 Model Pembentukan Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja**

### **Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja**

Setelah melakukan sorotan literatur dan perbincangan teori, maka Teori Tingkah Laku, Teori Peribadi al-Ghāzalī, Model KAP dan Teori Ekologi Sosial telah dipilih dan digunakan bagi tujuan kajian ini. Gabungan keempat-empat teori ini telah membina satu kerangka model bagi mengkaji pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Rajah 2.5 di bawah menunjukkan kerangka model bagi kajian ini:

Rajah 2.5: Model Pembentukan Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja



Sumber: Rujukan daripada Teori Tingkah Laku Terancang, Teori Peribadi al-Ghāzalī, Model KAP dan Teori Ekologi Sosial

Berdasarkan model dalam rajah 2.5 di atas, aspek pengetahuan yang terdapat di dalam model KAP merupakan teras kepada pembentukan tingkah laku masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Pengetahuan, sikap dan tingkah laku dikenal pasti mempunyai hubungan dan interaksi antara satu sama lain. Di samping itu, pengetahuan juga dikenal pasti sebagai salah satu daripada elemen tanggungjawab. Malah, pengetahuan mempunyai hubungan yang relatif dan signifikan dengan tanggungjawab. Dengan kata lain, kewujudan pengetahuan menunjukkan

kewujudan tanggungjawab, tanpa pengetahuan maka tiada tanggungjawab. Syariat Islam menetapkan tanggungjawab perlu datang bersama dengan pengetahuan yang jelas. Pendek kata, masyarakat Muslim akan gugur tanggungjawab sekiranya jahil atau tiada pengetahuan tentang program pemulihan akhlak dengan syarat tanpa kelalaian. Bahkan, kesedaran akal yang sempurna juga diperlukan bersama pengetahuan bagi menjustifikasikannya sama ada benar atau salah, baik atau buruk.<sup>146</sup>

Pada fasa pembentukan pengetahuan, keempat-empat unsur rohani iaitu *al-'aql* (akal), *al-qalb* (hati), *al-nafs* (jiwa) dan *al-rūh* (roh) saling berkait dan berperanan menjalankan fungsi masing-masing. Aspek pengetahuan sememangnya berkait rapat dengan akal. Hakikat akal ialah berusaha memperoleh pengetahuan sama ada secara semula jadi ataupun diusahakan. Lazimnya, akal dikaitkan dengan rasionaliti sebagai sumber pengetahuan. Dari perspektif Islam, akal tidak dilihat dari sudut zahir sahaja seperti mana Barat mengiktiraf ia, malah Islam juga melihat akal dari sudut batin. Menurut al-Jurjānī di dalam kitabnya *al-Ta 'rīfāt*, akal merupakan jiwa yang berhubungan dengan badan manusia. Akal juga ditakrifkan sebagai suatu sifat daripada ciri-ciri hati. Kewujudan akal akan menyebabkan hati mampu memahami dan mengetahui sesuatu yang dapat difikir dan dikesan oleh pancaindera.<sup>147</sup>

Akal digunakan untuk membezakan perkara yang benar dan salah. Dengan akal, masyarakat Muslim berupaya menilai kekurangan, keburukan serta kelebihan dan kebaikan yang terdapat di dalam program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Di samping itu, hati pula dikenal pasti mempunyai kebergantungan kepada akal. Hati berperanan sebagai pengimbang kepada fungsi akal. Menerusi akal, masyarakat dapat mencerap pengetahuan dan kefahaman terhadap hakikat program pemulihan akhlak sama

---

<sup>146</sup> Muhammad Atiullah Othman dan Indriaty Ismail, "Pengetahuan Sebagai Elemen Tanggungjawab Manusia Menurut Perspektif Islam," 2016.

<sup>147</sup> Shahir Akram Hassan, "Kedudukan Wahyu dan Akal dalam Penghujahan Berdasarkan Ilmu Mantik," *Sains Humanika* 9, no. 4 (2017), 19-25.

ada baik atau sebaliknya.<sup>148</sup> Islam menegaskan bahawa akal memerlukan cahaya rohani daripada hati bagi memanfaatkan fungsinya dengan betul. Tanpa cahaya rohani tersebut, manusia tidak akan mampu melihat kebenaran.<sup>149</sup> Selain itu, dalam usaha mengawal hawa nafsu, akal juga berperanan penting dalam mengawal tingkah laku masyarakat Muslim sama ada terdorong ke arah kebaikan atau keburukan.

Dalam konteks kajian ini, apabila rasional akal memandu hati masyarakat dengan menilai program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja adalah bermanfaat serta berpotensi memulihkan fizikal dan spiritual pesalah, maka ia akan mendorong kepada perkara kebaikan. Kemudian lahirlah *al-nafs al-mutmainnah* yang seterusnya akan mendorong masyarakat bertingkah laku yang baik terhadap program pemulihan akhlak. Namun, apabila nafsu memandu hati lalu menolak rasional akal masyarakat dengan menilai program pemulihan akhlak tersebut tidak bermanfaat dan pesalah seks remaja tidak mampu dipulihkan melalui program ini, maka ia akan mendorong kepada perkara keburukan. Kemudian lahirlah *al-nafs al-ammārah bi al-sū'* yang seterusnya akan mendorong masyarakat bertingkah laku negatif terhadap program pemulihan akhlak. Oleh sebab itu, sekiranya nafsu menguasai hati, akal perlu berperanan mengawal hati manusia agar tidak melakukan perkara yang dilarang oleh agama.<sup>150</sup> Hal yang demikian kerana hati merupakan raja dan pusat segala tingkah laku manusia terbentuk. Maka, tingkah laku masyarakat sama ada baik atau buruk, ia bergantung kepada bagaimana keadaan hati mereka.<sup>151</sup> Perkara ini jelas disebut dalam hadis Nabi Muhammad SAW:

<sup>148</sup> Zulfahmi Syamsuddin dan Wan Hasmah Wan Mamat, "Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak al-Ghāzalī dan Ibn Miskawayh dalam Aspek Intelek," *The Online Journal of Islamic Education* 2, no. 2 (Julai 2014), 107-119.

<sup>149</sup> Shahir Akram Hassan, "Kedudukan Wahyu dan Akal dalam Penghujahan Berdasarkan Ilmu Mantik," 2017.

<sup>150</sup> Al-Ghāzalī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Dār al-Fajr, Kuala Lumpur, 2012).

<sup>151</sup> Siti Jamiaah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff dan Rozmi Ismail, "Pembinaan Konsep Kendiri dari Perspektif Barat dan Islam," *Jurnal Usuluddin* 45, no. 1 (2017), 1-26.

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنْ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقُدِّمَ اسْتِبْرَأً لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحَمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَّيًّا أَلَا وَإِنَّ حِمَّيَ اللَّهِ مَحَارِمٌ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْفَلْبُ".

Terjemahan: Daripada Abi Abdillah An Nu'man bin Basyir berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya yang halal itu sudah jelas dan yang haram itu juga sudah jelas. Namun di antara keduanya ada perkara syubhat (samar) yang tidak diketahui oleh banyak orang. Maka barangsiapa yang menjauhi diri dari yang syubhat itu bererti dia telah memelihara agamanya dan kehormatannya. Dan barangsiapa yang sampai jatuh (mengerjakan) pada perkara-perkara syubhat itu, sungguh dia seperti seorang pengembala yang mengembalakan ternakannya di pinggir jurang yang dibimbangi akan jatuh ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja memiliki batasan. Dan ketahuilah bahawa batasan larangan Allah di bumi-Nya adalah apa-apa yang diharamkan-Nya. Dan ketahuilah pada setiap tubuh ada segumpal darah yang apabila ia baik maka baiklah seluruh tubuh tersebut dan jika rosak maka rosaklah seluruh tubuh tersebut. Ketahuilah, bahawa ia adalah hati."<sup>152</sup>

Seterusnya, bagi mempengaruhi pembentukan tanggapan terhadap kawalan tingkah laku dan sikap dalam kalangan masyarakat Muslim, pengetahuan yang diperoleh perlu disokong oleh aspek norma subjektif dan persekitaran. Sebagaimana Teori Tingkah Laku Terancang, Model KAP dan Teori Ekologi Sosial ada membincangkan tentang kedua-dua faktor tersebut, dari sudut pandang Islam juga ada membahaskannya. Apabila masyarakat mempunyai pengetahuan yang baik tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja, kemudian sokongan sosial di sekeliling mereka seperti ahli keluarga memberikan galakan dan pandangan yang baik tentang program pemulihan akhlak tersebut, dikukuhkan lagi dengan prinsip agama Islam yang menitikberatkan proses penyucian hati dan pemurnian akhlak dalam diri individu Muslim, maka perkara tersebut akan

<sup>152</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab Iman, Bab Keutamaan Orang Yang Memelihara Agamanya, no. Hadis 50.

mempengaruhi pembentukan tanggapan dan sikap yang positif terhadap program pemulihan akhlak. Sebaliknya, jika masyarakat kurang pengetahuan tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja, kemudian individu di sekeliling mereka pula tidak memberikan sokongan dan menyatakan pandangan yang buruk tentang program pemulihan akhlak, maka perkara tersebut akan mempengaruhi pembentukan tanggapan dan sikap yang negatif terhadap program pemulihan akhlak tersebut.

Apabila wujudnya sikap yang positif terhadap program pemulihan akhlak serta kepercayaan bahawa program pemulihan akhlak tersebut berupaya memulihkan fizikal dan spiritual pesalah, maka dengan dorongan niat di dalam hati akan menguatkan lagi tindakan masyarakat Muslim untuk menghantar pesalah seks remaja mengikuti program pemulihan akhlak terbabit. Malah, masyarakat juga dapat memberikan kerjasama yang baik kepada pihak bertanggungjawab dalam menjalankan amanah mereka terhadap usaha pemulihan akhlak pesalah seks remaja. Walau bagaimanapun, sekiranya masyarakat menilai program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja adalah tidak bermanfaat serta mereka percaya bahawa program pemulihan akhlak tersebut akan menggalakkan lagi kes salah laku seksual dalam kalangan remaja, maka hal tersebut akan mengurangkan niat mereka untuk menghantar pesalah seks remaja mengikuti program pemulihan akhlak. Sebaliknya, terdapat segelintir masyarakat Muslim yang mendapatkan perkhidmatan bomoh atau rawatan alternatif seperti rukyah bagi tujuan pemulihan akhlak.

## **2.5 Kesimpulan**

Konklusinya, pembentukan tingkah laku manusia didorong oleh faktor luar dan dalam yang saling berperanan antara satu sama lain. Model dalam rajah 2.5 di atas menunjukkan terdapat hubungan antara pengetahuan, sikap dan tingkah laku. Pengetahuan yang wujud dalam diri manusia dipengaruhi oleh faktor norma subjektif dan persekitaran akan mempengaruhi pembinaan sikap serta tanggapan terhadap kawalan tingkah laku individu. Seterusnya, menerusi niat yang tertanam di dalam hati akan menguatkan lagi sesuatu

tingkah laku itu berlaku. Pada fasa pembentukan pengetahuan, norma subjektif, sikap, tanggapan terhadap kawalan tingkah laku dan niat, empat elemen spiritual dalam diri manusia iaitu *al-rūh* (roh), *al-qalb* (hati), *al-nafs* (jiwa) dan *al-‘aql* (akal) saling bekerjasama menjalankan fungsi masing-masing. Walaupun Teori Tingkah Laku Terancang, Model KAP dan Teori Ekologi Sosial sesuai dan tidak bercanggah dengan Teori Peribadi al-Ghāzalī, namun Islam sangat menekankan unsur-unsur spiritual sebagai faktor yang dominan dalam mempengaruhi pembentukan tingkah laku manusia. Tambahan lagi, Islam menekankan matlamat akhir yang ingin dicapai dalam kehidupan manusia adalah untuk menggapai keselamatan hidup di dunia dan akhirat serta memperoleh keredaan Allah SWT semata-mata.

## BAB 3: METODOLOGI

### 3.1 Pengenalan

Dalam bab ini menghuraikan metodologi kajian secara terperinci yang terdiri daripada reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian yang digunakan, prosedur pembentukan borang soal selidik, penilaian kesahan borang soal selidik, kebolehpercayaan instrumen, kajian rintis, kaedah pengumpulan data, kaedah analisis data dan akhirnya kesimpulan.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pakai kaedah kuantitatif penuh yang berbentuk kajian tinjauan secara atas talian. Reka bentuk kajian ini dimulakan dengan kajian kepustakaan iaitu menganalisis bahan-bahan rujukan yang berkaitan melalui pembacaan buku, artikel, jurnal dan seumpamanya. Metode kepustakaan ini digunakan bagi mencari dan menganalisis kajian literatur berkenaan pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Selain itu, kajian-kajian lepas juga digunakan sebagai rujukan bagi mengenal pasti program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia serta teori-teori berkaitan pengetahuan, sikap dan tingkah laku manusia. Kemudian, kaedah tinjauan secara atas talian (*online survey*) dilakukan bagi mencapai keempat-empat objektif kajian ini.

Kajian tinjauan ialah salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang sering diguna pakai dalam surat khabar dan televisyen untuk mendapatkan pendapat masyarakat tentang isu-isu semasa.<sup>153</sup> Dalam kajian ini, kajian tinjauan yang dilakukan hanya melibatkan soal selidik sahaja. Soal selidik ialah alat yang menjadi kebiasaan diguna pakai dalam kajian tinjauan. Soalan soal selidik tersebut perlu melalui proses ujian kesahan dan keboleh percayaan oleh panel pakar terlebih dahulu sebelum diedarkan

---


<sup>153</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*, 107.

kepada responden. Borang soal selidik kajian ini diberikan kepada sejumlah 416 orang sampel kajian secara atas talian melalui platform *email*, *whatsapp*, *telegram* dan *facebook*. Menurut Wiersma, kajian tinjauan merupakan antara kaedah yang baik bagi menilai sikap, tanggapan dan pencapaian responden kajian.<sup>154</sup> Secara umumnya, reka bentuk kajian ini dapat dipersembahkan melalui rajah 3.1 seperti berikut:

---

<sup>154</sup> Wiersma. W, *Research Methods in Educational: An Introduction (6th edition)*, 1995.

Rajah 3.1 Reka Bentuk Kajian



### **3.3 Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi ialah jumlah keseluruhan sesuatu kelompok yang terdiri daripada manusia, objek atau peristiwa yang memiliki perserupaan secara umum dan mempunyai definisi yang spesifik.<sup>155</sup> Ia melibatkan jumlah yang sangat besar dan kesemua jumlah populasi itu tidak mampu digunakan untuk menjalankan kajian. Maka bagi tujuan memudahkan pelaksanaan kajian, pemilihan sampel perlu dilakukan daripada jumlah populasi tersebut. Sampel pula ialah sebahagian elemen daripada kelompok populasi tidak kira sama ada ia mewakili populasi tersebut ataupun tidak.<sup>156</sup> Walau bagaimanapun, pemilihan sampel bagi kajian ini menghadapi masalah kerana tidak menemui data terkini yang lengkap dan terperinci daripada Jabatan Perangkaan Malaysia berkenaan populasi penduduk Muslim yang berusia 18 tahun ke atas di Selangor. Data yang ditemui hanyalah jumlah penduduk Muslim di Selangor secara keseluruhannya berdasarkan kepada data bancian penduduk terkini pada tahun 2010 iaitu seramai 2,905,943.<sup>157</sup>

Tambahan lagi, disebabkan oleh wabak pandemik Covid-19 yang begitu serius, data kajian ini tidak dapat dikumpulkan secara fizikal dan bersemuka sehingga menyebabkan jumlah responden dan lokasi kajian yang dicari agak terhad. Kekangan tersebut juga telah menyebabkan borang soal selidik diedarkan dan dikumpulkan secara atas talian sahaja melalui platform seperti *email*, *whatsapp*, *telegram* dan *facebook*. Oleh sebab itu, persampelan bukan kebarangkalian iaitu Teknik Persampelan Mudah (*Convenience Sampling*) telah digunakan bagi kajian ini. Pemilihan sampel melibatkan seramai 416 orang responden meliputi kesemua sembilan daerah di negeri Selangor. Hal ini dijelaskan lagi secara terperinci dalam rajah 3.2 di bawah:


---

<sup>155</sup> Azizi Yahaya, *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, 2006), 69.

<sup>156</sup> Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik* (Bangi: MPWS Rich Resources, 2014), 136.

<sup>157</sup> Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010 (Pdf, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), <https://www.mycensus.gov.my/index.php/census-product/publication/census-2010/659-population-distribution-and-basic-demographic-characteristics-2010>.

Rajah 3.2 Penentuan Pemilihan Sampel Kajian



### **3.4 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang diguna pakai ialah soal selidik. Soal selidik merupakan alat kajian yang diguna pakai untuk mendapatkan data secara langsung daripada responden tentang sesuatu isu yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.<sup>158</sup> Tambahan lagi, soal selidik ialah alat pengukuran yang paling ideal dan praktikal dalam kajian tinjauan kuantitatif lebih-lebih lagi yang melibatkan jumlah populasi yang besar.<sup>159</sup> Dalam proses menyediakan soalan soal selidik, beberapa proses perlu dilaksanakan bagi memastikan ia berjalan dengan lancar. Proses tersebut ialah melakukan sorotan literatur, merangka soal selidik dan membuat penilaian kesahan oleh panel pakar terhadap soal selidik berkenaan. Dalam kajian ini, borang soal selidik telah diagihkan kepada 430 orang responden, namun hanya 416 orang sampel kajian sahaja yang telah dipilih dan data yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif dan inferensi.

#### **3.4.1 Prosedur Pembentukan Borang Soal Selidik**

Asas pembentukan borang soal selidik dibina berdasarkan kepada beberapa kajian pengetahuan, sikap dan tingkah laku yang telah dibina oleh pengkaji terdahulu. Hasil penelitian daripada beberapa kajian lepas, terdapat beberapa contoh soal selidik telah dipilih sebagai panduan untuk membina borang soal selidik kajian ini. Antara kajian-kajian lepas yang dipilih untuk dijadikan panduan dalam pembinaan borang soal selidik ialah:

1. Noor Hafizah Binti Mohd Haridi, “Program Agama di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian Dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanan” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016).

---

<sup>158</sup> Rohana Yusof, *Penyelidikan Sains Sosial* (Bentong: PTS Publication & Distributor Sdn Bhd, 2003), 132.

<sup>159</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd, 2013), 202.

2. Mohd. Amim Bin Othman, “Kajian Faktor-Faktor Literasi, Sosialisasi dan Tingkah Laku Pengguna Terhadap Perancangan Kewangan Islam Berdasarkan Teori Tingkah Laku Yang Terancang dalam Kalangan Kakitangan Awam di Wilayah Persekutuan, Putrajaya” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017).
3. Rozilah Binti Hamdan, “Kecenderungan Penggunaan Makanan Fungsian Sunnah dalam Kalangan Mahasiswa di Malaysia” (Tesis Disertasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, 2018).
4. Noor Raudhiah Abu Bakar, Siti Hawa Radin Eksan dan Farah Shahwahid, “Penggunaan Teori Tingkah Laku Terancang dalam Pematuhan Halal dalam Kalangan Pengusaha Trak Makanan.” (Proceeding of The 6th International Seminar on Entrepreneurship and Business (ISEB 2018), Kota Bharu, Kelantan, 24 November 2018).

Pemilihan kajian-kajian terdahulu seperti yang tertera di atas bersesuaian untuk dijadikan panduan dalam pembinaan soal selidik kajian ini. Hal ini kerana tiga daripada kajian-kajian tersebut menggunakan landasan teori yang sama dan sesuai dengan kajian ini seperti Teori Tingkah Laku Terancang dan Model KAP. Selain itu, satu kajian lagi dirujuk sebagai panduan dalam pembinaan soalan tentang program pemulihan akhlak di pusat pemulihan akhlak. Oleh hal yang demikian, pengkaji dapat melihat dan menjadikan bentuk soalan yang dibina dalam kajian terbabit sebagai contoh dan rujukan dalam pembinaan soal selidik kajian ini. Antara aspek-aspek yang diambil daripada kajian lepas tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 3.1 Aspek-aspek Yang Terdapat Dalam Kajian Lepas

Bil	Tajuk Kajian	Aspek-aspek
1	Program Agama di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian Dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Bentuk program agama di Institusi Pemulihan Akhlak JKM</li> <li>-Pelaksanaan program agama di Institusi Pemulihan Akhlak JKM</li> <li>-Keberkesanan program agama di Institusi Pemulihan Akhlak JKM</li> <li>-Masalah dalam pelaksanaan program agama di Institusi Pemulihan Akhlak JKM</li> </ul>
2	Kajian Faktor-Faktor Literasi, Sosialisasi dan Tingkah Laku Pengguna Terhadap Perancangan Kewangan Islam Berdasarkan Teori Tingkah Laku Yang Terancang dalam Kalangan Kakitangan Awam di Wilayah Persekutuan, Putrajaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Maklumat demografi responden</li> <li>-Aspek-aspek di dalam faktor sosialisasi seperti ibu bapa, rakan, media massa dan agama yang turut dibincangkan dalam Teori Ekologi Sosial</li> <li>-Penggunaan istilah yang sesuai bagi menggambarkan pengetahuan, sikap, norma subjektif, tanggapan terhadap kawalan tingkah laku serta tingkah laku dalam Teori Tingkah Laku Terancang dan Model KAP</li> </ul>
3	Kecenderungan Penggunaan Makanan Fungsian Sunnah dalam Kalangan Mahasiswa di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Maklumat demografi responden</li> <li>-Aspek sikap, norma subjektif dan tanggapan terhadap kawalan tingkah laku yang digunakan dalam Teori Tingkah Laku Terancang</li> </ul>
4	Penggunaan Teori Tingkah Laku Terancang dalam Pematuhan Halal dalam Kalangan Pengusaha Trak Makanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Aspek keagamaan dalam pematuhan halal</li> <li>-Aspek sikap, norma subjektif, tanggapan terhadap kawalan tingkah laku dan niat yang digunakan dalam Teori Tingkah Laku Terancang</li> </ul>

Berikut ialah maklumat terperinci tentang pembinaan borang soal selidik bagi kajian ini:

Jadual 3.2 Pembentukan Borang Soal Selidik

No	Aspek	Pembahagian dalam Borang Soal Selidik	Skala
1	Demografi	Bahagian A	Nominal
2	Pengetahuan Masyarakat Muslim Tentang Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja	Bahagian B	Selang (Skala Likert 5 Poin)
3	Sikap Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja	Bahagian C	Selang (Skala Likert 5 Poin)

4	Norma Subjektif	Bahagian D	Selang (Skala Likert 5 Poin)
5	Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkah Laku	Bahagian E	Selang (Skala Likert 5 Poin)
6	Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja	Bahagian F	Selang (Skala Likert 5 Poin)
7	Komentar dan Cadangan	Bahagian G	-

Berpandukan jadual 3.2 di atas, borang soal selidik telah dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu bahagian A, B, C, D, E, F dan G. Bahagian A adalah demografi responden, bahagian B pula pengetahuan responden tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja, bahagian C ialah sikap responden terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dan bahagian D ialah norma subjektif. Kemudian, bahagian E merupakan tanggapan terhadap kawalan tingkah laku, bahagian F ialah tingkah laku responden terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dan akhir sekali bahagian G ialah komentar dan cadangan.

Skala nominal digunakan pada bahagian A manakala skala selang diguna pakai pada bahagian B, C, D, E dan F. Kaedah yang digunakan pada bahagian B, C, D, E dan F ialah kaedah skala *likert 5* poin iaitu dengan pengkadarannya nilai poin 1-5 bagi mewakili tahap persetujuan responden terhadap item-item pada bahagian tersebut. Skala ini dibina daripada susunan sangat tidak setuju hingga ke sangat setuju. Penggunaan skala *likert 5* poin tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 3.3 Skala *Likert 5* Poin

1	2	3	4	5
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	<b>Tidak Setuju</b>	<b>Tidak Pasti</b>	<b>Setuju</b>	<b>Sangat Setuju</b>

#### 3.4.1.1 Bahagian A (Demografi)

Bahagian demografi ialah bahagian latar belakang responden kajian. Item-item yang dibina menggunakan skala nominal bagi mengenal pasti jantina, bangsa, umur, status,

taraf pendidikan tertinggi, pekerjaan, pendapatan bulanan dan daerah. Terdapat 8 item dalam bahagian ini dan skala nominal berbentuk pilihan satu jawapan telah digunakan. Maklumat terperinci berkenaan item-item tersebut adalah seperti dalam jadual 3.4 di bawah:

Jadual 3.4 Item-Item Demografi Responden

Bil	Kategori	Bil	Kategori
1	<b>Jantina:</b> Lelaki Perempuan	5	<b>Taraf Pendidikan Tertinggi:</b> Pascasiswazah Ijazah Sarjana Muda Pra-Ijazah Sekolah Menengah
2	<b>Bangsa:</b> Melayu Lain-lain	6	<b>Pekerjaan:</b> Sektor Kerajaan Sektor Swasta Bekerja Sendiri Tidak Bekerja
3	<b>Umur:</b> 18-29 30-40 41 tahun dan ke atas	7	<b>Pendapatan Bulanan:</b> Tiada Pendapatan RM3000 dan ke bawah RM 3001-RM10 000 RM10 001 dan ke atas
4	<b>Status:</b> Bujang Berkahwin Ibu/Bapa Tunggal	8	<b>Daerah:</b> Sabak Bernam Kuala Selangor Hulu Selangor Gombak Petaling Klang Hulu Langat Sepang Kuala Langat

### 3.4.1.2 Bahagian B (Pengetahuan Masyarakat Muslim Tentang Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja)

Bahagian B berkaitan dengan pengetahuan responden tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Dalam bahagian ini, terdapat 20 item telah dibina. Skala yang digunakan ialah skala selang berbentuk skala *likert 5* poin daripada jenis soalan tertutup. Maklumat terperinci berkenaan aspek-aspek tersebut adalah seperti dalam jadual 3.5 di bawah:

Jadual 3.5 Aspek Pengetahuan

Item	Skala Penilaian				
	1 Sangat Tidak Setuju Setuju	2 Tidak Setuju	3 Tidak Pasti	4 Setuju	5 Sangat Setuju
(B1) Saya tahu terdapat program pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia.					
(B2) Saya tahu program pemulihan akhlak ialah suatu program pemulihan sosial yang bertujuan memulihkan masalah tingkah laku individu dari sudut fizikal (luaran) dan spiritual (dalaman).					
(B3) Saya jelas akan fungsi dan matlamat sebenar program pemulihan akhlak dijalankan.)					
(B4) Bagi saya, penubuhan institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional (penjara) adalah bertujuan untuk menggalakkan lagi kes jenayah dan salah laku seksual.					
(B5) Saya tahu tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia melalui media massa seperti surat khabar, internet, radio dan televisyen.					
(B6) Saya tahu tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia melalui masyarakat di sekeliling saya seperti keluarga, jiran, rakan dan saudara mara terdekat.					
(B7) Saya tahu program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dijalankan oleh pihak kerajaan.					
(B8) Saya tahu program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dijalankan oleh badan bukan kerajaan (NGO).					
(B9) Saya tahu program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dijalankan oleh pihak persendirian.					
(B10) Saya tahu melalui program pemulihan di institusi, pesalah seks remaja akan ditempatkan sama ada di institusi pemulihan akhlak atau pusat koreksional (penjara).					
(B11) Saya tahu melalui program pemulihan dalam komuniti, pesalah seks remaja dibenarkan untuk tinggal bersama dengan keluarga masing-masing.					
(B12) Saya tahu terdapat dua bentuk program pemulihan akhlak di Malaysia iaitu program pemulihan di institusi dan program pemulihan berdasarkan komuniti.					
(B13) Bagi saya, program pemulihan akhlak menekankan aspek keagamaan dalam proses pemulihan pesalah.					
(B14) Saya tahu program pemulihan akhlak menekankan aspek bimbingan dan kaunseling dalam proses pemulihan pesalah.					
(B15) Saya tahu program pemulihan akhlak menekankan aspek kemahiran dan latihan vokasional dalam proses pemulihan pesalah.					
(B16) Saya tahu program pemulihan akhlak menekankan aspek pembangunan fizikal dan sosial dalam proses pemulihan pesalah.					
(B17) Saya tahu program pemulihan akhlak menekankan aspek pendidikan dalam proses pemulihan pesalah.					
(B18) Bagi saya, masyarakat perlu mematuhi syarat-syarat perjanjian yang telah ditetapkan oleh pihak bertanggungjawab sepanjang tempoh pemulihan pesalah seks remaja.					
(B19) Saya tahu tempoh pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja perlu dilaksanakan dalam jangka masa tertentu yang telah ditetapkan.					
(B20) Saya tahu akta atau undang-undang yang mensabitkan kesalahan jenayah seksual dalam kalangan remaja.					

### **3.4.1.3 Bahagian C (Sikap Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja)**

Bahagian C pula ialah penilaian terhadap sikap responden terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Terdapat 12 item sikap yang telah dibina. Skala yang digunakan ialah skala selang berbentuk skala *likert 5* poin daripada jenis soalan tertutup. Maklumat terperinci berkenaan aspek-aspek tersebut dinyatakan dalam jadual 3.6 di bawah:

Jadual 3.6 Aspek Sikap

Item	Skala Penilaian				
	1 Sangat Tidak Setuju Setuju	2 Tidak Setuju	3 Tidak Pasti	4 Setuju	5 Sangat Setuju
(C1) Saya sedar bahawa program pemulihan akhlak adalah perlu sebagai suatu proses rawatan fizikal dan spiritual kepada pesalah seks remaja.					
(C2) Saya percaya proses pemulihan dari aspek fizikal (luaran) dapat menjamin kesihatan tubuh badan yang baik bagi pesalah.					
(C3) Saya percaya proses rawatan dari aspek spiritual (dalaman) mampu membantu memulihkan akhlak pesalah.					
(C4) Saya menilai program pemulihan akhlak adalah baik dan bermanfaat bagi pesalah seks remaja.					
(C5) Saya percaya pengisian yang terkandung di dalam program pemulihan akhlak mampu memberikan kesan yang baik terhadap aspek akhlak dan tingkah laku pesalah.					
(C6) Saya berpendapat tempoh pemulihan akhlak yang telah ditetapkan bagi pesalah seks remaja adalah wajar.					
(C7) Saya menilai program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja lebih sesuai dijalankan di institusi pemulihan atau pusat koreksional (penjara).					
(C8) Saya menilai program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja lebih sesuai dijalankan dalam komuniti.					
(C9) Saya berpendapat pesalah seks remaja lebih sesuai mendapatkan khidmat bomoh atau nujum bagi tujuan pemulihan akhlak dan tingkah laku mereka.					
(C10) Saya sedar tindakan menghantar pesalah seks remaja mengikuti program pemulihan akhlak adalah pilihan yang tepat dan wajar.					
(C11) Saya bersedia memberikan kerjasama kepada pihak bertanggungjawab untuk menjalankan program pemulihan akhlak terhadap pesalah seks remaja.					
(C12) Saya percaya pihak bertanggungjawab menjalankan tugasnya membantu memulihkan fizikal dan spiritual pesalah dengan sangat baik.					

#### **3.4.1.4 Bahagian D (Norma Subjektif)**

Bahagian D berkaitan dengan norma subjektif yang menjadi salah satu faktor yang mampu mempengaruhi tingkah laku individu terhadap sesuatu perkara. Dalam bahagian ini, terdapat 10 item telah dibina. Skala yang digunakan ialah skala selang berbentuk skala *likert 5* poin daripada jenis soalan tertutup. Maklumat terperinci berkenaan aspek-aspek tersebut adalah seperti dalam jadual 3.7 di bawah:

Jadual 3.7 Aspek Norma Subjektif

Item	Skala Penilaian				
	1 Sangat Tidak Setuju	2 Tidak Setuju	3 Tidak Pasti	4 Setuju	5 Sangat Setuju
(D1) Bagi saya, keluarga merupakan institusi sosial yang paling kuat dalam menggalakkan pesalah seks remaja agar mengikuti program pemulihan akhlak.					
(D2) Bagi saya, rakan sebaya adalah individu yang penting dalam memberikan sokongan kepada pesalah agar berubah ke arah akhlak yang lebih baik.					
(D3) Bagi saya, pihak bertanggungjawab seperti kerajaan perlu menyarankan agar pesalah seks remaja menyertai program pemulihan akhlak sedia ada bagi tujuan pemulihan.					
(D4) Bagi saya, jiran tetangga juga antara golongan yang berperanan dalam menyokong perubahan tingkah laku yang baik dalam diri pesalah seks remaja.					
(D5) Bagi saya, media sosial seperti internet dan televisyen merupakan medium yang berpengaruh dalam mendorong keputusan individu sama ada ingin mengikuti program pemulihan akhlak atau sebaliknya.					
(D6) Lazimnya, amalan masyarakat Muslim di Malaysia menempatkan pesalah seks remaja di institusi pemulihan akhlak atau pusat koreksional (penjara) adalah kerana mahu menutup aib keluarga semata-mata.					
(D7) Saya berpendapat agama Islam boleh mendorong pesalah seks remaja untuk berusaha memperbaiki akhlak dan tingkah laku.					
(D8) Saya berpendapat pemulihan akhlak boleh membantu pesalah seks remaja dari aspek penjagaan agama.					
(D9) Saya berpendapat pemulihan akhlak boleh membantu pesalah seks remaja dari aspek penjagaan akal.					
(D10) Saya berpendapat pemulihan akhlak boleh membantu pesalah seks remaja dari aspek penjagaan kehormatan diri.					

### **3.4.1.5 Bahagian E (Tanggapan)**

Bahagian E pula ialah faktor tanggapan. Terdapat 12 item yang telah dibina bagi aspek ini. Skala yang digunakan ialah skala selang berbentuk skala *likert* 5 poin daripada jenis soalan tertutup. Maklumat terperinci berkaitan aspek-aspek tersebut dibincangkan dalam jadual 3.8 di bawah:

Jadual 3.8 Aspek Tanggapan

Item	Skala Penilaian				
	1 Sangat Tidak Setuju	2 Tidak Setuju	3 Tidak Pasti	4 Setuju	5 Sangat Setuju
(E1) Saya sedar pelaksanaan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia adalah memuaskan.					
(E2) Saya menganggap pelaksanaan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia masih belum berkesan sepenuhnya.					
(E3) Saya sedar program pemulihan akhlak yang sedang dijalankan di Malaysia wajar diteruskan dan diperkasakan.					
(E4) Saya menganggap program pemulihan akhlak yang dijalankan berupaya memulihkan fizikal pesalah seks remaja.					
(E5) Saya menganggap program pemulihan akhlak yang dijalankan berupaya memulihkan spiritual pesalah seks remaja.					
(E6) Saya percaya pihak yang bertanggungjawab mempunyai kebolehan mengendalikan program pemulihan akhlak dengan baik dan efisien.					
(E7) Saya percaya pesalah seks remaja mampu mengikuti kesemua program pemulihan akhlak yang dijalankan dengan mudah dan lancar.					
(E8) Saya menganggap pesalah seks remaja berpotensi untuk dirawat dan dipulihkan kembali.					
(E9) Saya sedar masalah kewangan menjadi salah satu kekangan bagi pesalah seks remaja untuk menyertai program pemulihan akhlak.					
(E10) Saya merasakan pelaksanaan program pemulihan akhlak di Malaysia lebih kepada ingin mengaut keuntungan semata-mata.					
(E11) Saya sedar modul yang digunakan dalam proses pemulihan akhlak pesalah padat dengan pengisian yang bermanfaat dan berguna.					
(E12) Saya sedar maklumat berkaitan dengan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia masih belum tersebar secara meluas kepada masyarakat.					

### **3.4.1.6 Bahagian F (Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program**

#### **Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja)**

Bahagian F ialah penilaian terhadap tingkah laku responden terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Sebanyak 9 item telah dibina bagi aspek tingkah laku. Skala yang digunakan ialah skala selang berbentuk skala *likert* 5 poin daripada jenis soalan tertutup. Maklumat terperinci berkenaan aspek-aspek tersebut dijelaskan dalam jadual 3.9 di bawah:

Jadual 3.9 Aspek Tingkah Laku

Item	Skala Penilaian				
	1 Sangat Tidak Setuju Setuju	2 Tidak Setuju	3 Tidak Pasti	4 Setuju	5 Sangat Setuju
(F1) Sekiranya orang terdekat di sekeliling saya didapati bersalah terlibat dengan gejala seksual, saya merujuk institusi pemulihan akhlak atau pusat koreksional (penjara) bagi tujuan pemulihan.					
(F2) Saya lebih memilih untuk mendapatkan perkhidmatan bomoh atau nujum bagi tujuan pemulihan.					
(F3) Saya lebih memilih untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan alternatif seperti rukyah bagi tujuan pemulihan.					
(F4) Saya menghantar pesalah seks remaja ke program pemulihan akhlak kerana mahu menutup aib keluarga.					
(F5) Saya menghantar pesalah seks remaja mengikuti program pemulihan akhlak kerana perasaan marah dan benci terhadap perbuatan terkutuk tersebut.					
(F6) Saya memberikan kerjasama yang baik kepada pihak bertanggungjawab untuk menjalankan tugas mereka dengan lancar.					
(F7) Saya sentiasa mengikuti perkembangan pesalah seks remaja sepanjang tempoh pemulihan berlangsung kerana bimbang akan keselamatan dirinya.					
(F8) Saya menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak bertanggungjawab tanpa mengambil tahu perkembangan diri mereka.					
(F9) Saya membawa pulang pesalah walaupun tempoh pemulihan belum tamat lagi.					

### **3.4.1.7 Bahagian G (Komentar dan Cadangan)**

Bahagian G ialah soalan berbentuk terbuka iaitu komentar dan cadangan daripada responden tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia. Soalan tersebut merupakan pilihan dan tidak wajib dijawab oleh responden. Mereka diberikan ruang dan kebebasan untuk memberi pandangan terhadap isu yang dikemukakan. Terdapat satu sahaja soalan yang diberikan iaitu ‘Berikan komentar atau cadangan anda tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia. (Jika ada/perlu)’.

### **3.4.2 Penilaian Kesahan Borang Soal Selidik**

Kesahan borang soal selidik ialah suatu penilaian yang sangat penting dalam melakukan pengukuran sesuatu aspek item dalam kajian yang dijalankan. Kesahan ialah kebolehan suatu pengukuran yang dilaksanakan bagi mengukur nilai sebenar konsep dalam hipotesis. Kesahan tersebut dianggap tinggi jika alat kajian yang dibina boleh mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis dengan tepat dan betul. Walaupun begitu, kesahan dalam penyelidikan kuantitatif bererti pengukuran yang dilakukan ke atas konsep-konsep berkenaan dalam peringkat operasional perlu mewakili konsep-konsep yang dikonotasikan dalam peringkat konseptual dengan tepat.<sup>160</sup> Justeru, dalam kajian ini terdapat tiga bentuk kesahan yang dilakukan dalam borang soal selidik iaitu kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan aspek.

#### **3.4.2.1 Kesahan Muka**

Kesahan muka merujuk kepada gambaran secara menyeluruh terhadap borang soal selidik yang dibina. Ia bertujuan untuk menilai bagaimana pengukuran aspek yang dibina mampu mengukur nilai aspek sebenar yang ingin diukur.<sup>161</sup> Oleh itu, berdasarkan keempat-empat teori yang telah diaplikasikan dalam kajian ini iaitu Teori Tingkah Laku, Teori Peribadi

<sup>160</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*, 212.

<sup>161</sup> Ibid., 214.

al-Ghāzalī, Model KAP dan Teori Ekologi Sosial, pengkaji telah melakukan pengubahsuaian dan penambahan aspek lain yang bersesuaian iaitu dengan menggabungkan aspek-aspek utama dalam setiap teori tersebut bagi membina suatu model pembentukan pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Pengubahsuaian ini melibatkan aspek pengetahuan, sikap, tingkah laku, norma subjektif, tanggapan terhadap kawalan tingkah laku, persekitaran, niat dan empat elemen spiritual *al-rūh* (roh), *al-qalb* (hati), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal).

#### **3.4.2.2 Kesahan Kandungan**

Kesahan kandungan bertujuan untuk memastikan kandungan soal selidik yang dibuat mengandungi soalan-soalan yang mahu diukur sahaja dan menggambarkan kesemua aspek yang ingin diuji. Justeru, soalan soal selidik yang dibina telah dinilai daripada aspek kesesuaian dan ketepatan teori serta penggunaan struktur ayat dan metodologi yang betul. Di samping itu, soalan soal selidik tersebut juga telah disahkan oleh pakar ujian kesahan yang terdiri daripada pakar dalam bidang Pembangunan Insan dan metodologi kuantitatif.

#### **3.4.2.3 Kesahan Aspek**

Kesahan aspek pula ialah penilaian terhadap hipotesis yang dibuat berdasarkan keempat-empat teori yang digunakan dalam soal selidik. Hal ini supaya ia menjawab setiap persoalan dan objektif kajian yang digariskan. Selain itu, ia juga bertujuan agar setiap responden yang terbabit dalam kajian ini mampu menjawab soalan dan menyalurkan pandangan mereka dengan baik. Secara ringkasnya, pakar-pakar ujian kesahan bagi kajian ini dijelaskan dalam jadual 3.10 di bawah:

Jadual 3.10 Pakar Ujian Kesahan

Jenis Kesahan	Pakar Ujian Kesahan
Kesahan Muka	Dr. Mohamad Azrien Mohamed Adnan Dr Siti Jamiaah Abdul Jalil
Kesahan Kandungan	Dr. Mohamad Azrien Mohamed Adnan Dr Siti Jamiaah Abdul Jalil
Kesahan Aspek	Dr. Mohamad Azrien Mohamed Adnan Dr Siti Jamiaah Abdul Jalil

### 3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan bertujuan menguji kebolehpercayaan instrumen. Kebolehpercayaan merujuk kepada konsistensi dan kestabilan terhadap sesuatu item yang diukur.<sup>162</sup> Selain itu, kajian rintis juga dibuat bagi meningkatkan kesahan dalaman instrumen kajian. Menurut Nunnally, sekiranya nilai pekali *Cronbach's Alpha* berada pada julat 0-1, maka 0.7 dan ke atas menandakan tahap kebolehpercayaan yang tinggi, 0.41-0.69 sederhana dan 0.4 ke bawah adalah rendah.<sup>163</sup> Oleh itu, kajian rintis telah dijalankan secara atas talian kepada 30 orang responden yang berlainan daripada responden sebenar kajian ini bagi menjawab soalan soal selidik.

#### 3.5.1 Kebolehpercayaan Instrumen

Penilaian kebolehpercayaan instrumen dilakukan terhadap item-item pada bahagian B, C, D, E dan F di dalam borang soal selidik. Kebolehpercayaan instrumen dinilai dengan menggunakan kaedah pengiraan nilai pekali *Cronbach's Alpha* (penentuan kebolehpercayaan konstruk). Bagi menganalisis data borang soal selidik, perisian SPSS versi 22.0 digunakan untuk mendapatkan nilai pekali *Cronbach's Alpha* tersebut. Jadual 3.11 di bawah memperlihatkan perbandingan nilai pekali *Cronbach's Alpha* yang diperolehi semasa kajian rintis (30 orang responden) dan kajian sebenar dijalankan (416

<sup>162</sup> Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011), 172.

<sup>163</sup> Nunnally, J.O, *Psychometric Theory* (New York: McGraw-Hill, 1978).

orang responden). Nilai pekali *Cronbach's Alpha* yang diperoleh adalah berdasarkan kepada lima bahagian.

Jadual 3.11 Nilai *Cronbach's Alpha* ( $\alpha$ ) bagi Setiap Aspek

Aspek	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> (Kajian Rintis)	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> (Kajian Sebenar)
<b>Bahagian B:</b> Pengetahuan Masyarakat Muslim Tentang Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja	.721	.862
<b>Bahagian C:</b> Sikap Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja	.669	.806
<b>Bahagian D:</b> Norma Subjektif	.676	.770
<b>Bahagian E:</b> Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkah Laku	.741	.779
<b>Bahagian F:</b> Tingkah Laku Masyarakat Muslim Tentang Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja	.618	.673

Sumber: Data kajian.

Berdasarkan jadual 3.11 di atas, secara keseluruhannya pekali *Cronbach's Alpha* bagi setiap bahagian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Walau bagaimanapun, pada bahagian tingkah laku, nilai pekali *Cronbach's Alpha* yang diperolehi pada asalnya rendah iaitu .476. Namun, setelah membuang satu item yang dicadangkan pada soalan (F6) ‘Saya akan memberikan kerjasama yang baik kepada pihak bertanggungjawab untuk menjalankan tugas mereka dengan lancar’, nilai pekali *Cronbach's Alpha* juga tetap rendah iaitu .553. Maka setelah aktiviti pengekodan semula dilakukan pada dua soalan (F6) dan (F7), nilai pekali *Cronbach's Alpha* telah meningkat kepada .618. Hal yang demikian perlu dilakukan bagi memastikan setiap item benar-benar mengukur boleh ubah kajian. Walau bagaimanapun, nilai pekali *Cronbach's Alpha* bagi tingkah laku dalam kajian yang sebenar berada pada tahap sederhana.

Sebelum mengedarkan soal selidik yang sebenar, beberapa soalan telah diteliti semula dan diubah suai struktur ayatnya supaya menjadi pernyataan yang positif. Oleh itu, tiga soalan telah dipilih untuk diubah iaitu soalan (B13), (C6) dan (E8). Bagi soalan (B13) ‘Bagi saya, program pemulihan akhlak hanya menekankan aspek keagamaan dalam proses pemulihan pesalah’, perkataan ‘hanya’ telah dibuang dan menjadi ‘Bagi saya, program pemulihan akhlak menekankan aspek keagamaan dalam proses pemulihan pesalah.’ Seterusnya, soalan (C6) ‘Saya berpendapat tempoh pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja adalah lama dan tidak wajar’ telah diubah kepada ‘Saya berpendapat tempoh pemulihan akhlak yang telah ditetapkan bagi pesalah seks remaja adalah wajar’ manakala soalan (E8) ‘Saya menganggap pesalah seks remaja tidak mampu lagi dirawat dan dipulihkan’ telah diubah menjadi ‘Saya menganggap pesalah seks remaja berpotensi untuk dirawat dan dipulihkan kembali’. Hal ini kerana dua soalan berkenaan kontra dengan pernyataan yang lain.

### **3.7 Kaedah Pengumpulan Data**

Dalam kajian ini, dua kaedah telah dilaksanakan dalam proses pengumpulan data. Pertama, kaedah analisis kandungan dengan menganalisis bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian ini seperti buku, artikel, jurnal dan seumpamanya. Proses mencari dan menganalisis kajian literatur tentang pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja telah dilakukan terlebih dahulu. Di samping itu, kajian-kajian terdahulu juga telah digunakan sebagai rujukan bagi mengenal pasti program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia serta teori-teori berkaitan pengetahuan, sikap dan tingkah laku manusia. Kaedah kedua pula ialah kaedah tinjauan secara atas talian (*online survey*) yang dilakukan bagi mencapai keempat-empat objektif kajian ini iaitu analisis borang soal selidik. Bagi proses pengumpulan data melibatkan borang soal selidik, terdapat tiga langkah yang perlu dilalui. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

### **3.7.1 Langkah 1**

1. Membina soalan soal selidik mengikut objektif kajian.
2. Menjalankan ujian kesahan terhadap borang soal selidik. Ujian kesahan tersebut terdiri daripada kesahan muka, kesahan konstruk dan kesahan kandungan yang disemak oleh penilai dalam bidang Psikologi Dakwah dan metode kuantitatif.
3. Melakukan pemurnian dan penambah baikan terhadap soalan yang telah disemak.

### **3.7.2 Langkah 2**

1. Menjalankan kajian rintis terhadap 30 orang responden di Selangor dengan mengedarkan borang soal selidik secara atas talian untuk dijawab.
2. Borang soal selidik dikumpulkan dan melakukan proses analisis data kajian yang diperolehi menggunakan perisian SPSS versi 22.0. Kebolehpercayaan borang soal selidik ditentukan dengan mendapatkan nilai pekali *Cronbach's Alpha*.
3. Melakukan pemurnian dan penambah baikan ayat terhadap item yang mempunyai nilai pekali *Cronbach's Alpha* yang rendah.

### **3.7.3 Langkah 3**

1. Mengagihkan borang soal selidik secara atas talian menerusi platform seperti *email, whatsapp, telegram dan facebook* kepada seramai 430 orang responden.
2. Borang soal selidik dikumpulkan kembali dan melakukan proses analisis data kajian yang diperolehi menggunakan perisian SPSS versi 22.0. Kebolehpercayaan borang soal selidik ditentukan dengan mendapatkan nilai pekali *Cronbach's Alpha*.

### 3.8 Kaedah Analisis Data

Dalam melakukan proses analisis data, perisian SPSS versi 22.0 telah digunakan bagi menganalisis data soal selidik yang diterima. Ringkasan kaedah analisis data kajian yang digunakan ini adalah seperti dalam jadual 3.12 di bawah:

Jadual 3.12 Kaedah Analisis Data

Persoalan Kajian	Skala	Kaedah Analisis Data
Apakah maklumat demografi masyarakat Muslim di Selangor?	Nominal	Deskriptif <ul style="list-style-type: none"> <li>• Frekuensi</li> <li>• Peratusan</li> </ul>
Bagaimanakah pengetahuan masyarakat Muslim di Selangor tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja?	Selang (Skala Likert 5 Poin)	Deskriptif <ul style="list-style-type: none"> <li>• Min</li> </ul>
Bagaimanakah sikap masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja?	Selang (Skala Likert 5 Poin)	Deskriptif <ul style="list-style-type: none"> <li>• Min</li> </ul>
Bagaimanakah tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja?	Selang (Skala Likert 5 Poin)	Deskriptif <ul style="list-style-type: none"> <li>• Min</li> </ul>
Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja?	Selang (Skala Likert 5 Poin)	Inferensi <ul style="list-style-type: none"> <li>• Korelasi Pearson</li> </ul>

#### 3.8.1 Data Deskriptif

Analisis deskriptif kebiasaannya digunakan pada bahagian demografi dan tiga pemboleh ubah bebas dalam kajian ini iaitu pengetahuan, sikap dan tingkah laku. Walau bagaimanapun, analisis deskriptif juga dibuat terhadap dua faktor lain yang mendorong tingkah laku masyarakat Muslim iaitu faktor norma subjektif dan tanggapan terhadap

kawalan tingkah laku. Bagi demografi responden, skala nominal yang melibatkan frekuensi dan peratusan telah digunakan, manakala pemboleh ubah pengetahuan, sikap, norma subjektif, tanggapan terhadap kawalan tingkah laku dan tingkah laku pula menggunakan skala selang melibatkan analisis min dan peratusan.

Analisis pemboleh ubah pengetahuan terbahagi kepada lima bahagian iaitu sumber pengetahuan, matlamat program, platform program, bentuk program dan peraturan program pemulihan akhlak. Seterusnya, pemboleh ubah sikap pula merangkumi analisis sikap terhadap manfaat program, sikap terhadap platform program dan sikap terhadap peranan pihak bertanggungjawab. Pemboleh ubah norma subjektif melibatkan analisis pengaruh sosial dan pengaruh persekitaran, manakala pemboleh ubah tanggapan terhadap kawalan tingkah laku dan pemboleh ubah tingkah laku tiada pembahagian sub tema. Interpretasi skor min bagi data deskriptif adalah seperti di dalam jadual 3.13 berikut:

Jadual 3.13 Interpretasi Skor Min<sup>164</sup>

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally, 1978.

### 3.8.2 Data Inferensi

Bagi menganalisis perhubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah bebas pengetahuan, sikap dan tingkah laku responden terhadap program pemulihan bagi pesalah seks remaja, korelasi Pearson digunakan. Analisis korelasi antara ketiga-tiga pemboleh ubah bebas melibatkan sub-tema bagi setiap pemboleh ubah tersebut iaitu korelasi antara pengetahuan dengan sub-tema dalam aspek sikap (manfaat program pemulihan akhlak, platform program pemulihan akhlak dijalankan dan peranan pihak pengurusan institusi

<sup>164</sup> Nunnally, J.O, *Psychometric Theory* (New York: McGraw-Hill, 1978).

pemulihan akhlak), korelasi antara pengetahuan dengan tingkah laku dan korelasi antara sikap dengan tingkah laku. Perincian skala penilaian korelasi *Pearson* adalah seperti dalam jadual 3.14 berikut:

Jadual 3.14 Skala Penilaian Korelasi *Pearson*<sup>165</sup>

<b>Julat Koefisen Pearson (r)</b>		<b>Tahap Kekuatan Hubungan</b>
<b>Positif</b>	<b>Negatif</b>	
.50 sehingga 1.0	-.50 sehingga -1.0	Kuat
.30 sehingga .49	-.30 sehingga -.49	Sederhana
.10 sehingga .29	-.10 sehingga -.29	Lemah
.00	-.00	Tiada Korelasi

Sumber: Cohen, 1988.

### 3.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini ialah kajian kuantitatif yang mengguna pakai kaedah tinjauan secara atas talian (*online survey*). Kajian ini melibatkan 416 orang responden dalam kalangan penduduk Selangor yang melibatkan kesemua sembilan buah daerah di Selangor. Soal selidik yang dibuat mempunyai tujuh bahagian iaitu (A) Demografi, (B) Pengetahuan masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja, (C) Sikap masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja, (D) Norma subjektif, (E) Tanggapan terhadap kawalan tingkah laku, (F) Tingkah laku masyarakat terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja serta (G) Komentar dan cadangan. Data kajian yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan inferensi bagi menjawab tiga hipotesis kajian.

---

<sup>165</sup> Cohen. J, *Statistical Power Analysis for The Behavior Science (2nd ed.)* (New Jersey: Lawrence Eribaum Association, 1988), t.h.

## BAB 4: DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Pengenalan

Pada bab ini, analisis hasil kajian telah dibentangkan berdasarkan kepada data-data kajian yang diperoleh. Laporan kajian dimulakan dengan menjelaskan statistik demografi responden, seterusnya analisis kelima aspek pengetahuan, sikap, norma subjektif, tanggapan terhadap kawalan tingkah laku dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Kemudian, analisis dan perbincangan ujian korelasi bagi menjawab tiga hipotesis kajian yang telah dibina. Dapatan kajian pula dilaporkan dengan mengaplikasikan kaedah analisis secara deskriptif dan inferensi iaitu ujian korelasi. Bagi analisis secara deskriptif, kekerapan, peratusan dan min telah digunakan pada kesemua bahagian soal selidik kajian iaitu demografi, pengetahuan, sikap, norma subjektif, tanggapan terhadap kawalan tingkah laku dan tingkah laku responden, manakala analisis inferensi (ujian korelasi *Pearson*) digunakan antara tiga pemboleh ubah bebas iaitu pengetahuan, sikap dan tingkah laku.

### 4.2 Demografi Responden

Dalam kajian ini, terdapat 8 jenis demografi yang telah dikenal pasti iaitu (1) jantina, (2) bangsa, (3) tahap umur, (4) status perkahwinan, (5) tahap pendidikan tertinggi, (6) status pekerjaan, (7) pendapatan bulanan dan (8) tempat tinggal. Seramai 416 orang responden dalam kalangan masyarakat Muslim di Selangor yang berusia 18 tahun ke atas telah berpartisipasi dalam kajian ini.

#### 4.2.1 Jantina

Secara ringkasnya, rajah 4.1 di bawah ini memperlihatkan carta pai bagi pembahagian jantina. Majoriti responden kajian ini terdiri daripada golongan wanita yang berjumlah lebih daripada separuh iaitu 286 orang manakala selebihnya ialah lelaki iaitu seramai 130

orang. Maka, jumlah peratusan tertinggi telah didominasi oleh golongan wanita sebanyak 68.8 peratus manakala lelaki pula sebanyak 31.3 peratus.


Rajah 4.1 Carta Pai Pecahan Jantina Responden



#### 4.2.2 Bangsa

Carta pai dalam rajah 4.2 di bawah memperlihatkan majoriti bangsa yang terbabit dalam kajian ini ialah berbangsa Melayu, kemudian diikuti oleh bangsa-bangsa yang lain seperti Cina, India, Bugis dan Bumiputera Sabah (Kadazan Dusun, Iban dan Bidayuh). Bangsa Melayu mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 401 orang (96.4 peratus) manakala bangsa-bangsa yang lain seramai 15 orang sahaja (3.6 peratus).


Rajah 4.2 Carta Pai Pecahan Bangsa Responden



#### **4.2.3 Tahap Umur**

Tahap umur berdasarkan rajah 4.3 menunjukkan rata-rata responden berusia sekitar 18 hingga 29 tahun yang mewakili 49.0 peratus (204 orang) daripada jumlah keseluruhan dan diikuti dengan responden yang berusia 30 hingga 40 tahun iaitu 26.9 peratus (112 orang). Seterusnya, jumlah responden yang berusia 41 tahun dan ke atas adalah lebih kecil berbanding tahap usia sebelumnya iaitu merangkumi 24.0 peratus sahaja (100 orang).


Rajah 4.3 Carta Bar Tahap Umur Responden



#### **4.2.4 Status Perkahwinan**

Carta pai dalam rajah 4.4 memperlihatkan pecahan responden berdasarkan status perkahwinan. Responden yang telah berkahwin mencatatkan jumlah yang lebih banyak sedikit berbanding dengan mereka yang berstatus bujang. Peratus yang mewakili status berkahwin ialah sebanyak 52.6 peratus (219 orang), manakala 47.4 peratus lagi mewakili mereka yang berstatus bujang (197 orang).


Rajah 4.4 Carta Pai Pecahan Responden Mengikut Status Perkahwinan



#### 4.2.5 Tahap Pendidikan Tertinggi

Berdasarkan carta bar pada rajah 4.5, responden yang berkelulusan ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran (pascasiswazah) mencatatkan jumlah peratusan paling sedikit iaitu 19.5 peratus atau 81 orang daripada jumlah keseluruhan responden. Walau bagaimanapun, mereka yang merupakan graduan ijazah sarjana muda telah mendominasi peratusan tertinggi iaitu 49.5 peratus (206 orang). Seterusnya, sebanyak 20.9 peratus atau 87 orang daripada jumlah responden terdiri daripada mereka yang memiliki kelulusan pra ijazah seperti STPM, STAM, Diploma dan Asasi. Selain itu, terdapat 10.1 peratus dalam kalangan responden yang mendapat pendidikan hanya setakat di peringkat menengah saja (42 orang).

Rajah 4.5 Carta Bar Tahap Pendidikan Tertinggi Responden




Kesimpulannya, majoriti responden merupakan individu yang berpelajaran tinggi. Perkara ini berdasarkan kepada sebanyak 89.9 peratus daripada jumlah keseluruhan responden menunjukkan bahawa mereka memiliki tahap pendidikan tertinggi sehingga ke peringkat universiti.

#### 4.2.6 Status Pekerjaan

Status pekerjaan dalam rajah 4.6 menggambarkan majoriti responden tergolong dalam kalangan mereka yang mempunyai pekerjaan. Jumlah peratus responden yang tidak bekerja, bekerja di sektor swasta dan kerajaan adalah hampir sama. Dapatan kajian mencatatkan sebanyak 28.4 peratus (118 orang) responden adalah tidak bekerja, 28.8 peratus (120 orang) bekerja di sektor swasta dan 26.7 peratus (111 orang) bekerja di sektor kerajaan. Manakala selebihnya 16.1 peratus (67 orang) lagi terdiri daripada mereka yang bekerja sendiri.

Rajah 4.6 Carta Bar Status Pekerjaan Responden




#### 4.2.7 Pendapatan Bulanan

Berdasarkan carta bar pada rajah 4.7 di bawah, majoriti responden berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah iaitu sebanyak 40.6 peratus (169 orang). Seterusnya diikuti oleh mereka yang mempunyai pendapatan sekitar RM3,001 hingga RM10,000 iaitu sebanyak 34.4 peratus (143 orang). Selain itu, responden yang mempunyai jumlah pendapatan

bulanan RM10,001 dan ke atas ialah 2.4 peratus atau 10 orang sahaja. Selebihnya iaitu 22.6 peratus (94 orang) tidak mempunyai sumber pendapatan kebanyakan mereka merupakan pelajar sepenuh masa.


Rajah 4.7 Carta Bar Pendapatan Bulanan Responden



#### 4.2.8 Tempat Tinggal

Carta pai dalam rajah 4.8 memperlihatkan pecahan peratusan tempat tinggal responden yang mewakili 9 buah daerah di negeri Selangor. Daerah Petaling mencatatkan jumlah responden tertinggi iaitu sebanyak 21.4 peratus (89 orang), diikuti oleh daerah Hulu Langat 16.6 peratus (69 orang), Klang 13.0 peratus (54 orang) dan Hulu Selangor 11.8 peratus (49 orang). Seterusnya, daerah Sepang, Gombak, Kuala Langat dan Kuala Selangor pula mencatatkan jumlah peratusan yang hampir sama iaitu 8.9 peratus (37 orang) mewakili Sepang, 8.2 peratus (34 orang) mewakili Gombak, 7.9 peratus (33 orang) mewakili Kuala Langat dan 7.7 peratus (32 orang) mewakili Kuala Selangor. Walau bagaimanapun, daerah Sabak Bernam mempunyai jumlah responden paling sedikit iaitu sebanyak 4.6 peratus (19 orang). Hal ini disebabkan oleh limitasi pergerakan pengkaji akibat perintah kawalan pergerakan (PKP) sehingga menyebabkan pengkaji menghadapi kesukaran untuk mengedarkan borang soal selidik ke kawasan luar bandar.

Rajah 4.8 Carta Pai Pecahan Responden Mengikut Daerah



Jadual 4.1 di bawah merupakan ringkasan keseluruhan demografi responden bagi kajian ini seperti yang telah dijelaskan dalam perbincangan sebelum ini.

Jadual 4.1 Kekerapan dan Peratusan Demografi Responden

Demografi	N=416	%
Jantina		
Lelaki	130	31.3
Perempuan	286	68.8
Bangsa		
Melayu	401	96.4
Lain-lain	15	3.6
Umur		
18-29 tahun	204	49.0
30-40 tahun	112	26.9
> 41 tahun	100	24.0
Status Perkahwinan		
Bujang	197	47.4
Berkahwin	219	52.6
Tahap Pendidikan Tertinggi		
Sekolah Menengah	42	10.1
Pra-Ijazah	87	20.9

Ijazah Sarjana Muda	206	49.5
Pascasiswazah	81	19.5
Status Pekerjaan		
Tidak Bekerja	118	28.4
Bekerja Sendiri	67	16.1
Swasta	120	28.8
Kerajaan	111	26.7
Pendapatan Bulanan		
Tiada Pendapatan	94	22.6
< RM 3,000	169	40.6
RM 3,001 – RM10,000	143	34.4
> RM10,001	10	2.4
Daerah		
Petaling	89	21.4
Klang	54	13.0
Gombak	34	8.2
Sepang	37	8.9
Kuala Langat	33	7.9
Hulu Langat	69	16.6
Kuala Selangor	32	7.7
Hulu Selangor	49	11.8
Sabak Bernam	19	4.6

Sumber: Data kajian.

### 4.3 Analisis Pengetahuan Responden

Pada bahagian ini, aspek pengetahuan dipecahkan kepada lima bahagian iaitu pertama aspek sumber pengetahuan, kedua matlamat program, ketiga platform program, keempat bentuk program dan kelima peraturan program pemulihan akhlak. Berikut ialah statistik secara keseluruhan bagi pengetahuan masyarakat Muslim di Selangor tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

Jadual 4.2 Statistik Deskriptif Pengetahuan

N= 416

Pemboleh ubah	Aspek	Min	Tafsiran Min
Pengetahuan	Sumber Pengetahuan	3.56	Sederhana Tinggi
	Matlamat Program	4.17	Tinggi
	Platform Program	3.58	Sederhana Tinggi
	Bentuk Program	4.13	Tinggi
	Peraturan Program	4.26	Tinggi
<b>Keseluruhan Min</b>		<b>3.94</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Sumber: Data kajian.

Berdasarkan jadual 4.2 di atas, dapatan kajian memperlihatkan pengetahuan masyarakat Muslim di Selangor tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja adalah sederhana tinggi dengan skor min keseluruhan (N=416, min=3.94). Pengetahuan mereka dari aspek sumber pengetahuan mencatatkan skor min 3.56, matlamat program 4.17, platform program dijalankan 3.58, bentuk program 4.13 dan peraturan program 4.26. Statistik memperlihatkan min paling tinggi ialah item peraturan program pemulihan akhlak manakala min paling rendah pula pada item sumber program pemulihan akhlak diperoleh.

Merujuk kepada aspek sumber pengetahuan, jadual 4.3 di bawah ini menunjukkan dapatan secara terperinci serta perbincangan analisis berkaitan dengannya.

Jadual 4.3 Sumber Pengetahuan

Perkara	1 STS N (%)	2 TS N (%)	3 TP N (%)	4 S N (%)	5 SS N (%)	Min
Saya tahu tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia melalui media massa seperti surat khabar, internet,	21 (5.0)	28 (6.7)	64 (15.4)	148 (35.6)	155 (37.3)	3.93

radio dan televisyen.						
Saya tahu tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia melalui masyarakat di sekeliling saya seperti keluarga, jiran, rakan dan saudara mara terdekat.	49 (11.8)	83 (20.0)	110 (26.4)	89 (21.4)	85 (20.4)	3.19
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.56</b>					

Sumber: Data kajian.

Secara keseluruhan, aspek sumber pengetahuan mencatatkan skor min sederhana tinggi iaitu 3.56. Analisis secara terperinci mendapati majoriti responden memperoleh maklumat berkaitan dengan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja melalui media massa berbanding dengan masyarakat di sekeliling mereka. Dapatan ini membuktikan bahawa responden lebih gemar memilih media massa seperti surat khabar, internet, radio dan televisyen sebagai medium utama untuk mencari maklumat tentang program pemulihan akhlak. Hal ini merujuk kepada skor min pada item medium media massa adalah 3.93 lebih tinggi berbanding dengan item masyarakat di sekeliling iaitu 3.19.

Secara umumnya, program pemulihan ialah suatu bentuk perkhidmatan sosial berfungsi memperbaiki individu yang mempunyai masalah tingkah laku negatif.<sup>166</sup> Program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja ialah satu perkhidmatan pemulihan akhlak yang dijalankan khusus bagi remaja yang terbabit dengan jenayah seksual.<sup>167</sup> Ia merupakan suatu inisiatif yang baik bagi mereka yang terjebak dengan salah laku seksual sebagai persediaan untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Penubuhan institusi-institusi

---

<sup>166</sup> Barton, R, “Psychosocial Rehabilitation Services In Community Support Systems: A Review of Outcomes and Policy Recommendations,” *Psychiatric Services* 50, no. 40 (1999), 525-534.

<sup>167</sup> Hezzrin Mohd Pauzi et al., “Faktor-faktor Pelaksanaan Program Pemulihan Akhlak yang Berkesan untuk Pesalah Kanak-Kanak,” *Journal of Social Sciences and Humanities*, no. 2 (Oktober 2016), 23-36.

pemulihan yang menjalankan program pemulihan akhlak merupakan salah satu inisiatif yang baik oleh pihak bertanggungjawab dalam usaha mengembalikan semula kelompok remaja bermasalah khususnya remaja yang terabit dengan salah laku seksual kepada keadaan yang terbaik.

Walaupun begitu, kebanyakan responden (26.4%) berpendapat bahawa mereka tidak pasti medium yang digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang program pemulihan akhlak adalah melalui masyarakat di sekeliling mereka. Perkara ini dapat diperhatikan kepada skor min yang sederhana rendah, 3.19 pada item “Saya tahu tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia melalui masyarakat di sekeliling saya seperti keluarga, jiran, rakan dan saudara mara terdekat.” Dapatan ini secara tidak langsung menguatkan lagi dapatan pada aspek tanggapan terhadap kawalan tingkah laku apabila sebahagian besar responden sangat bersetuju bahawa maklumat tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia masih belum tersebar secara meluas kepada masyarakat.

Ringkasnya, sumber pengetahuan responden tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja berada pada skala tidak pasti. Dengan kata lain, responden masih tidak pasti bahawa media massa dan masyarakat di sekeliling mereka mampu berperanan secara efektif sebagai medium yang dapat membantu mereka memperoleh maklumat tentang program pemulihan akhlak. Justeru, usaha menyebarluaskan maklumat dan program-program yang dijalankan bagi pesalah seks remaja di institusi pemulihan akhlak hendaklah dipergiatkan lagi oleh segenap lapisan masyarakat agar dapat menambat kepercayaan masyarakat terhadap usaha-usaha yang dilakukan. Malah, program pemulihan akhlak bagi pesalah seks ini boleh diwacanakan secara terbuka di televisyen mahupun media sosial supaya masyarakat mengetahui mengenai program ini dan keberkesanannya dalam membantu pesalah seks untuk berubah.

Jadual 4.4 Matlamat Program Pemulihan Akhlak

<b>Perkara</b>	<b>1 STS N (%)</b>	<b>2 TS N (%)</b>	<b>3 TP N (%)</b>	<b>4 S N (%)</b>	<b>5 SS N (%)</b>	<b>Min</b>
Saya tahu terdapat program pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia.	10 (2.4)	21 (5.0)	55 (13.2)	145 (34.9)	185 (44.5)	4.14
Program pemulihan akhlak ialah suatu program pemulihan sosial yang bertujuan memulihkan masalah tingkah laku individu dari sudut fizikal (luaran) dan spiritual (dalaman).	7 (1.7)	3 (0.7)	17 (4.1)	144 (34.6)	245 (58.9)	4.48
Saya jelas akan fungsi dan matlamat sebenar program pemulihan akhlak dijalankan.	5 (1.2)	17 (4.1)	71 (17.1)	169 (40.6)	154 (37.0)	4.08
Penubuhan institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional (penjara) adalah bertujuan untuk menggalakkan lagi kes jenayah dan salah laku seksual.	37 (8.9)	41 (9.9)	34 (8.2)	85 (20.4)	219 (52.6)	3.98
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.17</b>

Sumber: Data kajian.

Seterusnya dari aspek matlamat program pemulihan akhlak, dapatan kajian dalam jadual 4.4 merekodkan skor min yang tinggi bagi keseluruhan item iaitu 4.17. Tiga item merekodkan skor min yang tinggi iaitu 4.14, 4.48 dan 4.08, manakala satu item lagi adalah sederhana tinggi, 3.98. Berdasarkan analisis yang dibuat, kajian mengenal pasti sebahagian besar responden mengetahui kewujudan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia. Analisis juga menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa program pemulihan akhlak mampu memulihkan masalah tingkah laku pesalah

seks remaja dari aspek fizikal dan spiritual. Hal ini dapat dibuktikan melalui catatan skor min tertinggi pada item tersebut iaitu 4.48.

Dapatan di atas turut disokong oleh Nurul Husna Mansor et al. dalam kajian mereka bahawa pengisian yang terkandung dalam Modul Kurikulum Pendidikan Islam mampu memberikan kesan yang baik terhadap kekuatan fizikal dan spiritual pesalah seks remaja. Ia mampu menyemai perasaan cinta dan takut kepada Tuhan sekali gus menjadikan mereka sentiasa berwaspada daripada melakukan maksiat.<sup>168</sup> Selain itu, aktiviti-aktiviti seperti senamrobik, riadah, sukan, kawad kaki dan gotong-royong juga mampu melahirkan anggota badan yang sihat dan cergas, akal yang cerdas serta membentuk disiplin yang tinggi dalam kalangan pesalah.<sup>169</sup> Tegasnya, kajian memperlihatkan program pemulihan akhlak yang menggunakan pelbagai pendekatan seperti keagamaan, kaunseling, kemahiran dan seumpamanya berupaya memberikan kesan yang positif kepada pesalah.<sup>170</sup>

Di samping itu, lebih daripada separuh jumlah responden didapati mengetahui dengan jelas tentang fungsi dan matlamat sebenar program pemulihan akhlak dijalankan. Perkara ini dapat diteliti melalui skor min yang tinggi, 4.08 serta komentar daripada beberapa orang responden tentang program pemulihan akhlak:

*“Program pemulihan akhlak ini merupakan program yang baik dan perlu diteruskan.”*

*“Bagi saya program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja adalah suatu program yang baik kerana ia bersifat mengubati.”*

---

<sup>168</sup> Nurul Husna Mansor et al., “Implementasi Ibadah Islam Sebagai Terapi Salah Laku Seksual Remaja: Kajian Terhadap Pusat Perlindungan Wanita Terpilih di Selangor,” 2016.

<sup>169</sup> Nurul Husna Mansor et al., “Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah,” 2017.

<sup>170</sup> Nurul Husna Mansor dan Khairul Hamimah Mohamad. Jodi, “Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih di Pusat Perlindungan Terpilih,” 2020.

*“Saya rasa program yang dijalankan sudah memadai untuk memulihkan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia.”*

Seterusnya, item keempat mencatatkan skor min sederhana tinggi iaitu 3.98. Ia menggambarkan tindak balas responden yang agak keliru dan tidak pasti terhadap pernyataan “Penubuhan institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional (penjara) adalah bertujuan untuk menggalakkan lagi kes jenayah dan salah laku seksual.” Hal ini terjadi mungkin disebabkan oleh wujudnya tafsiran negatif dalam kalangan sesetengah masyarakat terhadap institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional (penjara) yang sememangnya menjadi tempat menghuni bagi pesalah akhlak dan moral, walaupun sebenarnya dapatan kajian ini memperlihatkan majoriti responden mempunyai tahap penguasaan yang baik terhadap fungsi dan matlamat program pemulihan akhlak itu dijalankan.<sup>171</sup>

Justeru, secara keseluruhannya kajian mendapati masyarakat Muslim di Selangor mengetahui dengan jelas tentang fungsi dan matlamat sebenar program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dijalankan. Proses pemulihan dan pembangunan rohani manusia bukan sahaja bertujuan untuk menyemai sifat khauf kepada Allah SWT, malah ia bermatlamat untuk melahirkan generasi pada masa hadapan yang mampu menyumbang manfaat kepada agama, masyarakat dan negara.<sup>172</sup>

---

<sup>171</sup> Nurul Husna Mansor dan Khairul Hamimah Mohamad. Jodi, “Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih di Pusat Perlindungan Terpilih,” 2020.

<sup>172</sup> Fairus Ridzuan Abd Jalil, “Pembangunan Rohani Menurut Perspektif Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī dalam Kitab al-Nafs wa al-Rūḥ wa Sharḥ Quwāhūmā: Satu Cadangan Penyelidikan” (makalah, Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS), 2014).

Jadual 4.5 Platform Program Pemulihan Akhlak

<b>Perkara</b>	<b>1 STS N (%)</b>	<b>2 TS N (%)</b>	<b>3 TP N (%)</b>	<b>4 S N (%)</b>	<b>5 SS N (%)</b>	<b>Min</b>
Saya tahu program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dijalankan oleh pihak kerajaan.	27 (6.5)	34 (8.2)	95 (22.8)	138 (33.2)	122 (29.3)	3.71
Saya tahu program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dijalankan oleh badan bukan kerajaan (NGO).	16 (3.8)	23 (5.5)	75 (18.0)	158 (38.0)	144 (34.6)	3.94
Saya tahu program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dijalankan oleh pihak persendirian.	45 (10.8)	58 (13.9)	135 (32.5)	97 (23.3)	81 (19.5)	3.27
Saya tahu melalui program pemulihan di institusi, pesalah seks remaja akan ditempatkan sama ada di institusi pemulihan akhlak atau pusat koreksional (penjara).	23 (5.5)	36 (8.7)	91 (21.9)	146 (35.1)	120 (28.8)	3.73
Saya tahu melalui program pemulihan dalam komuniti, pesalah seks remaja	37 (8.9)	61 (14.7)	147 (35.3)	104 (25.0)	67 (16.1)	3.25

dibenarkan untuk tinggal bersama dengan keluarga masing-masing.						
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.58</b>

Sumber: Data kajian.

Merujuk kepada jadual 4.5 di atas, aspek platform program pemulihan akhlak pula mendapat skor min sederhana tinggi iaitu 3.58. Analisis kajian mendapati kelima-lima item mencatatkan skor min sederhana tinggi iaitu 3.71, 3.94, 3.27, 3.73 dan 3.25. Hal ini secara jelas menggambarkan responden masih tidak mencapai tahap kefahaman dan penguasaan terhadap aspek platform program pemulihan akhlak. Pada item pertama dan kedua, kebanyakan responden mengetahui program pemulihan akhlak dijalankan oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan, manakala bagi item ketiga pula, majoriti responden memilih skala tidak pasti bagi pernyataan “Saya tahu program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja dijalankan oleh pihak persendirian.” Hal ini mungkin disebabkan oleh pusat pemulihan akhlak yang dikendalikan oleh pihak persendirian masih kurang dikenali.

Secara perbandingan, majoriti responden bersetuju bahawa pesalah seks remaja ditempatkan di institusi pemulihan akhlak atau pusat koreksional (penjara) melalui program pemulihan akhlak di institusi berbanding dengan program pemulihan akhlak dalam komuniti. Analisis mendapati sebahagian besar responden tidak pasti bahawa pesalah seks remaja dibenarkan untuk tinggal bersama dengan keluarga masing-masing. Perkara ini jelas menunjukkan responden tidak mengetahui tentang program pemulihan akhlak dalam komuniti. Ia disebabkan oleh program pemulihan akhlak di institusi yang lebih dikenali umum kerana penubuhan pusat perlindungan wanita telah wujud bermula sejak 58 tahun yang lalu lagi.<sup>173</sup> Walau bagaimanapun, kedua-dua item ini memperlihatkan responden masih tidak memperoleh tahap pengetahuan yang baik

---

<sup>173</sup> Nor Jana Saim, “Social Support, Coping, Resilience and Mental Health in Malaysian Unwed Young Pregnant Women and Young Mothers Their Experiences While Living in a Shelter Home,” 2013.

dengan skor min sederhana tinggi. Ia terjadi kerana masyarakat masih kurang pendedahan tentang program pemulihan akhlak di institusi dan dalam komuniti.

Menurut Noor Hisham Md Nawi dan Nurul Hudani Md Nawi dalam buku Wacana Falsafah Ilmu: Dinamika dan Perspektif menyatakan, pengetahuan terbina melalui proses pembelajaran tidak kira secara formal atau tidak formal, menerusi peristiwa, cerita dan pengalaman diri iaitu bagaimana seseorang mengetahui tentang sesuatu fenomena, perkara atau fakta tertentu yang tiba pada dirinya.<sup>174</sup> Tambahan lagi, kebiasaannya pengetahuan dapat diperolehi dan ditingkatkan melalui pendedahan terhadap ilmu dan maklumat baru menerusi aktiviti secara fizikal seperti ceramah, kelas, forum dan seumpamanya. Selain itu, ia juga boleh diperoleh melalui platform alam maya seperti televisyen, radio, internet, buku dan surat khabar secara atas talian. Justeru itu, pendedahan tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia sewajarnya ditingkatkan dari semasa ke semasa agar maklumat berkenaan sampai kepada segenap lapisan masyarakat di Malaysia.

Secara umumnya, program pemulihan akhlak di Malaysia dilaksanakan menerusi dua platform iaitu di institusi dan dalam komuniti.<sup>175</sup> Berhubung program pemulihan di institusi, remaja yang terbabit akan diletakkan di pusat perlindungan wanita, pusat koreksional atau institusi pemulihan akhlak agar setiap perkembangan dan pergerakan mereka sentiasa terjaga. Hal ini bagi memastikan mereka tidak dipengaruhi oleh persekitaran luar yang boleh mendorong diri mereka melakukan jenayah yang sama lagi. Di samping itu, pemulihan dalam komuniti pula pesalah juvana diberikan peluang untuk menetap bersama dengan keluarga mereka. Walau bagaimanapun, gerak geri mereka akan sentiasa dipantau dan diawasi oleh pegawai lantikan JKMM.

---

<sup>174</sup> Noor Hisham Md Nawi dan Nurul Hudani Md Nawi, *Wacana Falsafah Ilmu: Dinamika dan Perspektif*, 2016.

<sup>175</sup> Siti Marziah Zakaria dan Nur Afifah Binti Zulkifli, “Pengalaman Remaja di Rumah Perlindungan dan Perubahan dalam Makna Hidup,” *Journal of Social Sciences and Humanities* 3, (2017), 1-11.

Rata-rata pusat perlindungan wanita dan institusi pemulihan akhlak yang ditubuhkan dikelola oleh pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan persendirian. Antaranya ialah Raudhatus Sakinah (JIM), Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (MAIS), Kem Modal Insan Kewaja (MAIS), Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah (ABIM), Taman Seri Puteri (JKMM), Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman (MAIS), Asrama Akhlak (JKMM), Jabatan Penjara Malaysia (JPM), Rumah Puteri Arafiah (PERKAWANIS), Rumah Perlindungan Baitus Solehah, Rumah Perlindungan Baitul Fiqh, Dar Assaadah (MAIWP), Sekolah Harapan Rumah Harapan (MAIM) dan lain-lain lagi.

Jadual 4.6 Bentuk-bentuk Program Pemulihan Akhlak

<b>Perkara</b>	<b>1 STS N (%)</b>	<b>2 TS N (%)</b>	<b>3 TP N (%)</b>	<b>4 S N (%)</b>	<b>5 SS N (%)</b>	<b>Min</b>
Saya tahu terdapat dua bentuk program pemulihan akhlak di Malaysia iaitu program pemulihan di institusi dan program pemulihan berasaskan komuniti.	40 (9.6)	54 (13.0)	128 (30.8)	111 (26.7)	83 (20.0)	3.34
Program pemulihan akhlak menekankan aspek keagamaan dalam proses pemulihan pesalah.	1 (0.2)	3 (0.7)	32 (7.7)	149 (35.8)	231 (55.5)	4.46
Saya tahu program pemulihan akhlak menekankan aspek bimbingan dan kaunseling dalam proses pemulihan pesalah.	1 (0.2)	4 (1.0)	18 (4.3)	169 (40.6)	224 (53.8)	4.47
Saya tahu program pemulihan akhlak menekankan aspek kemahiran dan latihan vokasional	8 (1.9)	26 (6.3)	73 (17.5)	159 (38.2)	150 (36.1)	4.00

dalam proses pemulihan pesalah.						
Saya tahu program pemulihan akhlak menekankan aspek pembangunan fizikal dan sosial dalam proses pemulihan pesalah.	3 (0.7)	14 (3.4)	49 (11.8)	175 (42.1)	175 (42.1)	4.21
Saya tahu program pemulihan akhlak menekankan aspek pendidikan dalam proses pemulihan pesalah.	5 (1.2)	5 (1.2)	47 (11.3)	177 (42.5)	182 (43.8)	4.26
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.13</b>					

Sumber: Data kajian.

Berdasarkan jadual 4.6, aspek bentuk program pemulihan akhlak memperoleh skor min keseluruhan yang tinggi sebanyak 4.13. Analisis keseluruhan memperlihatkan majoriti responden mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang bentuk program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Dapatan ini dapat dibuktikan melalui skor min yang tinggi pada item kedua 4.46, ketiga 4.47, keempat 4.00, kelima 4.21 dan keenam 4.26. Walaupun begitu, satu item sahaja yang merekodkan skor min sederhana tinggi iaitu 3.34. Merujuk kepada item pertama, kebanyakan responden berpendapat mereka tidak pasti wujud dua bentuk program pemulihan akhlak di Malaysia iaitu program pemulihan di institusi dan program pemulihan berasaskan komuniti. Hal yang demikian bertepatan dengan dapatan pada item keempat dan kelima dalam aspek platform program pemulihan akhlak di atas. Oleh itu, semua lapisan masyarakat harus memainkan peranan dalam usaha menyebarkan kesedaran dan pengetahuan tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia melalui platform media massa dan seumpamanya.

Seterusnya, majoriti responden bersetuju bahawa program pemulihan akhlak menekankan aspek keagamaan dalam proses pemulihan pesalah seks remaja. Hal ini turut

disokong oleh Noor Hafizah,<sup>176</sup> Nurul Husna,<sup>177</sup> Siti Jamiaah,<sup>178</sup> Siti Marziah dan Nur Afifah<sup>179</sup> dalam kajian mereka bahawa aspek keagamaan ini merupakan aspek yang amat penting dalam membantu proses pemulihan pesalah seks sehingga ia berjaya membawa kepada perubahan yang positif dari aspek spiritual dan fizikal mereka. Tambahan lagi, menurut pegawai agama di JKM Putrajaya, pelaksanaan program agama secara berterusan berhasil membantu proses pemulihan jiwa pesalah.<sup>180</sup>

Selain itu, penekanan terhadap aspek bimbingan dan kaunseling, kemahiran dan latihan vokasional, pembangunan fizikal dan sosial serta pendidikan juga mencatatkan min yang tinggi dengan skor 4.47, 4.00, 4.21 dan 4.26. Sebahagian besar responden mengakui program pemulihan akhlak menekankan keempat-empat aspek tersebut dalam proses pemulihan akhlak pesalah seks remaja. Hal ini juga membuktikan secara keseluruhannya responden menguasai maklumat tentang bentuk-bentuk program pemulihan akhlak yang dijalankan. Jelasnya, dapatan ini selari dengan silibus yang dilaksanakan di institusi-institusi pemulihan akhlak seperti Dār al-Sā‘ādah, Baitul Ehsan, Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan seumpamanya yang juga menekankan aspek bimbingan dan kaunseling, kemahiran dan latihan vokasional, pembangunan fizikal dan sosial serta pendidikan dalam proses pemulihan akhlak pesalah seks remaja.<sup>181</sup>

---

<sup>176</sup> Noor Hafizah Mohd Haridi, “Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanannya” 2016.

<sup>177</sup> Nurul Husna Mansor, “Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah,” 2016.

<sup>178</sup> Siti Jamiaah Abdul Jalil, “Pengaruh Program Keagamaan dan Sokongan Sosial Terhadap Konsep Kendiri, Kebimbangan dan Kemurungan: Kajian dalam Kalangan Banduan Wanita di Malaysia” 2017.

<sup>179</sup> Siti Marziah Zakaria dan Nur Afifah Binti Zulkifli, “Pengalaman Remaja di Rumah Perlindungan dan Perubahan dalam Makna Hidup,” 2017.

<sup>180</sup> Jamal Zaidi Ismail (Pegawai Agama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Menara Tun Hussain Ali, Kuala Lumpur) dalam temubual dengan penulis, 10 Mac 2011 di dalam Noor Hafizah Mohd Haridi, “Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanannya” 2016.

<sup>181</sup> Silibus Dār al-Sā‘ādah-Kelas Kemahiran (Jahitan), (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2011). Modul Transformasi Ehsan, Baitul Ehsan, 2014. Nurul Husna Mansor dan Khairul Hamimah Mohamad. Jodi, “Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih di Pusat Perlindungan Terpilih,” 2020. Darussalam Budin, “Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan dan Cabaran,” 2014.

Jadual 4.7 Peraturan Program Pemulihan Akhlak

<b>Perkara</b>	<b>1 STS N (%)</b>	<b>2 TS N (%)</b>	<b>3 TP N (%)</b>	<b>4 S N (%)</b>	<b>5 SS N (%)</b>	<b>Min</b>
Masyarakat perlu mematuhi syarat-syarat perjanjian yang telah ditetapkan oleh pihak bertanggungjawab sepanjang tempoh pemulihan pesalah seks remaja.	1 (0.2)	8 (1.9)	44 (10.6)	147 (35.3)	216 (51.9)	4.37
Saya tahu tempoh pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja perlu dilaksanakan dalam jangka masa tertentu yang telah ditetapkan.	8 (1.9)	11 (2.6)	57 (13.7)	155 (37.3)	185 (44.5)	4.20
Saya tahu akta atau undang-undang yang mensabitkan kesalahan jenayah seksual dalam kalangan remaja.	10 (2.4)	11 (2.6)	41 (9.9)	166 (39.9)	188 (45.2)	4.23
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.26</b>					

Sumber: Data kajian.

Akhir sekali, aspek peraturan program pemulihan akhlak mencatatkan skor min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.26. Bukan itu sahaja, malah min bagi setiap item juga merekodkan min yang tinggi dengan skor masing-masing 4.37, 4.20 dan 4.23. Analisis secara terperinci mendapat pengetahuan responden tentang peraturan dan syarat yang ditetapkan sepanjang pesalah mengikuti program pemulihan akhlak adalah tinggi. Perkara ini dapat dilihat pada dapatan kajian sebanyak 51.9% responden sangat bersetuju bahawa masyarakat perlu mematuhi syarat-syarat perjanjian yang telah ditetapkan oleh pihak institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional (penjara) sepanjang tempoh pemulihan pesalah.

Selain itu, majoriti responden sangat bersetuju bahawa pesalah seks remaja perlu melalui tempoh pemulihan tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak bertanggungjawab. Tambahan pula, lebih daripada separuh jumlah responden juga mengakui terdapat akta atau undang-undang yang mensabitkan kesalahan jenayah seksual dalam kalangan remaja. Hal yang demikian secara tidak langsung menunjukkan kebanyakan responden mempunyai pengetahuan yang baik tentang akta atau undang-undang yang mensabitkan kesalahan jenayah seksual dalam kalangan remaja.

Merujuk kepada tempoh pemulihan pelatih, setiap institusi pemulihan akhlak mempunyai tempoh menghuni yang berbeza mengikut perjanjian bertulis yang telah dipersetujui bersama. Contohnya di Taman Seri Puteri Cheras, tempoh pemulihan maksimum bagi pelatih ialah selama tiga tahun. Namun begitu, mereka boleh dibebaskan lebih awal dengan syarat telah menghuni TSPC sekurang-kurangnya bagi tempoh 12 bulan serta mendapat kelulusan daripada Lembaga Pelawat. Berhubung syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh masyarakat sepanjang tempoh pemulihan pula antaranya ialah ibu bapa tidak dibenarkan membawa pulang pelatih selagi tempoh pemulihan belum tamat.<sup>182</sup> Hal yang demikian penting bagi memastikan mereka benar-benar mengikuti proses pemulihan dengan konsisten dan berkesan.

#### **4.4 Analisis Sikap Responden**

Pada bahagian ini, aspek sikap dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu sikap terhadap manfaat program, sikap terhadap platform program dan sikap terhadap peranan pihak bertanggungjawab. Berikut ialah statistik secara keseluruhan bagi sikap masyarakat Muslim di Selangor tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

---

<sup>182</sup> Nurul Husna Mansor, “Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah,” 2016, 205.

Jadual 4.8 Statistik Deskriptif Sikap

N= 416

Pemboleh ubah	Aspek	Min	Tafsiran Min
Sikap	Manfaat Program	4.13	Tinggi
	Platform Program	3.20	Sederhana Tinggi
	Peranan Pihak Bertanggungjawab	4.31	Tinggi
<b>Keseluruhan Min</b>		<b>3.85</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Sumber: Data kajian.

Berdasarkan jadual 4.8 di atas, keputusan statistik memperlihatkan sikap masyarakat Muslim pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan skor min keseluruhan (N=416, min=3.85). Sikap mereka terhadap aspek manfaat program pemulihan akhlak mencatatkan skor min 4.13, platform program 3.20 dan peranan pihak pengurusan 4.31. Statistik memperlihatkan min tertinggi pada aspek peranan pihak bertanggungjawab manakala min paling rendah adalah berkaitan dengan platform program pemulihan akhlak dijalankan. Jadual 4.9 di bawah ini mempersempahkan dapatan keseluruhan sikap responden terhadap manfaat program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja:

Jadual 4.9 Manfaat Program Pemulihan Akhlak

Perkara	1 STS N (%)	2 TS N (%)	3 TP N (%)	4 S N (%)	5 SS N (%)	Min
Saya sedar bahawa program pemulihan akhlak adalah perlu sebagai suatu proses rawatan fizikal dan spiritual kepada pesalah seks remaja.	1 (0.2)	4 (1.0)	14 (3.4)	130 (31.3)	267 (64.2)	4.58
Saya percaya proses pemulihan dari aspek fizikal (luaran) dapat menjamin kesihatan tubuh	10 (2.4)	58 (13.9)	166 (39.9)	182 (43.8)	-	3.25

badan yang baik bagi pesalah.						
Saya percaya proses rawatan dari aspek spiritual (dalaman) mampu membantu memulihkan akhlak pesalah.	2 (0.5)	5 (1.2)	22 (5.3)	139 (33.4)	248 (59.6)	4.50
Saya menilai program pemulihan akhlak adalah baik dan bermanfaat bagi pesalah seks remaja.	2 (0.5)	3 (0.7)	27 (6.5)	151 (36.3)	233 (56.0)	4.47
Saya percaya pengisian yang terkandung di dalam program pemulihan akhlak mampu memberikan kesan yang baik terhadap aspek akhlak dan tingkah laku pesalah.	4 (1.0)	43 (10.3)	153 (36.8)	216 (51.9)	-	3.40
Saya sedar tindakan menghantar pesalah seks remaja mengikuti program pemulihan akhlak adalah pilihan yang tepat dan wajar.	5 (1.2)	1 (0.2)	19 (4.6)	114 (27.4)	277 (66.6)	4.58
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.13</b>

Sumber: Data kajian.

Merujuk jadual 4.9 di atas, secara keseluruhannya sikap responden terhadap manfaat program pemulihan akhlak memperoleh skor min yang tinggi iaitu 4.13. Jika diperhatikan secara terperinci, empat item merekodkan skor min yang tinggi iaitu 4.58, 4.50, 4.47 dan 4.58. Sebaliknya, dua item sahaja yang memperoleh skor min sederhana tinggi iaitu 3.25 dan 3.40. Tambahan lagi, skala sangat setuju bagi item pertama, ketiga, keempat dan keenam telah mendominasi jumlah peratusan responden tertinggi, manakala item kedua dan kelima pula memperoleh peratusan tertinggi pada skala setuju. Secara

keseluruhan, ia secara jelas menggambarkan majoriti responden mempunyai sikap dan penilaian yang positif terhadap manfaat program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

Dapatkan ini bertepatan dengan kajian-kajian lepas yang memperlihatkan manfaat dan keberkesanan program pemulihan akhlak terhadap pesalah seks remaja. Antara contohnya dalam kajian Khairul Hamimah dan Nurul Husna, pengisian modul yang digunakan bersifat menyeluruh meliputi aspek pembangunan rohani, intelek, jasmani dan emosi. Pengisian keagamaan yang dilaksanakan pula mencakupi tiga aspek akidah, ibadah dan akhlak. Kajian mendapati pengisian keagamaan tersebut bukan sahaja dapat diterima baik oleh pelatih institusi pemulihan akhlak, malah mereka juga menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif.<sup>183</sup>

Kajian lain pula memperlihatkan program pemulihan akhlak di institusi yang menggunakan pelbagai pendekatan seperti bimbingan dan kauseling telah memberikan kesan yang positif kepada pelatih. Pendekatan bimbingan dan kaunseling yang diberikan telah menunjukkan impak kepada pembangunan diri yang semakin positif dalam diri pelatih. Ianya merangkumi pembangunan diri yang seimbang dari aspek kerohanian, intelektual, emosi dan akhlak.<sup>184</sup> Contoh pendekatan yang lain berbentuk latihan vokasional dan kelas kemahiran seperti kelas masakan, kraf tangan, jahitan, keusahawanan, komputer, pertanian dan seumpamanya dapat memberikan nilai tambah dan kepakaran kepada diri pelatih. Bukan itu sahaja, aktiviti pembangunan kemahiran sosial berkenaan juga dapat membentuk disiplin dan jati diri pelatih menerusi pengendalian peralatan jahitan.<sup>185</sup>

---

<sup>183</sup> Khairul Hamimah Mohd Jodi dan Nurul Husna Mansor, “Kesediaan Remaja Hamil Luar Nikah terhadap Program Kerohanian di Pusat Perlindungan Wanita,” *Islamiyyat* 41, no. 1 (2019), 59-68.

<sup>184</sup> Nurul Husna Mansor dan Khairul Hamimah Mohamad. Jodi, “Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih di Pusat Perlindungan Terpilih,” 2020

<sup>185</sup> Nurul Husna Mansor et al., “Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah,” 2017.

Jelasnya, aspek spiritual dan fizikal perlu diberikan penekanan bersama dalam proses pemulihan akhlak pesalah seks remaja. Pemulihan spiritual menekankan aspek mental dan hati manakala pemulihan fizikal menekankan aspek kesihatan tubuh badan yang baik, sihat dan cergas. Pemulihan fizikal juga berperanan membangunkan individu dengan kekuatan disiplin diri yang tinggi. Justeru, dalam usaha ke arah meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan manusia secara syumul, segala keperluan dan kepentingan unsur-unsur yang membentuk rohani dan jasmani manusia perlu diambil kira.<sup>186</sup>

Jadual 4.10 Platform Program Pemulihan Akhlak

<b>Perkara</b>	<b>1 STS N (%)</b>	<b>2 TS N (%)</b>	<b>3 TP N (%)</b>	<b>4 S N (%)</b>	<b>5 SS N (%)</b>	<b>Min</b>
Saya berpendapat tempoh pemulihan akhlak yang telah ditetapkan bagi pesalah seks remaja adalah wajar.	5 (1.2)	15 (3.6)	103 (24.8)	131 (31.5)	162 (38.9)	4.03
Saya menilai program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja lebih sesuai dijalankan di institusi pemulihan atau pusat koreksional (penjara).	10 (2.4)	18 (4.3)	103 (24.8)	141 (33.9)	144 (34.6)	3.94
Saya menilai program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja lebih sesuai dijalankan dalam komuniti.	22 (5.3)	41 (9.9)	159 (38.2)	119 (28.6)	75 (18.0)	3.44
Saya berpendapat pesalah seks remaja lebih sesuai mendapatkan khidmat bomoh	350 (84.1)	28 (6.7)	8 (1.9)	12 (2.9)	18 (4.3)	1.37

<sup>186</sup> “Pembangunan dan Alam Sekitar,” laman sesawang PRESSBOOKS, dicapai 31 Oktober 2019, <https://pengajianislam.pressbooks.com/chapter/pembangunan-dan-alam-sekitar/>.

atau nujum bagi tujuan pemulihan akhlak dan tingkah laku mereka.						
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.20</b>					

Sumber: Data kajian.

Seterusnya, analisis dari aspek sikap terhadap platform program pemulihan akhlak pula memperlihatkan skor min keseluruhan sederhana tinggi iaitu 3.20. Hal ini bermaksud sikap responden terhadap aspek platform program pemulihan akhlak berada pada skala tidak pasti. Bagi item pertama, majoriti responden sangat bersetuju bahawa tempoh pemulihan akhlak yang telah ditetapkan bagi pesalah seks remaja adalah wajar dengan memperoleh skor min tertinggi iaitu 4.03, manakala item kedua dan ketiga mencatatkan skor min sederhana tinggi dengan skor 3.94 dan 3.44. Sebaliknya, item keempat menunjukkan skor min yang rendah iaitu 1.37.

Di samping itu, sebahagian besar responden berpandangan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja lebih sesuai dijalankan di institusi pemulihan atau pusat koreksional (penjara), manakala kebanyakannya responden berpendapat tidak pasti berkenaan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja lebih sesuai dijalankan dalam komuniti. Walau bagaimanapun, kedua item berkenaan masih dalam keadaan tidak pasti dengan skor min sederhana tinggi. Perkara ini tidak kontra dengan dapatan dalam aspek pengetahuan tentang platform dan bentuk program pemulihan akhlak yang memperlihatkan majoriti responden masih keliru dengan kedua-dua item tersebut. Ia secara jelas menunjukkan responden masih kurang pengetahuan dan pendedahan tentang program pemulihan di institusi dan dalam komuniti.

Berdasarkan analisis daripada ketiga-tiga item di atas, ia secara tidak langsung telah menyanggah pernyataan pada item keempat iaitu “Saya berpendapat pesalah seks remaja lebih sesuai mendapatkan khidmat bomoh atau nujum bagi tujuan pemulihan akhlak dan tingkah laku mereka.” Dapatan kajian memperlihatkan majoriti responden sangat tidak

bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ringkasnya, masyarakat Muslim di Selangor menolak perkhidmatan bomoh atau nujum bagi tujuan pemulihan dan masih keliru terhadap kesesuaian program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja sama di institusi atau dalam komuniti.

Jadual 4.11 Peranan Pihak Bertanggungjawab

<b>Perkara</b>	<b>1 STS N (%)</b>	<b>2 TS N (%)</b>	<b>3 TP N (%)</b>	<b>4 S N (%)</b>	<b>5 SS N (%)</b>	<b>Min</b>
Saya bersedia memberikan kerjasama kepada pihak bertanggungjawab untuk menjalankan program pemulihan akhlak terhadap pesalah seks remaja.	4 (1.0)	5 (1.2)	69 (16.6)	141 (33.9)	197 (47.4)	4.25
Saya percaya pihak bertanggungjawab menjalankan tugasnya membantu memulihkan fizikal dan spiritual pesalah dengan sangat baik.	1 (0.2)	3 (0.7)	42 (10.1)	165 (39.7)	205 (49.3)	4.37
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.31</b>					

Sumber: Data kajian.

Merujuk kepada jadual 4.11 di atas, sikap terhadap peranan pihak bertanggungjawab seperti institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional (penjara) merekodkan skor min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.31. Analisis secara keseluruhan menyimpulkan responden menunjukkan sikap dan penilaian yang positif terhadap peranan pihak bertanggungjawab. Perkara ini dapat dibuktikan dengan merujuk kepada skor min yang tinggi bagi kedua-dua item dalam aspek ini iaitu 4.25 dan 4.37. Tambahan lagi, majoriti responden sangat bersedia untuk memberikan kerjasama kepada pihak bertanggungjawab menjalankan program pemulihan akhlak terhadap pesalah seks remaja.

Begitu juga dengan item kedua, "Saya percaya pihak bertanggungjawab menjalankan tugasnya membantu memulihkan fizikal dan spiritual pesalah dengan sangat

baik,” lebih separuh daripada jumlah responden bersetuju memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada pihak bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas mereka dalam membantu proses pemulihan pesalah seks remaja berjalan dengan baik. Dapatan ini turut diperakui oleh kajian Nurul Husna Mansor et al. bahawa institusi pemulihan akhlak seperti Baitul Ehsan dan Kompleks Dār al-Sa‘ādah dilihat berperanan secara aktif dalam usaha memberikan perlindungan fizikal serta membaik pulih diri pelatihnya. Tambah lagi, proses pemulihan akhlak pelatih juga dikenal pasti berjalan dengan baik melalui pelbagai pendekatan yang dilaksanakan oleh pihak institusi.<sup>187</sup>

Menyentuh perbincangan tanggungjawab sosial masyarakat terhadap golongan remaja, masyarakat berperanan dalam membentuk peribadi dan sahsiah anak-anak remaja yang lebih baik.<sup>188</sup> Dalam konteks kajian ini, perkara tersebut bukan sahaja menjadi tanggungjawab pihak institusi pemulihan tetapi ia juga menjadi tanggungjawab golongan masyarakat yang lain seperti ibu bapa, guru-guru, jiran tetangga dan seumpamanya. Secara konsepnya, masyarakat ialah kelompok manusia yang tinggal bersama, saling bermuamalah dan kemudiannya membentuk norma serta budaya tertentu yang boleh dicirikan. Bukan itu sahaja, budaya tersebut juga haruslah berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lain.<sup>189</sup>

Berdasarkan kaedah Terapi Jaringan Kerja Pelbagai Jenis Perkhidmatan oleh Pelbagai Sektor Masyarakat (*Multisystemic Therapy* atau MST), keluarga berperanan penting dalam membantu proses pemulihan akhlak dan mengubah tingkah laku jenayah remaja. Terapi MST ini telah dibangunkan oleh Scott Henggeler pada tahun 1970. Terapi MST ini ialah suatu pendekatan intervensi pemulihan berdasarkan keluarga dan komuniti.

---

<sup>187</sup> Nurul Husna Mansor et al., “Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah,” 2017.

<sup>188</sup> Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf dan Fakhrul Adabi Abdul Kadir, “Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam,” 2020.

<sup>189</sup> Mohd Syariefudin Bin Abdullah et al., “Konsep Komuniti dan Perkembangannya: Suatu Tinjauan Kritikal Terhadap Penggunaannya,” 2017.

Ia digunakan sebagai salah satu rawatan pemulihan bagi remaja yang terbabit dengan kesalahan jenayah serius. Selain itu, terapi MST ini juga berperanan dalam mengatasi pelbagai punca risiko yang mendorong kepada tingkah laku antisosial pesalah juvana. MST berpandangan bahawa pemulihan yang berkesan dan efektif bagi remaja antisosial ini perlu melibatkan semua sistem sosial di sekelilingnya dengan memperkasakan peranan keluarga dan komuniti. Hal ini kerana menurut teori-teori sosial percaya bahawa ibu bapa dan keluarga berfungsi sebagai penggerak utama dalam membentuk konsep kendiri positif dan kesejahteraan emosi anak-anak.<sup>190</sup> Pendekatan MST ini bukan sahaja diamalkan di Malaysia, namun ia sudah lama dan banyak diamalkan di luar negara seperti Britain, Kanada dan Australia.<sup>191</sup>

Tambahan lagi, pendekatan terapi MST ini berkait rapat dengan Teori Ekologi Sosial yang mendasari kajian ini. Teori Ekologi Sosial yang dibangunkan oleh Bronfenbrenner ini melihat individu mendiami sebuah sistem yang mempunyai perkaitan rapat iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Terapi MST berpandangan tingkah laku jenayah juvana sangat berkait rapat dengan semua sistem sosial tersebut. Di samping itu, terapi MST yang berada dalam lingkungan ekologi keluarga ini bukan sahaja dapat mengekalkan penglibatan keluarga dalam proses pemulihan juvana malah membantu mereka dan keluarga mendapatkan perkhidmatan sosial dengan mudah. Menurut Schaeffer et al., permulaan tingkah laku antisosial remaja bermula daripada hubungan mereka dengan sistem sosial di sekeliling seperti ibu bapa, rakan-rakan, jiran tetangga dan seumpamanya.<sup>192</sup> Misalnya, remaja yang dikelilingi oleh ahli keluarganya yang pernah terjebak dengan jenayah sosial mempunyai risiko yang

<sup>190</sup> Siti Balqis Mohd Azam dan Nik Mohd Arif Nik Abdul Razak, “Terapi Pelbagai Sistem dalam Program Pemulihan Berasaskan Keluarga untuk Kanak-Kanak yang Berkonflik dengan Undang-undang; Kertas Konseptual,” *The Malaysian Journal of Social Administration* 14, no. 1 (2020), 115-137.

<sup>191</sup> Hezzrin Mohd Pauzi et al., “Faktor-faktor Pelaksanaan Program Pemulihan Akhlak yang Berkesan untuk Pesalah Kanak-Kanak,” Oktober 2016.

<sup>192</sup> Schaeffer, C. et al., “Multisystemic Therapy for Conduct Problems in Youth” in *Evidence-Based Psychotherapies for Children and Adolescents*, Weisz, J. R., & Kazdin, A. E. (Eds.) (New York: Guilford Press, 2010), 273-292.

tinggi untuk terbabit sama dengan jenayah tersebut. Justeru, terapi MST mencadangkan agar segala bentuk ikhtiar rawatan pemulihan juvana ini lebih tertumpu kepada faktor-faktor risiko yang terdapat dalam sistem sosial juvana tersebut iaitu dengan cara menyusun kembali persekitaran sosial remaja. Hal ini terbukti lebih berkesan berbanding dengan kaedah terapi individu dan pemulihan berasaskan institusi.<sup>193</sup>

Selain itu, pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu sama-sama menggembungkan tenaga dalam usaha melahirkan remaja yang ideal dengan menerapkan elemen seperti mengukuhkan kesedaran sosial yang tinggi dalam kalangan remaja melalui pemantapan jaringan kerjasama, perkongsian bijak (*smart partnership*) antara kerajaan dengan kerajaan, badan bukan kerajaan dan komuniti.<sup>194</sup> Sesungguhnya, masyarakat dan tanggungjawab sosial ini tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan. Aktiviti kemasyarakatan telah menjadi suatu kewajipan yang dituntut oleh Islam bertujuan mengeratkan lagi perpaduan sesama manusia serta membangunkan masyarakat dan negara yang unggul. Perkara ini selari dengan firman Allah SWT:

"يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًاٰ وَقَبَائِيلٍ لِتَعَارُفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ  
عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْرَأُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ" ١٣

Al-Hujurat 49:13

Terjemahan: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah maha mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."

<sup>193</sup> Siti Balqis Mohd Azam dan Nik Mohd Arif Nik Abdul Razak, "Terapi Pelbagai Sistem dalam Program Pemulihan Berasaskan Keluarga untuk Kanak-Kanak yang Berkonflik dengan Undang-undang; Kertas Konseptual," 2020.

<sup>194</sup> Nor Azlinda Nordin, "Peranan dan Tanggungjawab Masyarakat Terhadap Pencegahan Jenayah 'Cakna Pergaulan Anda'" (Pdf, Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Polis Diraja Malaysia Kontinjen Melaka, 2020).

Tegasnya, tiada jalan pintas bagi menangani gejala sosial dalam kalangan remaja khususnya salah laku seksual. Secara rumusan, golongan masyarakat seperti ibu bapa, keluarga, komuniti, kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu berperanan aktif dalam usaha pemulihan fizikal dan spiritual remaja. Islam bersifat lebih holistik dalam aspek menggalakkan tanggungjawab sosial kerana Islam menitikberatkan tanggungjawab kepada Allah, manusia dan makhluk-makhluk yang lain. Tambahan lagi, Islam juga menjadikan kepentingan akhirat sebagai tujuan utama dalam melaksanakan tanggungjawab melebihi kepentingan dunia.<sup>195</sup>

#### **4.5 Analisis Norma Subjektif**

Pada bahagian ini, aspek norma subjektif dipecahkan kepada dua bahagian iaitu pertama pengaruh sosial dan kedua pengaruh persekitaran. Pengaruh sosial merupakan individu yang mempengaruhi dan menyokong individu untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan sesuatu tingkah laku seperti ibu bapa, rakan sebaya dan jiran tetangga. Di samping itu, pengaruh persekitaran pula melibatkan faktor seperti pengaruh budaya, ekonomi, politik, agama dan seumpamanya. Berikut ialah statistik secara keseluruhan bagi aspek norma subjektif masyarakat Muslim di Selangor tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

Jadual 4.12 Statistik Deskriptif Norma Subjektif

N= 416

Pemboleh ubah	Aspek	Min	Tafsiran Min
Norma Subjektif	Pengaruh Sosial	4.34	Tinggi
	Pengaruh Persekutaran	3.98	Sederhana Tinggi
	<b>Keseluruhan Min</b>	<b>4.16</b>	<b>Tinggi</b>

Sumber: Data kajian.

<sup>195</sup> Azlinda Boheran Nudin, Che Su Mustaffa dan Mohd Khairie Ahmad, "Analisis Faktor dan Cabaran Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat Islam," *Journal of Social Sciences* 2, (2016), 75-86.

Merujuk jadual 4.12 di atas, keputusan statistik menunjukkan aspek norma subjektif adalah tinggi iaitu dengan mencatatkan skor min keseluruhan ( $N=416$ ,  $\text{min}=4.16$ ). Statistik memperlihatkan aspek pengaruh sosial memperoleh skor min yang tinggi iaitu 4.34 manakala pengaruh persekitaran adalah sederhana tinggi 3.98. Ia bermaksud pengaruh sosial mempunyai pengaruh yang lebih kuat berbanding pengaruh persekitaran dalam mempengaruhi tingkah laku responden terhadap program pemulihan akhlak. Jadual 4.13 di bawah ini memperlihatkan dapatan secara terperinci bagi norma subjektif pada aspek pengaruh sosial:

Jadual 4.13 Pengaruh Sosial

<b>Perkara</b>	<b>1 STS N (%)</b>	<b>2 TS N (%)</b>	<b>3 TP N (%)</b>	<b>4 S N (%)</b>	<b>5 SS N (%)</b>	<b>Min</b>
Bagi saya, keluarga merupakan institusi sosial yang paling kuat dalam menggalakkan pesalah seks remaja agar mengikuti program pemulihan akhlak.	4 (1.0)	3 (0.7)	20 (4.8)	94 (22.6)	295 (70.9)	4.62
Rakan sebaya adalah individu yang penting dalam memberikan sokongan kepada pesalah agar berubah ke arah akhlak yang lebih baik.	8 (1.9)	23 (5.5)	49 (11.8)	123 (29.6)	213 (51.2)	4.23
Pihak bertanggungjawab seperti kerajaan perlu menyarankan agar pesalah seks remaja menyertai program pemulihan akhlak sedia ada bagi tujuan pemulihan.	5 (1.2)	6 (1.4)	29 (7.0)	136 (32.7)	240 (57.7)	4.44
Jiran tetangga juga antara golongan yang berperanan dalam menyokong perubahan tingkah laku yang baik	16 (3.8)	25 (6.0)	59 (14.2)	130 (31.3)	186 (44.7)	4.07

dalam diri pesalah seks remaja.						
Media sosial seperti internet dan televisyen merupakan medium yang berpengaruh dalam mendorong keputusan individu sama ada ingin mengikuti program pemulihan akhlak atau sebaliknya.	10 (2.4)	15 (3.6)	30 (7.2)	124 (29.8)	237 (57.0)	4.35
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.34</b>					

Sumber: Data kajian.

Dapatan kajian dalam jadual 4.13 memperlihatkan aspek pengaruh sosial mencatatkan skor min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.34. Tidak kurang juga dengan kelima-lima item bagi aspek ini, masing-masing merekodkan skor min yang tinggi iaitu 4.62, 4.24, 4.44, 4.35 dan 4.07. Analisis secara terperinci mendapati skor min tertinggi ialah 4.62 pada item pertama iaitu “Bagi saya, keluarga merupakan institusi sosial yang paling kuat dalam menggalakkan pesalah seks remaja agar mengikuti program pemulihan akhlak.” Tambahan pula, sebahagian besar responden sangat bersetuju dengan item berkenaan. Perkara ini jelas menunjukkan walaupun keluarga merupakan kelompok masyarakat yang terkecil, namun ia mendatangkan pengaruh yang cukup signifikan dalam kehidupan manusia.<sup>196</sup> ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān menyatakan ibu bapa ialah individu yang sangat dominan dalam mencorakkan peribadi anak-anak sama ada baik atau buruk.

Menurut Muhammad Talhah Ajmain et al., keluarga berpengaruh dalam membangunkan sahsiah, nilai, sikap dan tingkah laku anak-anak. Islam melihat keluarga sebagai sebuah institusi sosial yang amat signifikan dalam mencorakkan generasi akan

---

<sup>196</sup> Noralina Omar, “Ekologi Keluarga dan Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Miskin di Malaysia” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016).

datang yang sejahtera.<sup>197</sup> Dalam kehidupan berkeluarga, ibu bapa perlu sentiasa membina interaksi sosial yang terbaik dengan anak-anak supaya kasih sayang daripada ibu bapa dapat disemai sekali gus membangun emosi yang sihat dalam diri anak-anak.<sup>198</sup> Walaupun pada asasnya tanggungjawab kepimpinan keluarga itu terletak pada kaum lelaki, namun kedua-dua ibu dan bapa mesti bersama berperanan bagi memastikan kejayaan pembentukan institusi ini. Justeru, ibu bapa seharusnya mempamerkan tingkah laku yang baik agar dapat membentuk sahsiah dan kehidupan anak-anak yang baik.

Seterusnya, pengaruh rakan sebaya dan pihak kerajaan juga perlu berfungsi dalam mendorong pesalah seks remaja agar mengikuti program pemulihan akhlak bagi tujuan pemulihan. Perkara ini dapat dilihat apabila lebih separuh daripada jumlah responden sangat mengakui kepentingan peranan rakan sebaya (51.2%) dan pihak kerajaan (57.7%) dengan mendominasi pemilihan skala sangat bersetuju tertinggi pada kedua-dua item tersebut. Kajian oleh Mariam, Nurul Zafirah dan Nurul Izzah mendapati rakan sebaya memberikan pengaruh yang besar dalam pembentukan sahsiah remaja. Hal ini kerana golongan remaja lebih gemar meluangkan waktu dengan rakan-rakannya sama ada di sekolah mahupun ketika di luar waktu persekolahan. Lazimnya, kewujudan persamaan dari aspek sikap, identiti diri dan tingkah laku menjadi asbab remaja lebih cenderung memilih rakan sebaya berbanding keluarga sendiri.<sup>199</sup> Walau bagaimanapun, Islam amat menitikberatkan pemilihan rakan yang baik bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT di dalam surah az-Zukhruf ayat 67:

---

<sup>197</sup> Muhammad Talhah Ajmain et al., “Tingkahlaku dan Peranan Institusi Keluarga dalam Membantu Ekonomi dan Masyarakat Lestari,” *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6, no. 3-2 (2020), 89-101.

<sup>198</sup> Mohamad Faizal Mohamad dan Mohd Zaki Ishak, “Gejala Hubungan Seks dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes,” (makalah, Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga, 2014).

<sup>199</sup> Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman dan Nurul Izzah Mohd Yani, “Faktor Penglibatan Remaja dalam Salah Laku Seksual: Kajian Terhadap Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Pemulihan Akhlak Selangor,” *Journal of Islamic and Contemporary Issues* 4, no. 2 (2019), 94-109.

Terjemahan: "Pada hari itu sahabat-sahabat karib setengahnya akan menjadi musuh kepada setengah yang lain kecuali orang-orang yang persahabatannya berdasarkan takwa (iman dan amal soleh)."

Analisis juga memperlihatkan sebahagian besar responden sangat bersetuju bahawa jiran merupakan antara golongan yang kuat dalam menyokong perubahan tingkah laku yang baik dalam diri pesalah. Rozmi et al. menjelaskan aspek sokongan sosial ini boleh membawa transformasi yang positif dalam diri pesalah sekali gus menyumbang pengurangan risiko residivisme dalam kalangan remaja yang pernah terbabit dengan kesalahan jenayah.<sup>200</sup> Berdasarkan pendekatan Terapi Pelbagai Sistem (*Multisystemic Therapy* atau MST), jiran berperanan membantu kanak-kanak yang disabitkan dengan kesalahan jenayah agar kekal dalam terapi yang telah dikenal pasti untuk mereka. Jiran juga merupakan salah satu sistem sokongan semula jadi yang bertindak sebagai pendorong kanak-kanak yang melakukan jenayah agar meneruskan rawatan sehingga tamat.<sup>201</sup>

Di samping itu, kajian mendapati media sosial turut berperanan dalam mempengaruhi tindakan individu terhadap sesuatu perkara. Dalam perkara ini, kebanyakan responden (57.0%) sangat bersetuju bahawa media sosial merupakan antara platform yang agak dominan dalam mempengaruhi keputusan individu untuk mengikuti program pemulihan akhlak atau sebaliknya. Kajian lepas membuktikan media sosial pada masa kini mendarangkan pengaruh yang besar kepada pembangunan diri remaja. Kemajuan teknologi yang semakin pesat membangun menjadikan kegunaannya semakin

<sup>200</sup> Rozmi et al., "Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekutaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja," *Akademika* 87, no. 1 (2017), 7-16.

<sup>201</sup> Siti Balqis Mohd Azam et al., "Terapi Pelbagai Sistem untuk Pemulihan Kanak-Kanak yang Disabitkan dengan Kesalahan Jenayah: Konsep, Andaian, Prinsip dan Intervensi," *The Malaysian Journal of Social Administration* 13, no. 1 (2018), 24-41.

penting dalam kehidupan manusia. Hal yang demikian kerana menerusi media sosial, banyak maklumat dapat diakses dan disebarluaskan dengan lebih mudah kepada masyarakat. Selain itu, komunikasi dan perkongsian maklumat juga sangat mudah diperolehi. Walau bagaimanapun, fungsi media sosial ini sama ada memberikan manfaat atau mendatangkan keburukan adalah bergantung kepada cara dan tujuan manusia menggunakannya.<sup>202</sup>

Tegasnya, setiap institusi sosial tidak kira sama ada keluarga, rakan sebaya, jiran tetangga mahupun kerajaan, masing-masing mempunyai peranan dan pengaruhnya dalam menyokong perubahan tingkah laku masyarakat yang lebih baik. Secara jelasnya, analisis kajian memperlihatkan aspek pengaruh sosial ini amat berpengaruh dalam kehidupan anak-anak remaja.

Jadual 4.14 Pengaruh Persekutaran

<b>Perkara</b>	<b>1 STS N (%)</b>	<b>2 TS N (%)</b>	<b>3 TP N (%)</b>	<b>4 S N (%)</b>	<b>5 SS N (%)</b>	<b>Min</b>
Lazimnya, amalan masyarakat Muslim di Malaysia menempatkan pesalah seks remaja di institusi pemulihan akhlak atau pusat koreksional (penjara) adalah kerana mahu menutup aib keluarga semata-mata.	41 (9.9)	65 (15.6)	124 (29.8)	85 (20.4)	101 (24.3)	3.34
Saya berpendapat agama Islam boleh mendorong pesalah seks remaja untuk berusaha memperbaiki akhlak dan tingkah laku.	1 (0.2)	2 (0.5)	16 (3.8)	57 (13.7)	340 (81.7)	4.76
Pemulihan akhlak boleh membantu pesalah seks remaja dari aspek penjagaan agama.	3 (0.7)	21 (5.0)	96 (23.1)	296 (71.2)	-	3.65

<sup>202</sup> Nurhamizah Hashim dan Asbah Razali, "Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibubapa dan Anak-anak," *Jurnal Komunikasi* 35, no. 4 (2019), 337-352.

Pemulihan akhlak boleh membantu pesalah seks remaja dari aspek penjagaan akal.	1 (0.2)	3 (0.7)	30 (7.2)	119 (28.6)	263 (63.2)	4.54
Pemulihan akhlak boleh membantu pesalah seks remaja dari aspek penjagaan kehormatan diri.	3 (0.7)	20 (4.8)	106 (25.5)	287 (69.0)	-	3.63
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.98</b>					

Sumber: Data kajian.

Dari aspek pengaruh persekitaran pula, dapatan kajian dalam jadual 4.14 merekodkan skor min keseluruhan sederhana tinggi bagi iaitu 3.98. Hal ini memberi gambaran bahawa responden masih tidak pasti aspek pengaruh persekitaran mampu mempengaruhi tingkah laku mereka terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Terdapat dua item yang mencapai skor min yang tinggi iaitu 4.54 pada item “Pemulihan akhlak boleh membantu pesalah seks remaja dari aspek penjagaan akal” dan 4.76 pada item “Saya berpendapat agama Islam boleh mendorong pesalah seks remaja untuk berusaha memperbaiki akhlak dan tingkah laku.” Dalam hal ini, ia jelas memperlihatkan majoriti responden (81.7%) sangat bersetuju bahawa Islam memainkan peranan yang sangat penting kepada usaha pemulihan akhlak yang lebih baik dalam kalangan pesalah seks remaja.

Di samping itu juga, lebih separuh daripada jumlah responden (63.2%) sangat menyokong pendapat bahawa pemulihan akhlak boleh membantu pesalah seks remaja dari aspek penjagaan akal. Dalam konteks kerohanian Islam, tunjang utama bagi proses pemulihan individu Muslim mestilah berpandukan akidah yang sahih. Penekanan terhadap aspek akidah dan keimanan kepada Allah SWT menjadi asas kepada pemulihan rohani. Al-Mawdūdī menegaskan kewujudan iman menjadi syarat kepada penghasilan tingkah laku yang baik seterusnya menghakis sifat-sifat tercela dalam diri manusia.<sup>203</sup>

---

<sup>203</sup> Al-Mawdūdī, Abu A‘la, *Mabādi’ al-Islām* (al-Maktabah al-Islāmī, tt).

Setiap individu Muslim sangat dituntut agar berakhhlak dengan akhlak yang mulia kerana Islam amat menitikberatkan keindahan akhlak. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah kepada umat manusia bagi menyempurnakan akhlak. Perkara ini disebut dalam sebuah hadis sahih daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَعْمَمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ".

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah berkata bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang baik.”<sup>204</sup>

Berdasarkan perbincangan *maqāṣid al-syarī‘ah*, lima keperluan hidup manusia yang utama perlu dijaga sebaiknya iaitu pertama menjaga agama, kedua menjaga nyawa, ketiga menjaga akal, keempat menjaga keturunan dan kelima menjaga harta. Berhubung perbincangan tentang aspek akal, Islam amat menitikberatkan penjagaan akal dan menegah umatnya daripada membabitkan diri dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan peranan akal seperti meminum arak dan menagih dadah. Hal ini kerana ia boleh membawa kebinasaan kepada diri, keluarga, masyarakat dan agama.<sup>205</sup> Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Māidah ayat ke-90:

"يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْحُمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَرْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَنِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ" ۹۰

al-Māidah 5:90

Terjemahaan: “Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan tenung nasib adalah semuanya keji daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhi supaya kamu berjaya.”

<sup>204</sup> Hadis riwayat Ahmad, no. Hadis 8952.

<sup>205</sup> Muhd Afiq Abd Razak dan Mohd Syukri Zainal Abidin, “Psikospiritual Islam Menurut Perspektif Maqasid Al-Syariah: Satu Sorotan Awal.” (Prosiding Seminar Antarabangsa Kaunseling Islam 2020 (SAKI 2018), Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan, 10-11 Mac 2020).

Walau bagaimanapun, tiga item yang lain mencapai skor min sederhana tinggi iaitu 3.34 pada item amalan masyarakat Muslim, 3.65 pada item aspek penjagaan agama dan 3.63 pada item aspek penjagaan kehormatan diri. Hal ini menggambarkan responden masih keliru dan tidak mencapai kefahaman yang baik terhadap ketiga-tiga item tersebut. Merujuk kepada item pertama, kebanyakan responden secara jelasnya tidak pasti terhadap perbuatan menghantar pesalah ke institusi pemulihan akhlak lazimnya adalah kerana ingin menutup aib keluarga semata-mata. Begitu juga dengan item ketiga dan kelima, rata-rata responden tidak pasti pemulihan akhlak boleh membantu pesalah seks remaja dari aspek penjagaan agama dan kehormatan diri.

Manusia merupakan sebaik-baik kejadian Allah SWT dan dikurniakan kehormatan diri yang perlu dipelihara dengan sebaiknya. Islam menganjurkan pemeliharaan kehormatan diri melalui sistem perkahwinan bagi menjamin keharmonian keturunan manusia seluruhnya. Justeru, Islam menegah umatnya daripada melakukan perkara-perkara yang haram seperti berzina dan seumpamanya kerana ia boleh merosakkan institusi kekeluargaan sekali gus meruntuhkan tamadun manusia.<sup>206</sup> Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-Isra' ayat ke-32:

٣٢ "وَلَا تَقْرِبُوا الرِّجَالَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا"

al-Isra' 17:32

Terjemahan: "Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang membawa kerosakan.

---

<sup>206</sup> Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa dan Wayu Nor Asikin Mohamad, "Peran Maqāṣid Syarī‘ah dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam di Malaysia," *ISLAM TRANSFORMATIF: Journal of Islamic Studies* 2, no.1, (2018), 35-46.

#### **4.6 Analisis Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkah Laku**

Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian dan statistik keseluruhan bagi aspek tanggapan terhadap kawalan tingkah laku yang merupakan salah satu daripada faktor-faktor yang mampu mempengaruhi tingkah laku individu. Jadual 4.15 di bawah merupakan statistik deskriptif bagi faktor tanggapan terhadap kawalan tingkah laku.

**Jadual 4.15 Statistik Deskriptif Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkah Laku**

<b>N= 416</b>		
<b>Pemboleh ubah</b>	<b>Min</b>	<b>Tafsiran Min</b>
Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkah Laku	3.61	Sederhana Tinggi
<b>Keseluruhan Min</b>	<b>3.61</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Sumber: Data kajian.

Merujuk jadual 4.15 di atas, keputusan statistik menunjukkan aspek tanggapan terhadap kawalan tingkah laku berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu dengan skor min keseluruhan ( $N=416$ ,  $\min=3.61$ ). Dapatan keseluruhan bagi faktor tanggapan terhadap kawalan tingkah laku dipersembahkan seperti di dalam jadual 4.16 berikut:

**Jadual 4.16 Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkah Laku**

<b>Perkara</b>	<b>1 STS N (%)</b>	<b>2 TS N (%)</b>	<b>3 TP N (%)</b>	<b>4 S N (%)</b>	<b>5 SS N (%)</b>	<b>Min</b>
Saya sedar pelaksanaan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia adalah memuaskan.	5 (1.2)	39 (9.4)	183 (44.0)	123 (29.6)	66 (15.9)	3.50
Saya menganggap pelaksanaan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks	3 (0.7)	20 (4.8)	136 (32.7)	141 (33.9)	116 (27.9)	3.83

remaja di Malaysia masih belum berkesan sepenuhnya.						
Saya sedar program pemulihan akhlak yang sedang dijalankan di Malaysia wajar diteruskan dan diperkasakan.	3 (0.7)	24 (5.8)	106 (25.5)	283 (68.0)	-	3.61
Saya menganggap program pemulihan akhlak yang dijalankan berupaya memulihkan fizikal pesalah seks remaja.	2 (0.5)	9 (2.2)	77 (18.5)	151 (36.3)	177 (42.5)	4.18
Saya menganggap program pemulihan akhlak yang dijalankan berupaya memulihkan spiritual pesalah seks remaja.	3 (0.7)	53 (12.7)	161 (38.7)	199 (47.8)	-	3.34
Saya percaya pihak yang bertanggungjawab mempunyai kebolehan mengendalikan program pemulihan akhlak dengan baik dan efisien.	6 (1.4)	50 (12.0)	160 (38.5)	200 (48.1)	-	3.33
Saya percaya pesalah seks remaja mampu mengikuti kesemua program pemulihan akhlak yang dijalankan dengan mudah dan lancar.	3 (0.7)	16 (3.8)	105 (25.2)	143 (34.4)	149 (35.8)	4.01
Saya menganggap pesalah seks remaja berpotensi untuk dirawat dan	1 (0.2)	29 (7.0)	131 (31.5)	255 (61.3)	-	3.54

dipulihkan kembali.						
Saya sedar masalah kewangan menjadi salah satu kekangan bagi pesalah seks remaja untuk menyertai program pemulihan akhlak.	12 (2.9)	29 (7.0)	113 (27.2)	103 (24.8)	159 (38.2)	3.88
Saya merasakan pelaksanaan program pemulihan akhlak di Malaysia lebih kepada ingin mengaut keuntungan semata-mata.	99 (23.8)	94 (22.6)	144 (34.6)	36 (8.7)	43 (10.3)	2.59
Saya sedar modul yang digunakan dalam proses pemulihan akhlak pesalah padat dengan pengisian yang bermanfaat dan berguna.	5 (1.2)	89 (21.4)	158 (38.0)	164 (39.4)	-	3.16
Saya sedar maklumat berkaitan dengan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia masih belum tersebar secara meluas kepada masyarakat.	2 (0.5)	5 (1.2)	47 (11.3)	138 (33.2)	224 (53.8)	4.39
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.61</b>					

Sumber: Data kajian.

Berdasarkan jadual 4.16 di atas, analisis keseluruhan mendapat terdapat tiga item memperoleh skor min yang tinggi iaitu 4.18, 4.01 dan 4.39, lapan item sederhana tinggi iaitu 3.50, 3.83, 3.61, 3.34, 3.33, 3.54, 3.88 dan 3.16, manakala satu item lagi sederhana rendah, 2.59. Walau bagaimanapun, skor min keseluruhan mencatatkan skor min sederhana tinggi 3.61. Dengan kata lain, aspek tanggapan terhadap kawalan tingkah laku responden berada pada tahap tidak pasti. Merujuk kepada item pertama, "Saya sedar

pelaksanaan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia adalah memuaskan,” majoriti responden (44.0%) menjawab tidak pasti bagi pernyataan ini. Dapatan tersebut tidak kontra dengan dapatan pada item kedua iaitu “Saya menganggap pelaksanaan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia masih belum berkesan sepenuhnya” apabila responden didapati masih samar-samar dengan pernyataan ini.

Di samping itu, skor min sederhana tinggi pada item ketiga juga menunjukkan responden berpendapat tidak pasti adakah program pemulihan akhlak yang sedang dijalankan di Malaysia ini wajar diteruskan dan diperkasakan. Ketiga-tiga dapatan ini jelas menunjukkan masih ramai responden yang tidak mempunyai pengetahuan tentang sejauh mana pelaksanaan program pemulihan akhlak di Malaysia mampu berperanan dengan baik dalam usaha pemulihan akhlak pesalah seks remaja. Analisis item keempat pula mengenal pasti sebahagian besar responden sangat bersetuju program pemulihan akhlak yang dijalankan berupaya memulihkan fizikal pesalah seks remaja. Noor Hafizah dalam kajiannya menjelaskan aktiviti ziarah menerusi modul rekreasi/ziarah berupaya memulihkan mental dan fizikal pelatih. Selain itu, ia juga mampu memberikan gaya hidup dan persekitaran yang sihat kepada pelatih.<sup>207</sup> Aktiviti-aktiviti seperti riadah, kawad kaki, gotong-royong dan seumpamanya bukan sahaja dapat merehatkan minda pelatih, malah ia juga dapat melahirkan tubuh badan dan akal yang sihat.<sup>208</sup>

Namun begitu, skor min pada item kelima “Saya menganggap program pemulihan akhlak yang dijalankan berupaya memulihkan spiritual pesalah seks remaja” memberi gambaran sebaliknya apabila dapatan kajian memperlihatkan rata-rata responden keliru dengan pernyataan tersebut. Begitu juga pada item seterusnya, secara puratanya

---

<sup>207</sup> Noor Hafizah Mohd Haridi, “Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanannya,” 2016, 165.

<sup>208</sup> Nurul Husna Mansor et al., “Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah,” 2017.

responden masih tidak pasti dengan kemampuan pihak yang bertanggungjawab untuk mengendalikan program pemulihan akhlak dengan baik dan efisien. Hal ini mungkin kerana responden tidak mempunyai pengetahuan tentang pengurusan dan pentadbiran pihak bertanggungjawab dalam mengendalikan program pemulihan akhlak terbabit.

Walau bagaimanapun, item ketujuh memperlihatkan majoriti responden sangat bersetuju dan percaya pesalah seks remaja mampu mengikuti kesemua program pemulihan akhlak yang dijalankan dengan mudah dan lancar. Kajian lepas membuktikan minat yang mendalam serta tanggapan yang baik terhadap program agama di institusi secara jelasnya telah mempengaruhi kelancaran pelaksanaan program tersebut.<sup>209</sup> Dapatan kajian terbabit juga disokong oleh kajian Nazneen Ismail et al. yang menyatakan persepsi positif dalam kalangan pelatih terhadap pendekatan pemulihan di pusat perlindungan berupaya membantu proses pemulihan pelatih berjalan dengan lancar. Secara impaknya, pelatih dapat menjalani kehidupan beragama yang lebih baik serta sentiasa terdorong untuk melakukan perkara kebaikan.<sup>210</sup>

Seterusnya, analisis keseluruhan pada item “Saya menganggap bahawa pesalah seks remaja berpotensi untuk dirawat dan dipulihkan kembali” dan “Saya sedar masalah kewangan menjadi salah satu kekangan bagi pesalah seks remaja untuk menyertai program pemulihan akhlak” menunjukkan responden tidak pasti terhadap kedua-dua item tersebut. Hal ini membuktikan responden masih kurang pengetahuan tentang potensi bagi pesalah seks remaja untuk dirawat dan dipulihkan semula serta faktor kewangan yang menjadi kekangan bagi mengikuti program pemulihan akhlak.

<sup>209</sup> Noor Hafizah Mohd Haridi, “Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari Aspek Pelaksanaan dan Keberkesanannya,” 2016, 233.

<sup>210</sup> Nazneen Ismail et al., “Persepsi Pelatih Terhadap Kaedah Pemulihan di Pusat Perlindungan.” (*Proceeding of International Conference On Aqidah, Dakwah and Syariah 2016 (IRSYAD 2016), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Selangor, 2016*).

Walau bagaimanapun, merujuk item faktor kewangan menjadi kekangan bagi mengikuti program pemulihan akhlak, perkara ini pernah terjadi kepada institusi pemulihan akhlak yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan seperti Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah (DARWA). DARWA pada peringkat awal penubuhannya pernah mengalami masalah kewangan membabitkan urusan penyediaan keperluan asas pelatih dan bayaran gaji tenaga pengajar sehingga terpaksa mengutip dana melalui bermacam sumber termasuklah mengenakan caj yuran bulanan kepada semua pelatih yang berkemampuan.<sup>211</sup>

Berbeza dengan institusi pemulihan akhlak di bawah kelolaan badan kerajaan seperti Taman Seri Puteri, segala pengurusan melibatkan keperluan pelatih termasuk tempat tinggal, makan, minum, pakaian, wang saku dan kos perubatan dibiayai sepenuhnya oleh JKMM. Begitu juga dengan Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (BES) di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), semua kos pentadbiran termasuk bayaran gaji guru dan penyediaan keperluan asas pelatih seperti kos rawatan perubatan ditanggung sepenuhnya oleh pihak zakat negeri Selangor.<sup>212</sup>

Perkara tersebut secara tidak langsung telah menyanggah pernyataan bahawa pelaksanaan program pemulihan akhlak di Malaysia lebih kepada ingin mengaut keuntungan semata-mata. Ia juga dapat dilihat kepada skor min sederhana rendah, 2.59 dan peratusan tidak setuju dan sangat tidak setuju yang tinggi dengan item tersebut. Hakikatnya, objektif penubuhan institusi pemulihan akhlak secara amnya bertujuan memberikan perlindungan, bimbingan serta pemulihan dari aspek fizikal dan spiritual. Selain itu, ia juga salah satu usaha kebajikan dalam menangani masalah sosial remaja khususnya salah laku seksual.

---

<sup>211</sup> Nurul Husna Mansor, "Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah," 2016, 295.

<sup>212</sup> Ibid., 294.

Selain itu, analisis mengenal pasti responden masih kurang pendedahan tentang modul pengisian yang digunakan bagi proses pemulihan akhlak pesalah seks remaja. Hal ini dapat dibuktikan dengan merujuk skor min 3.16 yang menggambarkan kebanyakan responden tidak pasti sejauh mana modul yang digunakan dalam proses pemulihan akhlak pesalah padat dengan pengisian yang bermanfaat dan berguna. Walau bagaimanapun, dalam usaha pemulihan dari aspek fizikal dan spiritual pesalah, penggunaan modul yang bermanfaat dan bersilibus juga menjadi salah satu aspek penting dalam menentukan tahap keyakinan dan motivasi masyarakat terhadap program pemulihan akhlak. Selain itu, ia juga berupaya mempengaruhi persepsi dan kesediaan masyarakat untuk menghantar pesalah seks remaja mengikuti program pemulihan akhlak atau sebaliknya.

Akhir sekali, dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar responden sangat bersetuju dan berpandangan bahawa maklumat tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia masih belum tersebar secara meluas kepada masyarakat. Hal ini bertepatan dengan dapatan pada aspek sumber pengetahuan yang memperlihatkan rata-rata responden masih tidak pasti bahawa media massa dan masyarakat di sekeliling mereka dapat berfungsi sebagai platform bagi memperoleh maklumat tentang program pemulihan akhlak. Tambahan pula, ia dikukuhkan lagi dengan beberapa pendapat daripada responden tentang hal ini:

*“Pengetahuan saya tentang tajuk ini sangat cetek. Perlu diberi pendedahan dengan lebih meluas terutama di media sosial tentang program ini.”*

*“Perlu publisiti yang lebih meluas lagi mengenai program pemulihan akhlak dengan memanfaatkan sepenuhnya media sosial dan media elektronik.”*

*“Pada pandangan saya, kewujudan pusat pemulihan ini perlu disiarkan di media secara meluas juga kerana tidak semua pesalah mempunyai circle yang akan mendorong mereka ke pusat pemulihan.”*

*“Program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja di Malaysia perlu dihebahkan dengan meluas lagi di media sosial.”*

Pengkaji berpandangan hal yang demikian terjadi disebabkan oleh publisiti tentang program pemulihan akhlak di Malaysia masih kurang dilaksanakan terutamanya di platform media sosial yang menjadi tumpuan masyarakat seperti *facebook*, *twitter* dan seumpamanya. Oleh itu, semua pihak yang bertanggungjawab seperti pihak kerajaan, institusi pemulihan akhlak, institusi pendidikan, badan NGO, ibu bapa dan seumpamanya sewajarnya memainkan peranan masing-masing dalam menggembungkan tenaga mempergiatkan lagi usaha-usaha publisiti sama ada melalui pelaksanaan berbentuk kempen kesedaran, forum, ceramah dan sebagainya.

#### **4.7 Analisis Tingkah Laku Responden**

Bahagian ini menunjukkan dapatan kajian dan statistik keseluruhan bagi aspek tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Statistik deskriptif tingkah laku ditunjukkan seperti di dalam jadual 4.17 di bawah.

Jadual 4.17 Statistik Deskriptif Tingkah Laku

N= 416

Aspek	Min	Tafsiran Min
Tingkah Laku	3.04	Sederhana Tinggi
<b>Keseluruhan Min</b>	<b>3.04</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Sumber: Data kajian.

Jadual 4.17 di atas memperlihatkan keputusan statistik bagi tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Secara keseluruhannya, tingkah laku masyarakat Muslim berada pada tahap yang sederhana tinggi dengan skor min (N=416, min=3.04). Di dalam jadual 4.18 di bawah menunjukkan dapatan kajian bagi aspek tingkah laku:

Jadual 4.18 Tingkah Laku

<b>Perkara</b>	<b>1 STS N (%)</b>	<b>2 TS N (%)</b>	<b>3 TP N (%)</b>	<b>4 S N (%)</b>	<b>5 SS N (%)</b>	<b>Min</b>
Sekiranya orang terdekat di sekeliling saya didapati bersalah terlibat dengan gejala seksual, saya akan merujuk institusi pemulihan akhlak atau pusat koreksional (penjara) bagi tujuan pemulihan.	5 (1.2)	13 (3.1)	46 (11.1)	163 (39.2)	189 (45.4)	4.25
Saya lebih memilih untuk mendapatkan perkhidmatan bomoh atau nujum bagi tujuan pemulihan.	357 (85.8)	18 (4.3)	10 (2.4)	12 (2.9)	19 (4.6)	1.36
Saya lebih memilih untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan alternatif seperti rukyah bagi tujuan pemulihan.	78 (18.8)	59 (14.2)	107 (25.7)	110 (26.4)	62 (14.9)	3.05
Saya akan menghantar pesalah seks remaja ke program pemulihan akhlak kerana mahu menutup aib keluarga.	97 (23.3)	107 (25.7)	106 (25.5)	58 (13.9)	48 (11.5)	2.65
Saya akan menghantar pesalah seks remaja mengikuti program pemulihan akhlak kerana perasaan marah dan benci terhadap perbuatan terkutuk tersebut.	85 (20.4)	71 (17.1)	93 (22.4)	83 (20.0)	84 (20.2)	3.02
Saya akan memberikan kerjasama yang baik kepada pihak bertanggungjawab untuk menjalankan	2 (0.5)	1 (0.2)	29 (7.0)	150 (36.1)	234 (56.3)	4.47

tugas mereka dengan lancar.						
Saya akan sentiasa mengikuti perkembangan pesalah seks remaja sepanjang tempoh pemulihan berlangsung kerana bimbang akan keselamatan dirinya.	2 (0.5)	9 (2.2)	59 (14.2)	161 (38.7)	185 (44.5)	4.25
Saya akan menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak bertanggungjawab tanpa mengambil tahu perkembangan diri mereka.	144 (34.6)	126 (30.3)	56 (13.5)	42 (10.1)	48 (11.5)	2.34
Saya akan membawa pulang pesalah walaupun tempoh pemulihan belum tamat lagi.	211 (50.7)	93 (22.4)	57 (13.7)	26 (6.3)	29 (7.0)	1.96
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.04</b>					

Sumber: Data kajian.

Secara keseluruhan, aspek tingkah laku mencatatkan skor min sederhana tinggi iaitu 3.04. Hal ini secara jelas memberi gambaran bahawa tingkah laku responden terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja masih berada pada tahap tidak pasti. Analisis secara terperinci mendapati sebahagian besar responden (84.6%) memilih untuk merujuk institusi pemulihan akhlak atau pusat koreksional (penjara) sekiranya anak-anak remaja di sekeliling mereka didapati bersalah terlibat dengan gejala seksual. Hasil dapatan ini secara tidak langsung menggambarkan kepercayaan responden terhadap kredibiliti institusi pemulihan akhlak sebagai salah sebuah platform yang mampu membantu dalam usaha pemulihan fizikal dan spiritual pesalah seks remaja ke arah yang lebih baik.

Merujuk kepada dapatan tersebut juga, ia sekali gus menyanggah pernyataan pada item kedua iaitu “Saya lebih memilih untuk mendapatkan perkhidmatan bomoh atau nujum bagi tujuan pemulihan.” Perkara tersebut dapat dibuktikan apabila majoriti responden (85.8%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut dan menolak perkhidmatan bomoh atau nujum bagi tujuan pemulihan akhlak pesalah seks remaja. Walau bagaimanapun, skor min sederhana tinggi 3.05 pada item ketiga menunjukkan rata-rata responden tidak pasti untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan alternatif seperti rukyah bagi tujuan pemulihan akhlak pesalah.

Di samping itu, sebahagian besar responden (92.4%) percaya untuk memberikan kerjasama yang baik kepada pihak bertanggungjawab menjalankan tugas mereka dalam membantu proses pemulihan pesalah seks remaja agar berjalan dengan lancar. Dapatan ini disokong oleh kajian lepas yang membuktikan ibu bapa dan keluarga pelatih di Baitul Ehsan kurang menimbulkan masalah, malah mereka memberikan komitmen dan kerjasama yang berterusan kepada pihak pusat pemulihan terbabit.<sup>213</sup> Tambah pula, lebih separuh daripada jumlah responden (73.1%) berpandangan bahawa pesalah seks remaja tidak wajar dibawa pulang sekiranya tempoh pemulihan belum tamat lagi. Perkara ini disokong dengan dapatan pada item kesembilan belas dalam aspek pengetahuan terhadap peraturan program pemulihan akhlak, majoriti responden mengetahui tempoh pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja perlu dilaksanakan dalam jangka masa tertentu yang telah ditetapkan. Hal ini secara jelasnya menunjukkan kepercayaan dan sokongan responden terhadap pengurusan pihak bertanggungjawab (institusi pemulihan akhlak, pusat koreksional dan seumpamanya) dalam menjayakan usaha pemulihan fizikal dan spiritual pesalah.

---


<sup>213</sup> Nurul Husna Mansor, “Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah”, 2016, 93.

Seterusnya, kebanyakan responden tidak bersetuju bahawa tujuan mereka menghantar pesalah seks remaja ke program pemulihan akhlak adalah kerana ingin menutup aib keluarga. Hal yang demikian dengan merujuk kepada skor min 2.65 yang berada pada tahap sederhana rendah. Berbeza pula dengan item kelima, majoriti responden berpandangan tidak pasti bahawa tujuan mereka menghantar pesalah seks remaja ke program pemulihan akhlak adalah disebabkan oleh perasaan marah dan benci terhadap perbuatan terkutuk tersebut.

Walaupun begitu, majoriti responden (83.2%) berpendapat mereka perlu sentiasa mengikuti perkembangan pesalah seks remaja sepanjang tempoh pemulihan berlangsung kerana bimbang akan keselamatan dirinya. Tambah lagi, lebih separuh daripada jumlah responden (64.9%) juga menyatakan mereka tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju untuk menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak bertanggungjawab tanpa mengambil tahu langsung perkembangan diri pesalah. Situasi ini secara jelasnya menggambarkan responden berasa amat bimbang akan keadaan remaja terbabit sepanjang proses pemulihan berjalan seterusnya bertindak untuk mengambil berat akan keadaan mereka.

Rajah 4.9 di bawah memperlihatkan carta bar bagi lima aspek pengetahuan, sikap, norma subjektif, tanggapan terhadap kawalan tingkah laku dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja:

Rajah 4.9 Carta Bar Skor Min Pengetahuan, Sikap, Norma Subjektif, Tanggapan Terhadap Kawalan Tingkah Laku dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja



#### **4.8 Analisis Perhubungan Antara Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku**

Pada bahagian ini, korelasi *Pearson* digunakan bagi menganalisis hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah bebas bagi mencapai objektif kajian ini. Ujian korelasi melibatkan antara aspek pengetahuan dan sikap, sikap dan tingkah laku serta pengetahuan dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

##### **4.8.1 Analisis Perhubungan Antara Pengetahuan Dengan Sikap Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja**

###### **Hipotesis 1**

$H_0$ : Tidak wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan sikap masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

$H_1$ : Wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan sikap masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

Berdasarkan jadual 4.19 di bawah, keputusan ujian korelasi *Pearson* memperlihatkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat antara pengetahuan dan

sikap masyarakat ( $r=.545$ ,  $p<0.01$ ). Maka, kajian ini **menolak hipotesis nul ( $H_0$ )** dan mengesahkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan sikap masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Keputusan analisis menyimpulkan semakin tinggi pengetahuan masyarakat Muslim tentang program pemulihan akhlak, semakin positif sikap mereka terhadap program tersebut.

Jadual 4.19 Korelasi Pearson bagi Pengetahuan dan Sub-Skala Sikap

Pemboleh Ubah Bebas		Sikap	Manfaat Program	Platform Program	Peranan Pihak Pengurusan
Pengetahuan	Koefisien Korelasi	.545** .000	.433** .000	.441** .000	.485** .000
	Sig. (2-tailed)	416	416	416	416
	N				

\*\*Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Jadual 4.19 di atas turut memperincikan korelasi antara pengetahuan dengan sub-skala dalam aspek sikap (manfaat program, platform program dan peranan pihak pengurusan). Ketiga-tiga sub-skala tersebut menunjukkan hubungan signifikan yang positif iaitu manfaat program ( $r=.433$ ,  $p<0.01$ ), platform program ( $r=.441$ ,  $p<0.01$ ) dan peranan pihak pengurusan ( $r=.485$ ,  $p<0.01$ ). Oleh itu, terdapat tiga perkara di bawah aspek sikap yang mempunyai perkaitan dengan pengetahuan yang baik dalam kalangan masyarakat Muslim di Selangor iaitu (1) sikap masyarakat terhadap manfaat program pemulihan terhadap pesalah seks remaja, (2) sikap masyarakat terhadap platform program pemulihan dijalankan dan (3) sikap masyarakat terhadap peranan pihak pengurusan institusi pemulihan akhlak.

Berdasarkan keputusan tersebut, semakin tinggi pengetahuan masyarakat tentang program pemulihan akhlak, semakin positif penilaian mereka terhadap manfaat program, platform program dan peranan pihak pengurusan institusi pemulihan akhlak. Justeru, penguasaan ilmu pengetahuan dan pemahaman yang baik tentang program pemulihan

akhlak berupaya membina sikap serta penilaian yang positif dalam diri masyarakat terhadap program tersebut.

Jadual 4.20 Korelasi *Pearson* bagi Sikap dan Sub-Skala Pengetahuan

Pem boleh Ubah Bebas		Pengeta huan	Sumber Pengeta huan	Fungsi Program	Platform Program	Bentuk Prog ram	Peraturan Program
Sikap	Koefisien Korelasi	.545**	.272**	.357**	.348**	.534**	.549**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000	.000
	N	416	416	416	416	416	416

\*\*Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Seterusnya, jadual 4.20 di atas pula memperlihatkan korelasi sikap dengan sub-skala pengetahuan (sumber pengetahuan, fungsi program, platform program, bentuk program dan peraturan program). Analisis mendapati sikap juga mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan kesemua sub-skala pengetahuan iaitu sumber pengetahuan ( $r=.272$ ,  $p<0.01$ ), fungsi program ( $r=.357$ ,  $p<0.01$ ), platform program ( $r=.348$ ,  $p<0.01$ ), bentuk program ( $r=.534$ ,  $p<0.01$ ) dan peraturan program ( $r=.549$ ,  $p<0.01$ ). Analisis ini menjelaskan sikap positif masyarakat terhadap program pemulihan akhlak terhasil daripada pemerolehan pengetahuan yang baik terhadap sumber pengetahuan, fungsi program pemulihan, platform program, bentuk program dan peraturan program.

### Perbincangan

Keputusan hipotesis 1 membuktikan penguasaan ilmu pengetahuan yang baik tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja mempunyai perkaitan dengan pembentukan sikap yang positif terhadap program tersebut. Merujuk kajian Nurul Husna Mansor, kewujudan pengetahuan dan kefahaman yang baik tentang fungsi, bentuk dan peraturan program pemulihan akhlak yang dijalankan di institusi pemulihan akhlak menghasilkan sikap yang positif dalam kalangan ibu bapa pelatih. Sebagai contoh, ibu bapa dan keluarga pelatih disifatkan kurang menimbulkan masalah kepada pihak Baitul

Ehsan, malah rata-rata menunjukkan sikap dan kerjasama yang baik terhadap peranan pihak pengurusan sepanjang tempoh pemulihan pelatih.<sup>214</sup> Perkara ini selari dengan model KAP bahawasanya pertambahan pengetahuan tentang sesuatu perkara boleh menyebabkan berlakunya perubahan sikap individu.

Seterusnya, kajian oleh Suhaya Deraman et al. pula mendapati majoriti masyarakat di daerah Alor Gajah, Melaka menunjukkan persepsi dan sikap yang baik terhadap keperluan perkhidmatan kaunseling spiritual di Malaysia. Walaupun kelompok masyarakat tersebut terdiri daripada tahap pendidikan dan bangsa yang berbilang, namun sikap positif yang ditonjolkan secara tidak langsung membuktikan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang baik tentang perkhidmatan kaunseling spiritual. Penerapan elemen spiritual dalam kaunseling dilihat amat signifikan bagi membantu menyelesaikan masalah klien dengan lebih berkesan. Hal yang demikian kerana konsep kaunseling spiritual ini bukan sekadar melibatkan hubungan dan komunikasi dua hala di antara klien dengan kaunselor, tetapi apa yang lebih penting ialah ia mencakupi persoalan-persoalan keimanan seperti alam akhirat, dosa dan pahala serta syurga dan neraka.<sup>215</sup>

Walau bagaimanapun, terdapat juga kes seperti segelintir masyarakat yang tekad menempatkan remaja yang telah terlanjur di pusat pemulihan akhlak hanya kerana perasaan marah dan ingin menutup aib keluarga semata-mata.<sup>216</sup> Hal yang demikian terjadi kerana masyarakat masih kurang jelas tentang fungsi sebenar program pemulihan akhlak di institusi dijalankan. Maka, kesan daripada kurangnya pengetahuan tersebut telah mempengaruhi sikap masyarakat terhadap program pemulihan akhlak. Masyarakat didapati kurang berperanan secara efektif dan mementingkan diri dengan menyerahkan

<sup>214</sup> Nurul Husna, “Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah,” 2016, 310.

<sup>215</sup> Suhaya Deraman et al., “Persepsi Masyarakat Terhadap Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Spiritual,” 2017.

<sup>216</sup> Nor Jana Saim, Norulhuda Sarnon @ Kusenin dan Chong Sheau Tsuey, “Kehamilan Luar Nikah dan Reaksi Keluarga: Pengalaman Ibu Tanpa Nikah yang Tinggal di Rumah Perlindungan,” *Journal of Social Sciences and Humanities* 18, no. 6 (2021), 100-111.

tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak pusat pemulihan akhlak tanpa mengambil tahu langsung perkembangan remaja terbabit.

#### **4.8.2 Analisis Perhubungan Antara Pengetahuan Dengan Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja**

##### **Hipotesis 2:**

$H_0$ : Tidak wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

$H_1$ : Wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

Jadual 4.21 Korelasi Pearson bagi Pengetahuan dengan Tingkah Laku		
Pemboleh		Tingkah
Ubah Bebas		Laku
Pengetahuan	Koefisien Korelasi	.368**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	416

\*\*Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Jadual 4.21 di atas mempersembahkan keputusan ujian korelasi antara pengetahuan dan tingkah laku. Keputusan analisis keseluruhan mendapati terdapat hubungan positif yang sederhana antara pengetahuan dan tingkah laku masyarakat ( $r=.368$ ,  $p<0.01$ ). Oleh itu, **hipotesis nul ( $H_0$ ) ditolak** dan kajian mengesahkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Tingkah laku yang baik dikenal pasti mempunyai perkaitan dengan kewujudan pengetahuan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Muslim di Selangor. Secara keseluruhannya, kajian membuat kesimpulan

kewujudan pengetahuan yang baik dan pemerolehan pengetahuan daripada sumber yang sahiih mampu mempengaruhi tingkah laku masyarakat Muslim yang baik terhadap program pemulihan akhlak.

Jadual 4.22 Korelasi *Pearson* bagi Tingkah Laku dengan Sub-Skala Pengetahuan

Pem boleh Ubah Bebas	Peneta huan	Sumber Peneta huan	Fungsi Prog ram	Platform Program	Bentuk Prog ram	Pera tururan Program
Ting kah Laku	Koefisien Korelasi	.368**	.283**	.331**	.390**	.489**
	Sig. (2- tailed)	.000	.000	.000	.000	.000
	N	416	416	416	416	416

\*\*Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Di samping itu, jadual 4.22 di atas pula memperincikan korelasi tingkah laku dengan sub-skala pengetahuan (sumber pengetahuan, fungsi program, platform program, bentuk program dan peraturan program). Analisis mendapati tingkah laku juga mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan kesemua sub-skala pengetahuan iaitu sumber pengetahuan ( $r=.283$ ,  $p<0.01$ ), fungsi program ( $r=.331$ ,  $p<0.01$ ), platform program ( $r=.390$ ,  $p<0.01$ ), bentuk program ( $r=.489$ ,  $p<0.01$ ) dan peraturan program ( $r=.455$ ,  $p<0.01$ ). Dapatan kajian ini menyimpulkan tingkah laku masyarakat yang baik adalah hasil daripada kewujudan pengetahuan yang baik terhadap sumber pengetahuan, fungsi program pemulihan, platform program, bentuk program dan peraturan program. Hal ini secara tidak langsung menjelaskan pengetahuan merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi individu untuk bertingkah laku.

## Perbincangan

Keputusan hipotesis 2 membuktikan bahawa pengetahuan yang tinggi serta pemerolehan ilmu yang tepat tentang program pemulihan akhlak mampu menggalakkan tingkah laku yang baik terhadap program pemulihan akhlak. Berdasarkan kajian Nurul Husna Mansor, kefahaman yang baik tentang fungsi program agama yang dijalankan di institusi

pemulihan akhlak menatijahkan tingkah laku yang baik dalam kalangan masyarakat. Buktinya, rata-rata ibu bapa dan keluarga di Baitul Ehsan menuruti segala ketetapan yang telah digariskan oleh pihak pusat pemulihan akhlak sepanjang tempoh pemulihan pesalah seks remaja.<sup>217</sup> Ia amat penting bagi memastikan kelangsungan usaha pemulihan akhlak pesalah berjalan dengan lancar dan baik.

Walaupun begitu, terdapat segelintir masyarakat yang menolak program pemulihan akhlak dengan menghantar pesalah seks kepada bomoh bagi tujuan rawatan dan pemulihan. Mereka beranggapan program pemulihan akhlak sedia ada bukan sahaja tidak membantu sebagai sokongan dalam proses pemulihan akhlak pesalah, malah ia menggalakkan lagi kes salah laku seksual terus berlaku.<sup>218</sup> Hal ini sebenarnya menjadi cabaran yang besar buat institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional di Malaysia sekaligus memberikan impak yang negatif terhadapnya. Berikutan kurangnya kesedaran dan kefahaman tentang program pemulihan akhlak ini bukan sahaja menyukarkan proses pemulihan akhlak pesalah, bahkan ia juga mempengaruhi tingkah laku negatif terhadap program pemulihan tersebut. Menurut Shuhairimi Abdullah, perkhidmatan bomoh, dukun dan pawang masih mendapat tempat dalam kalangan sebahagian kelompok masyarakat Melayu pada hari ini kerana ia memberi kepentingan kepada institusi kekeluargaan dan ekonomi. Selain itu, kos rawatannya juga lebih rendah dan murah berbanding kos rawatan perubatan moden.<sup>219</sup> Namun begitu, masyarakat harus sedar bahawa bukan semua penyakit boleh dipulihkan melalui rawatan bomoh, dukun dan pawang kerana terdapat penyakit yang perlu dikenal pasti melalui diagnos perubatan moden. Walau bagaimanapun, tindakan menggunakan perkhidmatan bomoh, dukun dan pawang bagi tujuan pemulihan akhlak adalah tidak selari dan bertepatan dengan saranan Islam kerana

<sup>217</sup> Nurul Husna, “Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah,” 2016, 310.

<sup>218</sup> Ibid., 312.

<sup>219</sup> Shuhairimi Abdullah, “Institusi Bomoh dalam Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam,” Jurnal Pembangunan Sosial 9, (Jun 2006), 181-203.

lazimnya ia menggunakan jampi serapah yang mengandungi unsur syirik dan bahasa yang tidak dapat difahami dengan jelas.<sup>220</sup>

Selain perkhidmatan bomoh, dukun dan pawang, masyarakat juga gemar merujuk pusat perubatan Islam dan golongan agamawan bagi tujuan pemulihan kerana pendekatan rawatannya dilihat lebih meyakinkan dan sejajar dengan syariat Islam. Konsep perubatan Islam ini sebenarnya amat luas dan boleh diaplikasikan kepada semua jenis penyakit jasmani dan rohani. Tidak dinafikan, kaedah perubatan Islam juga antara salah satu ikhtiar yang baik kepada umat Islam dalam membantu proses rawatan penyakit berlandaskan al-Quran, sunnah dan ijтиhad ulama muktabar.<sup>221</sup> Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 82:

"وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شَفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَرِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا حَسَارًا" ۸۲

al-Isra' 17:82

Terjemahan: "Dan kami turunkan daripada al-Quran sebagai penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian."

Walaupun begitu, masyarakat disarankan agar melakukan kajian ringkas terlebih dahulu terhadap kaedah yang digunakan sebelum mendapatkan perkhidmatan bomoh, dukun, pawang mahupun perubatan Islam. Hal ini kerana terdapat sebilangan dalam kalangan mereka yang suka mengambil kesempatan dengan mengenakan bayaran yang mahal kepada pesakit walhal mereka hanya ingin mengaut keuntungan semata-mata. Tindakan tersebut secara jelasnya merupakan dosa besar dan amat bertentangan dengan syariat Islam. Justeru berhubung hal ini, masyarakat perlu meneliti dan menyelidiki sumber rujukan, bacaan dan kaedah rawatan yang diguna pakai terlebih dahulu bagi memastikan

<sup>220</sup> Ahmad Naja'a' Mokhtar et al., "Fenomena Kepercayaan dan Amalan Masyarakat dalam Perubatan Islam di Malaysia," *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah* 1, no. 2 (2018), 155-175.

<sup>221</sup> Mohd Ashrof Zaki Yaakob, "Perubatan Islam Sembuh Penyakit Rohani, Jasmani," laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 26 Januari 2023, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/08/598810/perubatan-islam-sembuh-penyakit-rohani-jasmani>.

sama ada ia berpandukan syariat Islam atau tidak. Walau bagaimanapun, program keagamaan dan kerohanian ini sebenarnya telah pun diaplikasikan di institusi-institusi pemuliharan akhlak di Malaysia dan terbukti memberikan perubahan yang positif dari aspek pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek para penghuni institusi terbabit.<sup>222</sup>

Sesungguhnya agama berperanan membimbing kehidupan manusia ke arah yang lebih baik dan selamat. Tanpa pegangan dan penghayatan agama yang kuat, remaja akan mudah terjebak dengan salah laku seksual.<sup>223</sup> Walaupun Islam melarang keras terhadap apa-apa bentuk tindakan salah laku seksual kerana ia bercanggah dengan ajaran agama Islam yang sebenar, namun dalam hal ini Islam tidak menolak keinginan dan keperluan naluri seksual yang dibekalkan secara semula jadi dalam diri manusia. Hal ini dapat difahami dengan jelas melalui firman Allah SWT di dalam surah al-Rūm ayat 21:

"وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً  
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ" ۲۱

al-Rūm 30:21

Terjemahan: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir."

Secara jelasnya, ayat ini memperakui tujuan penciptaan manusia secara berpasang-pasangan bertujuan agar saling berkenalan seterusnya membolehkan mereka untuk hidup bersama. Walau bagaimanapun, tujuan tersebut hanya boleh dicapai melalui cara yang terhormat sahaja iaitu dengan ikatan tali pernikahan yang sah. Namun, pernikahan

<sup>222</sup> Khairul Hamimah Mohd Jodi dan Nurul Husna Mansor, "Kesediaan Remaja Hamil Luar Nikah terhadap Program Kerohanian di Pusat Perlindungan Wanita," 2019.

<sup>223</sup> Abdul Rashid Abdul Aziz et al., "Seks Sebelum Nikah: Konsep Janji Temu dan Cinta Mengikut Perspektif Islam," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5, no. 12 (2020), 133-143.

bukanlah satu-satunya jalan penyelesaian atau solusi bagi mengekang keinginan hawa nafsu dan seksual individu.

Terdapat banyak lagi alternatif lain yang boleh dilakukan sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Salah satu daripadanya ialah memperkuuhkan diri dengan cara hidup beragama yang direndai Allah. Hal yang demikian penting kerana penghayatan cara hidup beragama yang jitu akan membantu individu menahan dirinya daripada terjebak dengan gejala yang tidak bermoral seperti perzinaan, penyimpangan tingkah laku seksual dan seumpamanya. Tambahan lagi, pengamalan kehidupan beragama sangat membantu dalam mempengaruhi pembentukan personaliti dan tingkah laku yang terpuji.<sup>224</sup>

#### **4.8.3 Analisis Perhubungan Antara Sikap Dengan Tingkah Laku Masyarakat Muslim Terhadap Program Pemulihan Akhlak Bagi Pesalah Seks Remaja**

##### **Hipotesis 3:**

$H_0$ : Tidak wujud hubungan yang signifikan antara sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

$H_1$ : Wujud hubungan yang signifikan antara sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

Berdasarkan jadual 4.23 di bawah, keputusan ujian korelasi *Pearson* memperlihatkan terdapat hubungan positif yang sederhana antara sikap dengan tingkah laku ( $r=.427$ ,  $p<0.01$ ). Justeru, kajian **menolak hipotesis nul ( $H_0$ )** dan menyimpulkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim. Kesimpulannya, keputusan analisis mendapati semakin positif sikap masyarakat Muslim

---

<sup>224</sup> Md Noor Saper, “Pembinaan Modul Bimbingan Tazkiyah an-Nafs’ dan Kesannya Ke Atas Religiositi dan Resiliensi Remaja” (Tesis Kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, Kedah, 2012).

terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja, semakin baik tingkah laku mereka terhadap program pemulihan akhlak tersebut.

Jadual 4.23 Korelasi Pearson bagi Sikap dan Tingkah Laku

Pemboleh Ubah Bebas	Sikap	Tingkah Laku
	Koefisien	.427**
	Korelasi	.000
	Sig. (2-tailed)	416
	N	

\*\*Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Jadual 4.23 di atas menunjukkan keputusan ujian korelasi antara sikap dengan tingkah laku. Aspek sikap menunjukkan hubungan signifikan yang positif dengan tingkah laku. Oleh itu, tingkah laku yang baik jelas mempunyai perkaitan dengan sikap yang positif dalam kalangan masyarakat Muslim di Selangor. Hal ini kerana penilaian dan pandangan masyarakat terhadap program pemulihan akhlak mampu mempengaruhi tingkah laku masyarakat terhadapnya. Penilaian yang positif akan menghasilkan tingkah laku yang baik, manakala penilaian yang negatif akan menatijahkan tingkah laku yang buruk.

Jadual 4.24 Korelasi Pearson bagi Tingkah Laku dan Sub-Skala Sikap

Pemboleh Ubah Bebas	Sikap	Manfaat Program	Platform Program	Peranan Pihak Pengurusan
Tingkah Laku	Koefisien	.427**	.609**	.568**
	Korelasi	.000	.000	.000
	Sig. (2-tailed)	416	416	416
	N			

\*\*Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Seterusnya, jadual 4.24 di atas pula mempersemprehankan korelasi tingkah laku dengan sub-skala sikap (manfaat program, platform program dan peranan pihak pengurusan). Analisis mendapati tingkah laku turut mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan ketiga-tiga sub-skala sikap iaitu manfaat program ( $r=.609$ ,  $p<0.01$ ), platform program ( $r=.568$ ,  $p<0.01$ ) dan peranan pihak pengurusan ( $r=.551$ ,  $p<0.01$ ).

Analisis ini menjelaskan penilaian atau sikap masyarakat yang positif terhadap manfaat program, platform program dan peranan pihak pengurusan telah menghasilkan tingkah laku yang baik terhadap program pemulihan akhlak.

### **Perbincangan**

Keputusan hipotesis 3 menunjukkan sikap masyarakat Muslim yang positif sebenarnya mempunyai perkaitan dengan tingkah laku yang baik. Pernyataan ini turut disokong oleh kajian-kajian lepas. Antaranya kajian oleh Nor Jana Saim, Norulhuda Sarnon @ Kusenin dan Chong Sheau Tsuey menjelaskan sebahagian besar masyarakat cuba menerima dan bersikap positif terhadap keterlanjuran remaja hamil luar nikah. Ibu bapa dan keluarga remaja terbabit dikenal pasti memberikan sokongan yang baik kepada pesalah seks remaja dengan mengadakan lawatan, membuat panggilan telefon serta membawa makanan dan barang harian sepanjang mereka di rumah perlindungan. Tindakan masyarakat menempatkan pesalah seks remaja di rumah perlindungan ini bukan sahaja merupakan salah satu usaha murni masyarakat dalam mengembalikan semula maruah remaja yang telah tercemar, malah ia juga menggambarkan kepercayaan mereka terhadap program pemulihan akhlak yang dijalankan.<sup>225</sup>

Di samping itu, kajian lain pula mendapati sokongan sosial yang positif oleh ibu bapa, rakan-rakan dan pihak Jabatan Penjara Malaysia (JPM) jelas memberikan impak yang positif terhadap pembinaan konsep kendiri banduan wanita di penjara. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan penerimaan dan sokongan yang baik daripada masyarakat terhadap pelaksanaan program keagamaan yang dijalankan di penjara. Usaha pihak JPM membina persekitaran yang baik serta pelbagai aktiviti sosial menggalakkan lagi penglibatan ahli keluarga dalam program-program yang disediakan, memudahkan urusan lawatan ahli keluarga serta membuka peluang sukarelawan untuk mendekati

---

<sup>225</sup> Nor Jana Saim, Norulhuda Sarnon @ Kusenin dan Chong Sheau Tsuey, "Kehamilan Luar Nikah dan Reaksi Keluarga: Pengalaman Ibu Tanpa Nikah yang Tinggal di Rumah Perlindungan," 2021.

penghuni penjara.<sup>226</sup> Jelasnya, perkara ini seiring dengan Teori Tingkah Laku Terancang dan hujah yang dikemukakan oleh Litterer bahawa sikap sememangnya berkait rapat dengan tingkah laku manusia. Penilaian individu terhadap sesuatu perbuatan tidak kira positif atau negatif akan mempengaruhi keputusannya sama ada ingin melakukan sesuatu tindakan atau sebaliknya.<sup>227</sup>

Sesungguhnya, proses pemulihan dalam Islam adalah bersifat menyeluruh merangkumi aspek fizikal dan spiritual manusia. Empat unsur rohani yang wujud dalam diri manusia iaitu *al-rūh* (roh), *al-qalb* (hati), *al-nafs* (jiwa) dan *al-aql* (akal) perlu diberikan penekanan dalam proses pemulihan insan iaitu melalui proses *tazkiyah al-nafs* yang telah diperkenalkan oleh tokoh-tokoh sufi tersohor seperti al-Ghāzalī, al-Muḥāsibī dan al-Junayd. Secara epistemologinya, *tazkiyah al-nafs* ialah suatu proses yang memerlukan kesungguhan dan mujahadah untuk membersihkan dan menyucikan jiwa daripada sifat-sifat yang terkeji. Justeru, keadah *tazkiyah al-nafs* ini sewajarnya dititikberatkan dalam kehidupan sebagai suatu ikhtiar menyucikan hati kerana ia mampu membantu memulihkan masalah tingkah laku, emosi dan spiritual manusia.<sup>228</sup>

#### 4.9 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor berada pada tahap sederhana tinggi. Pendek kata, masyarakat Muslim di Selangor mempunyai pengetahuan yang sederhana baik terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Malah, mereka juga menunjukkan sikap dan tingkah laku yang sederhana baik terhadap program pemulihan akhlak tersebut. Merujuk tiga hipotesis yang dibuat, analisis menyimpulkan ketiga-tiga hipotesis nul tersebut ditolak

<sup>226</sup> Siti Jamiaah Abdul Jalil, “Pengaruh Program Keagamaan dan Sokongan Sosial Terhadap Konsep Kendiri, Kebimbangan dan Kemurungan: Kajian dalam Kalangan Banduan Wanita di Malaysia” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017), 294.

<sup>227</sup> Litterer, J. A, *The Analysis of Organization* (New York: Wiley, 1965).

<sup>228</sup> Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, “Tazkiyah al-Nafs Menurut Ahli Tasawuf,” *Jurnal Qalbu* 1, no. 5 (Jun 2017), 80-108.

dan mengesahkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara pengetahuan dan sikap, pengetahuan dan tingkah laku serta sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Jadual 4.25 di bawah menunjukkan statistik deskriptif bagi aspek pengetahuan, sikap dan tingkah laku manakala jadual 4.26 pula memperlihatkan ringkasan ujian korelasi bagi pengetahuan, sikap dan tingkah laku seperti yang telah dibincangkan dalam perbincangan di atas:

**Jadual 4.25 Statistik Deskriptif**

N= 416

Pemboleh ubah	Min	Tafsiran Min
Pengetahuan	3.94	Sederhana Tinggi
Sikap	3.85	Sederhana Tinggi
Tingkah Laku	3.04	Sederhana Tinggi

Sumber: Data kajian.

**Jadual 4.26 Korelasi bagi Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku**

Pemboleh Ubah Bebas	Pengetahuan	Sikap	Tingkah Laku
Pengetahuan	1		
Sikap	.545**	1	
Tingkah Laku	.368**	.427**	1

\*\*Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

## **BAB 5: KESIMPULAN**

### **5.1 Pengenalan**

Pada penulisan bab terakhir ini, kesimpulan dibuat ke atas hasil dapatan bagi keempat-empat objektif yang telah dinyatakan. Kemudian, beberapa cadangan yang sesuai bagi kajian akan datang telah diusulkan supaya dapat memberikan kelangsungan terhadap dapatan kajian yang diperoleh.

### **5.2 Rumusan**

Berdasarkan penganalisisan hasil kajian yang telah dihuraikan dalam bab keempat, beberapa kesimpulan dapat dibuat dan dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut:

#### **5.2.1 Pengetahuan Masyarakat Muslim di Selangor Terhadap Program**

##### **Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja**

Objektif pertama kajian ini ialah meninjau pengetahuan masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Berdasarkan Model KAP, pengetahuan dikenal pasti menjadi teras kepada pembentukan sikap dan tingkah laku manusia. Ketiga-tiga aspek pengetahuan, sikap dan tingkah laku ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Individu akan bertingkah laku berdasarkan kepada sikap yang terbina daripada pengetahuannya tentang sesuatu perkara. Pertambahan pengetahuan mampu mempengaruhi perubahan sikap dan seterusnya memberi impak kepada perubahan tingkah laku manusia. Lazimnya, pengetahuan terbina melalui proses pembelajaran, pembacaan, penerokaan, pengalaman diri, peristiwa dan cerita yang berlaku di sekelilingnya. Selain itu, pengetahuan boleh didapati melalui pembelajaran ilmu dan maklumat baru menerusi platform yang berbentuk forum, kelas, ceramah dan

aktiviti-aktiviti seumpamanya. Ia juga boleh didapati melalui medium seperti televisyen, radio, internet, buku dan surat khabar.

Di samping itu, aspek pengetahuan juga berkait rapat dengan fungsi akal. Akal berperanan mencerap pengetahuan sama ada secara semula jadi mahupun diusahakan. Akal memerlukan cahaya rohani daripada hati bagi memanfaatkan fungsinya dengan betul. Dengan akal, manusia mampu menilai perkara-perkara yang baik atau buruk serta benar atau salah. Menurut Barat, peranan akal dilihat dari sudut zahir sahaja, namun berbeza dengan Islam yang mengiktiraf peranan akal dari kedua-dua aspek zahir dan batin. Sebagaimana yang telah dibincangkan pada bab kedua, Islam lebih menekankan elemen rohani berbanding elemen jasmani dalam pembentukan tingkah laku manusia. Pada fasa pembentukan pengetahuan, al-Ghāzalī menjelaskan keempat-empat elemen rohani iaitu *al-aql* (akal), *al-rūh* (roh), *al-qalb* (hati) dan *al-nafs* (jiwa) saling berkait menjalankan fungsi masing-masing. Kesemua elemen rohani ini merupakan pendorong utama kepada seluruh aktiviti anggota badan manusia.

Merujuk kepada dapatan kajian pada bab keempat, kajian merumuskan secara keseluruhannya pengetahuan masyarakat menunjukkan skor min sederhana tinggi. Hal ini bermaksud pengetahuan masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja masih berada pada tahap kurang memuaskan. Jika dilihat kepada aspek sumber pengetahuan, analisis menyimpulkan kebanyakan masyarakat tidak pasti sama ada media massa dan masyarakat di sekeliling mereka mampu berperanan dengan baik sebagai medium yang dapat membantu menyebarkan maklumat tentang program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja secara meluas kepada masyarakat. Perkara tersebut juga berlaku pada pengetahuan masyarakat Muslim terhadap aspek platform program pemulihan akhlak yang mencatatkan skor min sederhana tinggi 3.58 iaitu berada pada tahap tidak pasti.

Analisis hasil kajian mendapati kebanyakan masyarakat Muslim di Selangor tidak pasti sama ada program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja ini dijalankan oleh pihak kerajaan, pihak persendirian atau badan bukan kerajaan (NGO). Tambah lagi, analisis mengenal pasti mereka juga masih tidak mencapai tahap kefahaman yang baik terhadap program pemulihan di institusi dan dalam komuniti. Kajian mengenal pasti masyarakat kurang terdedah dengan maklumat berkaitan program pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia dan ia masih belum tersebar luas melalui platform seperti surat khabar, internet, radio, televisyen dan seumpamanya. Oleh itu, kerjasama daripada pihak kerajaan, badan-badan NGO, institusi pendidikan dan masyarakat itu sendiri perlu dipertingkatkan lagi dalam usaha memberikan kesedaran dan kefahaman secara meluas kepada masyarakat awam. Misalnya, pelaksanaan kempen kesedaran atau wacana ilmiah mengenai silibus dan program-program yang dilaksanakan di institusi pemulihan akhlak di peringkat daerah mahupun negeri.

Walau bagaimanapun, pengetahuan masyarakat terhadap aspek matlamat program, bentuk-bentuk program dan peraturan program pemulihan akhlak adalah memuaskan. Perkara yang demikian kerana kebanyakan dalam kalangan mereka pernah terlibat secara langsung berurusan dengan pihak pusat pemulihan akhlak dan memperoleh maklumat berkaitan dengannya melalui orang-orang terdekat di sekeliling yang mempunyai pengalaman anak-anak remaja bermasalah mengikuti program dan aktiviti pemulihan di pusat pemulihan akhlak. Oleh hal yang demikian, hasil kajian mengesahkan Model KAP dan Teori Peribadi al-Ghāzalī ini penting kerana elemen-elemen rohani yang terdapat di dalam Teori Peribadi al-Ghāzalī membantu dalam mencerap pengetahuan dan kefahaman masyarakat tentang program pemulihan akhlak. Berdasarkan hasil analisis yang telah dibuat dalam bab keempat berhubung pengetahuan masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja, maka jelasnya objektif pertama bagi kajian ini berhasil.

## **5.2.2 Sikap Masyarakat Muslim di Selangor Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja**

Objektif kedua kajian ini pula untuk mengkaji sikap masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Berdasarkan Model KAP dan Teori Tingkah Laku Terancang, sikap ialah salah satu faktor utama yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku manusia. Sikap manusia lazimnya terhasil daripada pengetahuan yang terbina melalui proses pembelajaran, pengalaman diri, peristiwa yang berlaku di sekelilingnya dan pendedahan maklumat baru. Namun begitu, pembentukan sikap tidak cukup hanya dengan kewujudan pengetahuan semata-mata, bahkan pengetahuan yang diperoleh tersebut perlu disokong oleh faktor norma subjektif dan persekitaran sepermima yang telah dibincangkan di dalam Teori Ekologi Sosial di dalam bab kedua. Tambahan lagi, pada fasa pembentukan sikap ini juga, keempat-empat elemen rohani di dalam Teori Peribadi al-Ghāzalī turut memainkan peranan masing-masing.

Merujuk dapatan kajian pada bab keempat, kajian menyimpulkan secara keseluruhannya sikap majoriti masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja adalah kurang memuaskan. Hasil analisis menunjukkan sikap masyarakat yang tidak pasti terhadap platform program pemulihan akhlak dijalankan. Perkara ini selari dengan dapatan pada aspek pengetahuan masyarakat terhadap platform program. Hal ini secara jelasnya bertepatan dengan teori yang dikemukakan oleh Ramsey & Rickson dalam Model KAP bahawa lazimnya manusia bertindak berdasarkan kepada sikap yang terbina daripada pengetahuannya. Kewujudan pengetahuan menjadi teras kepada pembentukan sikap kerana tanpa pengetahuan, manusia tidak mampu bertindak balas terhadap sesuatu perkara yang berlaku.

Walau bagaimanapun, masyarakat mempunyai penilaian dan sikap yang positif terhadap matlamat program pemulihan akhlak dan peranan pihak bertanggungjawab seperti institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional (penjara) dalam mengendalikan program pemulihan akhlak kepada pesalah seks remaja. Dapatkan ini juga sama seperti daptan pada aspek pengetahuan masyarakat yang baik terhadap matlamat program pemulihan akhlak. Perkara ini secara jelasnya memperlihatkan kewujudan pengetahuan yang baik tentang program pemulihan akhlak mampu mempengaruhi pembentukan sikap yang positif terhadap program tersebut, begitu juga sebaliknya.

Justeru, kajian mengesahkan Model KAP dan Teori Tingkah Laku Terancang ini tepat dan bersesuaian digunakan bagi meramal kecenderungan tingkah laku manusia. Di samping itu, faktor norma subjektif dan persekitaran yang terdapat di dalam Teori Ekologi Sosial serta empat elemen rohani di dalam Teori Peribadi al-Ghāzalī turut membantu dalam mempengaruhi pembentukan sikap masyarakat. Merujuk analisis yang telah dibuat dalam bab keempat berhubung sikap masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja, maka objektif kedua yang telah dinyatakan bagi kajian ini telah tercapai.

### **5.2.3 Tingkah Laku Masyarakat Muslim di Selangor Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja**

Objektif ketiga kajian ini ialah mengenal pasti tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Dalam kajian ini, empat teori telah digunakan dan digabungkan bagi meramal tingkah laku manusia iaitu Teori Tingkah Laku Terancang, Teori Peribadi al-Ghāzalī, Model KAP dan Teori Ekologi Sosial. Merujuk kerangka konseptual yang telah dibina berdasarkan keempat-empat teori tersebut, individu akan bertingkah laku bergantung kepada sikap dan tanggapan yang terbina daripada pengetahuannya tentang sesuatu. Tambah lagi, pengetahuan yang

diperoleh itu perlu disokong oleh faktor norma subjektif dan persekitaran. Di samping itu, niat dikenal pasti menjadi mediator dalam mempengaruhi tingkah laku manusia.

Merujuk perbincangan tentang faktor norma subjektif dan persekitaran, Teori Ekologi Sosial menjelaskan pengaruh sosial seperti keluarga, rakan-rakan dan seumpamanya berperanan dalam mendorong individu untuk bertindak atau tidak bertindak terhadap sesuatu tingkah laku. Selain itu, tanggapan individu terhadap sesuatu perkara yang dipengaruhi oleh orang di sekelilingnya atau norma kehidupan yang diamalkannya juga mampu mempengaruhi tingkah laku manusia. Pada fasa pembentukan pengetahuan, norma subjektif, tanggapan, sikap dan niat, empat elemen rohani iaitu akal, hati, roh dan nafsu turut berperanan menjalankan fungsi masing-masing. Hasil analisis mendapati secara keseluruhannya, skor min tingkah laku masyarakat adalah sederhana tinggi.

Berdasarkan hasil dapatan kajian dalam bab keempat, kajian membuat kesimpulan secara keseluruhannya tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja masih berada pada tahap tidak pasti. Kebanyakan dalam kalangan mereka didapati tidak pasti sama ada faktor marah dan benci menjadi penyebab mereka menghantar pesalah seks remaja mengikuti program pemulihan akhlak. Selain itu, mereka juga diihat masih keliru terhadap pemilihan perkhidmatan rawatan alternatif seperti rukyah bagi tujuan pemulihan akhlak pesalah. Sebahagian besar dalam kalangan mereka berpandangan tidak pasti terhadap item tersebut. Hal yang demikian berlaku mungkin kerana perkhidmatan rukyah ini lazimnya dirujuk bagi tujuan penyembuhan kes-kes mistik, penyakit misteri, gangguan makhluk halus dan seumpamanya.

Walau bagaimanapun, majoriti masyarakat Muslim di Selangor menunjukkan respons yang baik apabila mereka merujuk institusi pemulihan akhlak dan menolak

perkhidmatan bomoh apabila anak-anak remaja didapati bersalah terlibat dengan gejala seksual. Di samping itu, mereka juga memberikan kerjasama yang baik kepada pihak bertanggungjawab menjalankan tugas mereka dalam membantu proses pemulihan pesalah seks remaja dengan tidak membawa pulang pesalah sekiranya tempoh pemulihan belum tamat lagi. Bukan itu sahaja, mereka tidak menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak bertanggungjawab tanpa mengambil tahu langsung perkembangan diri pesalah. Dapatan ini secara jelasnya menunjukkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi pemulihan akhlak dan pusat koreksional (penjara) sebagai sebuah platform yang dapat membantu memulihkan fizikal dan spiritual pesalah seks remaja.

Oleh itu, kajian ini memperakui gabungan keempat-empat teori iaitu Teori Tingkah Laku Terancang, Teori Peribadi al-Ghāzalī, Model KAP dan Teori Ekologi Sosial adalah tidak bercanggah malah bersesuaian dan bertepatan bagi meramal kecenderungan tingkah laku manusia. Secara ringkasnya, pembentukan tingkah laku manusia didorong oleh faktor luar dan dalam yang saling berperanan sesama mereka. Aspek-aspek utama yang wujud dalam kedua-dua teori barat dan teori Islam ini saling bekerjasama menjalankan fungsi masing-masing. Walau bagaimanapun, Islam sangat menekankan empat elemen rohani iaitu *al-aql* (akal), *al-nafs* (jiwa), *al-rūh* (roh) dan *al-qalb* (hati) sebagai faktor yang dominan dalam mempengaruhi pembentukan tingkah laku manusia. Berdasarkan hasil analisis yang telah dibuat dalam bab keempat berhubung tingkah laku masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja, maka jelasnya objektif ketiga bagi kajian ini telah tercapai.

## **5.2.4 Hubungan di antara Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Masyarakat Muslim di Selangor Terhadap Program Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks Remaja**

Objektif keempat kajian ini pula ialah menganalisis hubungan di antara pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Berdasarkan kerangka konseptual yang telah dibina berdasarkan keempat-empat teori tersebut, ketiga-tiga aspek pengetahuan, sikap dan tingkah laku ini saling mempunyai perkaitan. Pertambahan maupun kekurangan pengetahuan terhadap sesuatu perkara boleh mempengaruhi perubahan sikap, seterusnya mempengaruhi pula perubahan tingkah laku.

Merujuk dapatan kajian dalam bab empat, ujian korelasi menunjukkan hubungan positif yang kuat antara pengetahuan dan sikap masyarakat ( $r=.545$ ,  $p<0.01$ ). Walaupun dapatan deskriptif bagi kedua-dua aspek pengetahuan dan sikap memperoleh skor min sederhana tinggi, namun kajian ini mengesahkan wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan sikap masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Hal yang demikian selari dengan dapatan pada aspek pengetahuan dan sikap yang membuktikan kewujudan pengetahuan yang baik tentang program pemulihan akhlak turut mempengaruhi pembentukan sikap masyarakat yang positif terhadap program tersebut.

Selanjutnya, ujian korelasi turut memperlihatkan hubungan positif yang sederhana antara sikap dengan tingkah laku ( $r=.427$ ,  $p<0.01$ ). Kajian turut mengesahkan wujud hubungan yang signifikan antara sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Hal ini memperlihatkan tingkah laku masyarakat Muslim yang baik secara jelasnya mempunyai

perkaitan dengan sikap yang positif terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

Begitu juga dengan keputusan analisis keseluruhan antara pengetahuan dan tingkah laku menunjukkan hubungan positif yang sederhana iaitu ( $r=.368$ ,  $p<0.01$ ). Maka, kajian mengesahkan wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan tingkah laku masyarakat Muslim di Selangor terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja. Secara keseluruhannya, kajian membuat kesimpulan kewujudan pengetahuan yang baik serta pemerolehan pengetahuan daripada sumber yang sahih mampu mempengaruhi tingkah laku masyarakat Muslim yang baik terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja.

Justeru, kajian mengesahkan gabungan keempat-empat teori tersebut bertepatan dan membantu dalam mempengaruhi perhubungan yang signifikan antara ketiga-tiga aspek pengetahuan, sikap dan tingkah laku. Berdasarkan hasil analisis yang terdapat dalam bab empat berkenaan hubungan antara pengetahuan, sikap dan tingkah laku masyarakat Muslim terhadap program pemulihan akhlak bagi pesalah seks remaja, maka objektif keempat bagi kajian ini telah berjaya dicapai.

### **5.3 Cadangan**

Keseluruhannya, kajian ini telah berhasil mencapai keempat-empat objektif yang telah digariskan. Namun begitu, berdasarkan hasil kajian masih wujud elemen-elemen berkaitan yang dapat dikaji dan diberi penambah baikan pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini mengemukakan beberapa cadangan sebagai perhatian dan tindakan bagi pengkaji akan datang.

### **5.3.1 Remaja**

Kajian ini memfokuskan golongan remaja sebagai subjek utama yang ingin dikaji. Remaja merupakan transformasi dari era kanak-kanak menuju ke zaman dewasa yang melalui perubahan dari aspek psikososial dan fizikal. Memandangkan kes salah laku seksual pada masa kini amat sinonim dikaitkan dengan golongan remaja, beberapa saranan dan nasihat diberikan agar para remaja dapat menjaga maruah diri, keluarga dan agama daripada melakukan perkara-perkara yang tercela.

Pertama, remaja hendaklah bijak memilih persekitaran dan rakan-rakan yang baik dengan cara mendampingi orang-orang yang soleh. Rakan sebaya merupakan antara golongan yang sangat dekat dan berpengaruh dalam kehidupan remaja kerana kebanyakan masa mereka dihabiskan bersama di sekolah mahupun di luar waktu persekolahan sekiranya mereka meluangkan masa bermain bersama. Kebiasaannya, remaja lebih cenderung memilih rakan sebaya yang mempunyai perserupaan dari sudut sikap, identiti diri dan tingkah laku.<sup>229</sup> Islam menegaskan pemilihan persekitaran dan rakan sebaya yang baik ini amat penting dalam membantu pembentukan akhlak dan peribadi remaja yang baik. Perkara ini seajar dengan pandangan Nasih Ulwan bahawa anak-anak yang bermuamalah dengan kawan-kawan yang baik sahsiahnya akan terkesan dan terdorong dengan tingkah laku yang positif, manakala anak-anak yang berkawan dengan rakan yang pincang akhlaknya akan terikut dengan tingkah laku yang negatif.<sup>230</sup>

Selain itu, remaja disarankan agar sentiasa mendampingkan diri dengan Allah SWT melalui wasilah ibadah wajib seperti menjaga solat fardu lima waktu sebagai keutamaan dalam kehidupan sehari-hari. Hal yang demikian kerana solat merupakan

---

<sup>229</sup> Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman dan Nurul Izzah Mohd Yani, “Faktor Penglibatan Remaja dalam Salah Laku Seksual: Kajian Terhadap Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Pemulihan Akhlak Selangor,” 2019.

<sup>230</sup>

tonggak agama yang mampu menjadi perisai diri dan mencegah daripada terjebak dengan perbuatan-perbuatan yang keji. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 45:

"... إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ... " ٤٥

al-Ankabut 29:45

Terjemahan: "...Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar..."

Di samping ibadah wajib, remaja juga sangat digalakkan agar memperbanyakkan ibadah-ibadah sunat yang lain seperti berzikir, membaca serta menghayati ayat-ayat al-Quran, solat sunat taubat, solat sunat tahajud dan seumpamanya. Seterusnya, dinasihatkan agar remaja sentiasa berdamping dekat dengan ilmu dan ahli ilmu dengan cara menghadiri majlis-majlis ilmu, menambah pengetahuan diri melalui pembacaan buku ilmiah bercorak keagamaan dan berkongsi ilmu dengan masyarakat. Hal ini kerana dengan ilmu remaja bukan sahaja dapat menilai perkara yang baik dan buruk tetapi hakikat utama ilmu itu ialah dapat mengenal Allah yang Maha Esa.

Tambahan lagi, ilmu merupakan warisan para nabi yang mana Allah SWT menjanjikan kemudahan jalan menuju ke syurga bagi orang yang bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu. Bukan itu sahaja, Allah juga menginginkan kebaikan serta mengangkat darjah ulama di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah ayat 11:

"... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ... " ١١

al-Mujadalah 58:11

Terjemahan: "... Allah akan mengangkat kedudukan orang-orang yang beriman dan diberi ilmu pengetahuan agama dalam kalangan kalian beberapa darjah..."

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

"مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ، يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ، وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ، إِلَّا نَزَّلْنَا عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَعَشِيشَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَقَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ".

Terjemahan: "Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya."<sup>231</sup>

### 5.3.2 Ibu bapa

